





اَوْنُوْرُ سِيْتِي تِيْكُوْرُو كِي مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

ILHAM KAMPUS

EDISI KEDUA
2022





Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2022

Hak Cipta Terpelihara.


Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai, disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Jurnal dan Penerbitan (JPU), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN: 2805-539X

Diterbitkan Pada:
7 November 2022

Diterbitkan Oleh:
Unit Buletin
Jurnal dan Penerbitan Universiti (JPU),
Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Tel: 606-5582324
Fax: 606-5582313
Laman Web: <https://melaka.uitm.edu.my/>



Sidang Editor

PENAUNG

Profesor Madya. Dr. Mohd Rasdi Zaini
Rektor UiTM Cawangan Melaka

PENGERUSI

Dr. Nur Hayati Abd Rahman
Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri
UiTM Cawangan Melaka

PENASIHAT

Dr. Khairunnisa Abd Samad
Dr. Shafaf Ibrahim

EDITOR

Dr. Nur Hayati Abd Rahman
Dr. Khairunnisa Abd Samad
Dr. Shafaf Ibrahim
Nur Nabilah Abu Mangshor
Hazrati Zaini
Siti Nuramalina Johari
Mohd Nabil Zulhemay
Dr. Ahmad Firdaus Ahmad Fadzil

Isi Kandungan

SIDANG EDITOR

iii

RENCANA & CERPEN

- Tza, Menjauhlah Jika Tidak Sudi 11-20
- Scam Cinta? Skim Cepat Kaya? Jangan Mudah Terjerat dengan Scammer! 21-22
- Kilauan Mutiara Mat Kilau di UiTM 23-24
- Masa Itu Emas Atau Kehidupan? 25-26
- Kepentingan dan Bagaimana Untuk Meningkatkan Tahap Kecerdasan Emosi 27-28
- Travelog: "Aku Datang Memenuhi Panggilan-MU" 29-30
- Kopi Itu Nikmat, Cubalah! 31-32
- Kaduk dan Khasiatnya 33
- Kurniaan Dari Syurga 34-36
- 65 tahun Merdeka: Menerapkan Pembangunan Mampan untuk Keluarga Malaysia Teguh Bersama 37-41
- Restu 42-46
- Jom dengar Lagu-lagu Nasyid dan Radio IKIM 47-48
- Kembara di Bumi Haramain: Kenangan Terindah 49-52
- Tiga Abdul Satu Aspirasi 53-55
- Pengurusan Tekanan Dalam Kehidupan 56-58

Isi Kandungan

- Perkara Penting Isteri Perlu Tahu Untuk Dituntut Selepas Kematian Suami 59-66
- Suri Rumah Berduit 67-68
- Tinta Seorang Pensyarah 69-70
- *Cheese Bomb*: Dari Graduan DBS ke Usahawan PKS 71-72
- *Can you speak Malay?* 73-75
- Aku dan Kuliah Pertamaku di Fasa Endemik 76-77
- Program Cloth Cares SUZA 2022 78
- Program Mengusap Kepala Anak Yatim Sekolah Kebangsaan Lendu dan Tabung Asnaf SK Lendu 2022 79-80

Isi Kandungan

PANTUN & SAJAK

• Adab Menuntut Ilmu	85
• Bersahabat Hingga Ke Syurga	86
• Bicara Sepi	87
• 48 Hari	88
• Mendidik Diriku dan Bangsaku	89
• Awan dan Takdir	90
• Sunnah Madu	91
• Percintaan Yang Tawar	92
• Malam Terakhir di Pulau Pinang	93
• Kaca Mata	94
• Wad 4-4 Katil 10	95
• Terurai Bahasa Ratu	96
• CSP650	97
• Pantun Sektor Perladangan Pemangkin Industri Mapan Negara Malaysia	98
• 27 Kali Ganda	99
• Cekal Si Ibu Tunggal	100
• Pantun Sedekah	101
• Pantun Tentang Ilmu	102
• “Singkir-kan”	103
• Integriti	104
• Sapaan Yang Menyepi	105
• Sementara	106
• Hiasan Ilmu	107

Isi Kandungan

• Ilham	108
• Pantun Menuntut Ilmu	109
• Perjuangan	110
• Pantun	111
• Pantun Nasihat	112
• Transformasi UiTM : Demi Survival Anak Bangsa	113
• Anak Kecil Pewaris Bangsa	114
• Ya Muhammad	115

LAIN-LAIN

• Ayah dan Ibu	118
• Inspirasi Orkid	119-120
• Motivasi Pelancongan 'Anime'	121-122
• Dunia	123
• Graduan Tanpa Gajet	124
• Pembelajaran Berasaskan Gamifikasi di Kalangan Pelajar Universiti	125-127
• Titip Jiwa	128
• Puisi Nasihat Bonda	129
• Candra dan Jumentara	130
• Makmal Impak Terhadap Kurikulum Universiti	131
• Lukisan Kehidupan	132


Kata-kata yang lemah
dan beradab dapat
melembutkan hati dan
manusia yang keras.
(Hamka)




PENYINGKAT




Rencana & Cerpen

- Tza, Menjauhlah Jika Tidak Sudi
 - Scam Cinta? Skim Cepat Kaya? Jangan Mudah Terjerat dengan Scammer!
 - Kilauan Mutiara Mat Kilau di UiTM
 - Masa Itu Emas Atau Kehidupan?
 - Kepentingan dan Bagaimana Untuk Meningkatkan Tahap Kecerdasan Emosi
 - Travelog: "Aku Datang Memenuhi Panggilan-MU"
 - Kopi Itu Nikmat, Cubalah!
 - Kaduk dan Khasiatnya
 - Kurniaan Dari Syurga
 - 65 tahun Merdeka: Menerapkan Pembangunan Mampan untuk Keluarga Malaysia Teguh Bersama
- 



Rencana & Cerpen

- Restu
 - Jom dengar Lagu-lagu Nasyid dan Radio IKIM
 - Kembara di Bumi Haramain: Kenangan Terindah
 - Tiga Abdul Satu Aspirasi
 - Pengurusan Tekanan Dalam Kehidupan
 - Perkara Penting Isteri Perlu Tahu Untuk Dituntut Selepas Kematian Suami
 - Suri Rumah Berduit
 - Tinta Seorang Pensyarah
 - Cheese Bomb: Dari Graduan DBS ke Usahawan PKS
 - *Can you speak Malay?*
 - Aku dan Kuliah Pertamaku di Fasa Endemik
 - Program Cloth Cares SUZA 2022
 - Program Mengusap Kepala Anak Yatim Sekolah Kebangsaan Lendu dan Tabung Asnaf SK Lendu 2022
- 

Tza, Menjauhlah Jika Tidak Sudi

Nukilan: Nahr Al Khair

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

Tza! Tza!

Aku nampak wajah itu tadi. Aku pasti tidak silap. Walau sudah puluhan tahun aku tidak bertemu dengannya, aku masih boleh mengingat wajah putih mulus Tza. Tza tadi muncul di celah-celah keramaian manusia. Di tengah laluan dan lalu-lalang yang sesak, tiba-tiba sosok itu menoleh ke arahku. Saat itulah, aku terpandang wajahnya. Tza? Hati aku membengkar berbunga. Pandangan kami bertaut. Tza berdiri sayu merenung tepat anak mataku. Tza? Aku berjalan pantas mendekatinya. Tza melangkah. Aku mengejarnya. Namun Tza melangkah lebih laju. Aku sudah mula tercungap. Tza! Tza, tunggu!

Namun sekejapan itu Tza menghilang. Hilang dari balik kerumunan manusia tadi. Tza muncul dan hilang. Muncul dan hilang seperti selalu pantas mendamparkan aku di atas katil ini dengan tubuh yang bersimbah peluh dan dada yang berombak laju. Tza!, Apakah kau sedang mengingat diriku?

“Kau sudah terlalu lama berpisah dengan Tza!”

“Ya, sudah lama. Sudah terlalu lama,”

“10 tahun? 20 tahun?”

“40 tahun...,”

“40 tahun!”

Ya. Aku sudah berpisah dengan Tza sejak 40 tahun yang lalu. Pejam celik, pejam celik sudah empat empat dekad kami berpisah selepas masing-masing membawa haluan berlainan ke sekolah menengah. Tza dan aku bersahabat sejak kami mengenal alam persekolahan. Sejak kami di darjah 1. Di dalam kelas, kami duduk sebelah menyebelah. Kami juga beratur berdua. Aku tidak mencari rakan lain setiap kali guru mengarahkan kami memasuki barisan.

Kami sama-sama akan menemani antara satu sama lain sekiranya ingin ke tandas sekolah. Kau pun tahu, tandas sekolah dulu-dulu. Pastinya ia jauh di hujung sekolah. Pastinya di bawah pohon besar berendang yang menakutkan lagi menyeramkan dengan cerita hantu dan jembalang.

Tza dan aku sentiasa berdua. Ke kantin kami berdua. Ke perpustakaan, ke padang sekolah. Kalau kelas Pendidikan Jasmani, aku akan sentiasa memasukkan Tza yang lemah bersukan ke dalam kumpulan kami agar Tza juga dapat selalu merasakan kemenangan lantaran aku adalah seorang jagoan.

Oh, ya! Aku masih ada lagi menyimpan gambar kelaskami pada tahun 1978 dahulu. Budak perempuan yang berkulit putih dengan tahi lalat di bibir yang begitu kemas, rambut yang rapi dan berpinafore biru, itulah Tza. Tza berdiri di sebelah aku. Aku masih lagi mengingati saat ketika jurugambar Cina mahu menyusun dan mahu mengatur letak duduk kami; Tza Ketika itu menggenggam tangan aku kuat-kuat, tidak mahu dipisahkan dan tidak mahu ditempatkan jauh dari aku!

Entah, jangan tanya aku bagaimana kami boleh menjadi begitu rapat. Tza dan aku sama sekali tidak mempunyai persamaan! Tza budak perempuan yang pendiam. Dia tidak banyak bersuara. Malah sikap Tza yang pendiam sering disalah ertikan rakan-rakan sebagai sombong. Tza tidak mempunya ramai kawan seperti aku. Aku lebih peramah. Aku lebih banyak mulut dan mempunyai rakan keliling pinggang. Aku juga suka bercanda, suka bercerita dan sering saja mempunyai idea untuk berlelucon dan membuat orang tertawa.

Tza tidak pernah kering gusi bila dia bersama aku. Malah sehingga kini aku masih mengingati wajah comel Tza yang menyeringai mempamerkan barisan gigi putih yang tersusun saat tercuit dengan senda gurau dan leluconku. Setiap kali tersenyum atau tertawa, matanya yang bundar itu akan jadi mengecil dan kadang kala terkeluar air matanya. Jika itu berlaku aku akan segera menghulurkan sapu tanganku untuk Tza mengelap air matanya kerana terlalu banyak ketawa! Mungkin inilah yang menjadikan kami begitu rapat dan aku benar-benar merasakan bahagia setiap kali bersamaya!

“Kau perlu melupakannya!”

“Bagaimana mungkin? Tza juga tidak pernah melupakan aku!”

“Kau begitu yakin?”

“Tza sentiasa muncul dalam mimpi aku,”

“Sentiasa?”

Aku mimpikan Tza sejak usiaku 13 tahun. Semenjak kami berpisah kerana masing-masing ditukarkan ke sekolah menengah yang berlainan, aku sudah mula mimpikan dirinya. Sehingga kini. Sehingga usiaku kini. Pelik bukan? Oh, percayalah bukan orang lain saja yang menganggap ia sebagai keanehan. Aku sendiri! Aku sendiri yang mengalaminya ini bukan hanya hampir lemas tapi telah selalu lemas tenggelam timbul diburu mimpi yang tidak jelas, tidak beralur dan bertumpang tindih. Aku menanggung semua ini selama berpuluh tahun!

Sekarang aku sudah memasuki usia setengah abad. Wanita tua ini sepanjang 40 tahun yang lalu, memimpikan orang yang sama setiap masa. Kalau dahulu Tza cuma muncul sekali sekala dalam setahun, namun setahun dua ini, ia menjadi begitu kerap. Hampir setiap bulan aku memimpikan Tza. Tza tidak pernah hilang dari mimpiku. Aku memimpikan orang yang sama berpuluh-puluh tahun lamanya! Aku pasti mimpi itu membawa maksud yang tersendiri!

“Kau tahu, beberapa penyelidikan mengenai mimpi menyatakan mimpi sebenarnya tidak membawa apa –apa maksud pun. Mimpi itu tidak ada asal usul, tidak ada tujuan. Saat kita tidur, otak kita sedang berehat dan ketika itulah kita bermimpi. Mimpi adalah aktiviti yang tidak masuk akal,”

“Kejap. Kejap. Aktiviti yang tidak masuk akal?”

Kalau benar ia tidak masuk akal, mengapa ia terus-terus berpanjangan? Kenapa ia tidak pernah berhenti? Kenapa Tza sentiasa mendatangi aku dalam mimpi? Bukan 10 tahun aku dihambat dengan mimpi bertemu dengan Tza tetapi 40 tahun! Empat dekad! Sejak aku di usia remaja hingga renta kini. Aku pasti mimpi ini membawa maksud yang tersendiri. Sejak dahulu aku yakin Tza masih mengingatiku. Tza masih mahu bersahabat dengan aku. Tza mahu aku menjadi sahabat dan pelindungnya seperti zaman kanak-kanak kami dahulu. Cuma kau kena faham Tza seorang pemalu!

Kau sudah dapat jawapan lama dahulu!

Belum. Aku masih tidak menemukan jawapan dari mimpi-mimpi itu!

Baiklah. 22 tahun yang lalu, aku bertekad untuk bertemu Tza. Kau pun tahu, betapa lelahnya diriku ketika itu. Ketika tubuhku sarat mengandungkan anak kedua, fikiranku pula sarat dan berat dengan persoalan-persolaan mengenai mimpi bertemu Tza. Ketika itu, aku tidak mampu lagi menanggung fizikal dan mental yang terus didera oleh mimpi-mimpi bertemu Tza. Aku ingin mencari jawapan. Bukankah mimpi menyimpan banyak pertanyaan yang belum terjawab?

Lantas dalam suasana Aidil Fitri, aku gagahkan diri mengheret langkah ke rumah ibu Tza di hujung kampung. Rumah yang tidak asing lagi di waktu zaman kecilku. Rumah yang tersergam indah dan sewaktu zaman kanak-kanak dulu sering menerbitkan cemburu di sudut hatiku.

“Apa khabar Tza?” bergetar suara aku ketika melontarkan kata-kata itu. Tekaan aku tepat. Ternyata Tza pulang menyambut Aidil Fitri di kampung kerana dia menetap di luar daerah selepas berumahtangga. Kedatangan aku ketika itu di awal pagi sehingga Tza belum lagi sempat untuk mandi dan berkemas diri.

“Alhamdulillah,” Tza menjawab perlahan sambil mengukir senyuman kecil. Ternyata selepas 17 tahun daripada pertemuan akhir kami Tza masih lagi mengingati diriku. Kau pun tahu betapa sukarnya untuk aku menahan seluruh perasaan ketika itu. Tubuhkan bergementar, lututku terasa goyah. Aku yang sarat dengan pelbagai perasaan begitu mahu berlari memeluk Tza. Aku mahu menghamburkan semua bebanan-bebanan mimpi itu di hadapan Tza. Aku ingin melampiaskan segala yang aku tanggung selama 17 tahun! Namun aku menjadi serba salah, serba tidak kena kerana sikap Tza yang begitu dingin pada pertemuan itu. Aku semakin lemah dan tertunduk malu.

Tza tidak berganjak dari balik pintu. Tza tidak bergerak untuk mendapatkan aku. Oh, Tza langsung tidak mengajak aku masuk ke rumahnya sebagaimana sepatutnya tetamu diraikan. Tza cuma meleret senyuman. Aku menunggu-nunggu juga untuk Tza mengajak aku masuk supaya aku dapat berbual dengannya, bercerita dengannya sepertimana waktu kecil kami dahulu. Hanya ibu Tza yang beriya menjemput aku masuk. Tza tidak bersuara juga tidak teruja. Begitupun, mengenali Tza yang selalu tampil kemas, rapi dan cantik, aku boleh merasionalkan mengapa Tza memilih berselindung di sebalik pintu.

Akhirnya aku sendiri yang meminta diri. Aku sendiri dengan perut sarat berat mengheret langkah meninggalkan Tza tanpa penyelesaian kepada mimpi-mimpi yang aku tanggung selama berbelas tahun. Aku meninggalkan Tza tanpa mendapat jawapan. Tza hanya menghulur kertas kecil yang mengandungi nombor telefon rumahnya.

“Tza tak jemput kau masuk! Tza tak hidangkan kau teh atau kopi!”

“Benar.”

“Tza tidak mahu apa-apa dengan kau lagi. Tza tidak sudi!”

Mustahil. Mustahil Tza melupakan zaman kanak-kanak kami. Kau pun tahu, Tza tidak punya teman selain aku. Kami bersahabat baik. Malah terlalu baik. Tza anak orang berada yang punya keperluan sekolah yang lengkap dan mahal. Tza ada segala-galanya. Daripada pakaian sekolah, beg berjenama yang kukuh buatannya, kasut sekolah dua pasang, kotak pensel mahal, pensel warna Luna dan wang belanja yang lumayan. Tza ada semuanya namun dia tidak pernah melupakan aku, sahabatnya dari keluarga yang serba kekurangan dan tersenarai pula dalam kalangan penduduk miskin.



Tza berkongsi apa saja yang dimilikinya dengan aku. Satu hari, pada waktu pagi ketika sambutan Maulidur Rasul, aku berdiri di satu sudut belakang kelas menunggu Tza. Kami telah berjanji berjumpa di situ. Suasana sekolah hari itu cukup meriah kerana semua murid-murid dan rakan-rakanku berpakaian cantik dan memakai kasut raya (selain kasut sekolah) untuk meraikan sambutan berkenaan. Aku tidak mahu menyertai mereka. Aku sengaja menjauhkan diri kerana dalam upacara gilang gemilang di sekolah waktu itu, aku seboleh-bolehnya tidak mahu rakan-rakan lain nampak aku tidak punyai kasut raya dan hanya menyarung kasut putih sekolah!

Dari jauh aku nampak Tza berjalan memasuki pintu pagar. Seketika bila dia ternampak diriku, Tza menyeringai mengangkat sebuah beg kertas yang tadi dijinjingnya. Beg itu kemudian dihulurkan kepadaku. “Bukalah!” Tza tersengih-sengih sambil matanya terus mengecil. Pantas aku menarik keluar bungkus berbalut suratkhbar itu dan mengoyaknya tanpa menunggu-nunggu. Sepasang sandal yang cantik berwarna merah jambu yang mempunyai rantai urna keemasan dengan kalungan loceng kecil. Aku terlongo dan mengangkat kepala memandangi Tza. “Awak pakailah sandal kita!” Haha. Tza yang baik budi. Betapa pun gelaran sombong yang dilemparkan oleh rakan-rakan terhadapnya, Tza tidak pernah berlaku sombong terhadap aku!

“Tza telah melupakan zaman kanak-kanak itu.”

Kalau begitu mengapa Tza muncul lagi dalam mimpi-mimpi aku? Baik. Selepas pertemuan Aidilfitri itu aku masih mengimpikan Tza, malah lebih kerap. Kalau dikira dan dicongak, selama 22 tahun selepas pertemuan di Aidil Fitri itu selama itulah juga Tza muncul dalam mimpi aku. Mimpi ini pasti membakwa maksud. Aku yakin benar. Aku tidak akan selalu bermimpi bertemu Tza, kalau Tza juga tidak mengenang aku, bukan? Kau tahu tentang telepati? Aku yakin minda aku dan Tza sebenarnya berhubung melalui fikiran dan perasaan secara langsung walaupun tanpa melalui deria yang biasa. Walaupun kami tidak berjumpa dan berbual mesra!

Dahulu, kalau aku mimpikan Tza, dia muncul tanpa bersuara. Jarak Tza selalu jauh dari aku. Namun kini, Tza datang menghampiriku. Kadang-kadang kami sempat bertegur sapa sebelum dia pergi dan menghilang. Bukankah ini satu perkembangan yang baik? Namun perkembangan itu membuat aku semakin cemas, aku semakin takut dengan mimpi-mimpi itu.

“Kau memang perlu rasa takut dan menjauh.”

Kertas kecil yang Tza hulus masa aku bertemu dengannya dulu tidak pernah aku buang. Aku simpan dalam dompet dan menyalinnya di diari. Satu hari mungkin selepas dua tahun pertemuan di Aidilfitri, aku kembali nekad untuk menghubungi Tza melalui nombor telefon kediaman yang diberinya.

"Kau tidak dapat bercakap dengan Tza!"

Tza ketika itu sedang sibuk menguruskan anaknya ke sekolah. Kami hanya sempat berkata sepatah dua. Tza cepat-cepat sahaja meminta aku menelefonnya di malam hari. Malam hari aku menelefon Tza dan telefon itu diangkat oleh suaminya. Aku memberitahu suaminya yang aku sahabat Tza sedari kecil dan aku ingin sekali berbual dengannya. Suami Tza kemudian memanggil Tza namun kemudian dengan suara yang rendah, perlahan dan mungkin rasa serba salah, suami Tza memberitahu aku bahawa Tza sudahpun tidur.

"Tza menolak untuk bercakap dengan kau!"

"Ya. Tza menolak untuk bercakap dengan aku."

"Tza tidak mahu ada apa-apa hubungan dengan kau lagi."

"Susah untuk aku percaya. Kalau begitu mengapa aku sentiasa memimpikan Tza?"

"Jika Tza datang lagi dalam mimpi kau, Tolong tendang dia sekuat-kuat hati kau. Tendang dia keluar supaya dia menjauh dan pergi!"

Kau pun tahu, aku tidak pernah berbuat seperti yang kau sarankan. Aku tidak pernah punya kesempatan pun kerana Tza akan muncul kemudian pergi. Tza akan menyapa aku sebentar kemudian pergi. Jujur, aku juga kadang kala ingin berbuat demikian. Jujur aku ingin mengusir Tza keluar dari mimpi-mimpi aku. Tolong pergi! Tolong jangan datang lagi! Aku sudah penat! Aku sudah terlalu lelah diburu oleh kau dalam mimpi! Aku sudah tidak larat! Bilakah ini semua akan berakhir dan aku menemukan jawapan yang pasti tentang mimpi ini?

"Kau pernah menyakiti Tza!"

Menyakiti Tza? Aku malah melindunginya! Aku menjaganya seperti adik kandung aku sendiri. Aku melindunginya selalu. Jarak rumah kami hampir 2 kilometer dari hujung kampung ke hujung kampung. Rumah Tza di hadapan kampung. Rumah aku di belakang. Bukan sekali aku menemaninya pulang ke rumah sebelum aku berpatah balik ke rumah aku. Aku perlu pastikan Tza selamat. Aku perlu pastikan Tza tidak diganggu budak-budak nakal. Aku tidak mahu Tza diejek-ejek sebagai budak sombong. Aku melindunginya. Aku menjaganya.

"Kau pernah menyakiti perasaannya! Kau pernah melukakan hati dia!"

"Aku melukakan hatinya?"

"Kau pernah buat Tza berkecil hati!"

Sebetulnya, aku yang berkecil hati dengan Tza dahulu. Aku yang berasa jauh hati dengan sikap Tza dan keluarganya. Aku pernah berlarian di tengah-tengah panas matahari untuk ke rumah Tza hanya untuk menyampaikan pesanan kakaknya yang tinggal di Kuala Lumpur. Ketika itu tidak ramai yang memiliki telefon di kediaman masing-masing. Telefon rumah Tza pula rosak menyebabkan kakaknya menghubungi aku menerusi nombor telefon kediaman sepupuku yang tinggal di sebelah rumah. Kau bayangkan betapa gigihnya aku berpeluh-peluh di bakar perit matahari hanya untuk menyampaikan pesanan sekecil itu. Namun aku tidak juga kisah berbuat apa saja untuk Tza. Aku boleh buat apa saja untuk dia!

Namun suatu hari, aku terlambat pulang dari menziarahi guru kami di bandar. Bas dari bandar yang aku naiki berhenti di luar kampung kami. Tidak ada bas lain yang akan memasuki kampung kami selepas jam 7 malam. Dalam perasaan cemas dan berdebar-debar memikirkan suasana yang semakin gelap, aku singgah di rumah Tza dan meminta ahli keluarganya menghantar aku pulang menaiki motorsikal atau kereta. Namun permintaan aku tidak dilayan (atau Tza tidak bersungguh-sungguh meminta tolong bagi pihak aku?).

Ketika itulah aku menyedari bahawa aku tidak layak untuk berkawan dengan Tza sebenarnya. Aku umpama si pipit dan Tza umpama si enggang. Enggang dan pipit tidak selayaknya terbang bersama. Hari itu juga aku terduduk, terjatuh di titik paling bawah dalam hidup aku. Apakah aku sebagai sahabat yang melindungi Tza tidak mempunyai tempat di hati ahli keluarganya? Tidakkah ahli keluarga Tza jatuh simpati atau empatinya kepada aku, rakan baik anak/adik mereka yang sedang mengalami kesusahan ketika itu? Aku akhirnya meninggalkan rumah berjalan penuh ketakutan dalam kegelapan malam dan menangis-nangis dalam hati.

“Kau yang memutuskan hubungan dengan Tza selepas itu!”

Aku menjauhi Tza selepas itu. Aku tidak bercakap dengan dia. Aku tidak bertegur sapa dengannya. Aku menganggap Tza tidak lagi wujud dalam hidup aku, walaupun kami sering saja bertemu di dalam kelas. Ya, semua rakan-rakan dan guru menyedari perubahan kami. Setiap kali Tza mendekatiku dengan senyuman comelnya, aku malah membisu seribu bahasa. Setiap kali Tza cuba menegurku, aku buat endah tidak endah saja. Sekali sekala, saat pandangan mata kami bertaut Tza akan cepat menyeka-nyeka air jernih di hujung matanya.

Kemudian kami semakin jauh dan terus menjauh sehinggalah waktu perisahan kami. Mungkin itu yang membuat Tza berkecil hati, tapi aku lebih berhak untuk berkecil hati, bukan?

“Kau terlalu memikirkan dia sehingga terbawa-bawa dalam mimpi. Kau yang rasa bersalah meninggalkan dia!

“Huh?”

Tapi aku lebih berhak untuk berkecil hati dengan sikap Tza dan keluarganya bukan? Tak mengapalah. Itu cerita lama. Kami masih kanak-kanak ketika itu. Lagipun apalah yang kanak-kanak 12 tahun tahu tentang hati dan perasaan? Aku sudah melupakan semuanya. Tza juga pasti sudah melupakan episod emosional dalam persahabatan kami, bukan? Atau...

Atau apakah dia masih lagi berdendam dengan peristiwa lama? Ah! Mustahil perasaan itu dibawa sehingga ke tua. Tza mungkin berkecil hati dengan aku tetapi itu cerita dahulu. Cerita zaman kanak-kanak kami. Mustahil Tza masih memendam perasaannya berlama-lama. Bertahun-tahun. Time heals. Bukankah masa itu dapat menyembuhkan?

“Tza tidak tahu kenapa kau tinggalkan dia dulu. Tza tidak tahu apa punca kau tidak bertegur sapa dengan dia?”

Benar. Tza tidak tahu. Tza tidak tahu perasaan budak miskin yang merasa terhina seperti yang aku alami dulu. Tza tidak mungkin dapat merasakan betapa pedih dan tercalarnya perasaan seperti itu.

“Kau yang selama ini mahukan Tza kembali dalam hidup kau!”

“Huh?”

Kata Sigmund Freud, "mimpi adalah fikiran alam bawah sedar yang memberi banyak petunjuk mengenai keinginan bawah sedar seseorang, apa yang difikirkannya, apa yang diinginkannya. Di bawah sedar, kau sebenarnya terlalu memikirkan tentang Tza, kau masih memikir-mikir tentang dia dan kau masih mahu kembali bersahabat dengan dia,"

“Tza yang sering datang dalam mimpi kau adalah cara kau memuaskan keinginan dan hasrat yang tidak lagi boleh berlaku. Mungkin tidak akan terjadi.”

“Oh, Huh??”

Bagaimana dengan Tza. Apakah Tza sendiri tidak ada kena mengena dengan mimpi-mimpi aku selama puluhan tahun ini?

Aku begitu bersyukur kerana tuhan tidak pernah menggerakkan hati aku untuk menghantar sebarang mesej peribadi (private message) kepada Tza walau aku sudah menemui Tza melalau akaun Facebooknya sejak 7 tahun yang lalu. Ya, Tza menggunakan nama samaran untuk akaun media sosialnya, namun tidak pula sukar untuk aku menebak wanita separuh abad itu kerana senyumannya tetap saja senyuman kanak-kanak usia 12 tahun yang aku kenali dahulu.

Aku bersyukur walaupun aku pernah terdetik untuk menulis panjang kepada Tza dan menceritakan mimpi-mimpi itu (untuk menagih simpati?) namun aku tidak pernah berbuat demikian. Sungguh, Allah jua yang memelihara diriku kerana aku tidak pasti bagaimana hati dan perasaanku nanti sekiranya Tza tidak memberikan sebarang respons atau mengambil tindakan mem`block` diriku dari akaunnya.

Baiklah aku ceritakan bahawa aku sebenarnya pernah mengangankan bertemu dengan Tza apabila kami menyambung pelajaran di universiti juga mengangankan agar Tza menjadi jiranku seawal mendirikan rumahtangga dahulu. Aku juga pernah berangan agar kami dapat membesarkan anak-anak kami bersama dan menghantar ke sekolah bersama. Sewaktu mahu berangkat menunaikan haji, aku pernah menyelitkan doa agar aku bertemu Tza di tanah suci dan pengembaraan terhebat seorang hamba Allah itu akan menjadi momen terindah untuk aku melepaskan kerinduan pada Tza dan membina persahabatan kami semula. Setahun kebelakangan ini di saat aku mimpikan Tza hampir setiap bulan aku sebenarnya terfikir untuk menghabiskan sisa-sisa hari tua kami bersama.

Aku sudah menghabiskan hampir seluruh usiaku mengingat, mengenang Tza dan mengharap sesuatu dengan kebarangkalian yang paling rendah untuk terjadi. Sekarang ini, aku mempercayai 95% bahawa Tza tidak ada kena mengena dengan mimpi-mimpi aku puluhan tahun dahulu.



Akulah rupanya yang menyimpan fikiran-fikiran dan perasaan terhadap Tza sehingga ia memburu aku sendiri di alam bawah sedar. Aku seharusnya bebas dari hambatan kenangan-kenangan lalu dan berdamai dengan takdir-takdir silam. Kenangan itu biarlah menjadi kenangan tanpa sebarang cubaan untuk diulangi. Ia tidak mungkin akan sama lagi seperti dahulu kerana jangkamasa 40 tahun itu begitu langka sehinggakan terlalu banyak peristiwa yang berlaku di antara kami berdua.

Dari gambar-gambar yang dimuat naik Tza di akaun Facebook miliknya ternyata Tza sedang berbahagia dengan kehidupan bersuami suami, anak-anak dan keluarga. Alhamdulillah, begitu juga aku. Kami sama-sama sedang menikmati kebahagiaan dengan cara masing-masing dan tersendiri. Oleh kerana itu, aku tidak mahu mengganggu-gugat kebahagiaan Tza dan kebahagiaan aku juga dengan cerita-cerita zaman kanak-kanak kami yang sudah seharusnya menjadi lipatan memori.

Scam Cinta? Skim Cepat Kaya? Jangan Mudah Terjerat dengan Scammer!

*Nukilan: Azrina binti Abu Bakar
Akademi Pengajian Bahasa*

*Hati membeku mengingatkan
Kata janji manismu..*

Lirik lagu “Janji Manis Mu” yang dinyanyikan oleh penyanyi terkenal tanah air, Aishah sangat menyentuh hati si pendengar, namun lagu tersebut tiada kaitan langsung dengan aktiviti jenayah ‘scammer’. Scammer? Pernahkah kita atau saudara-mara mahupun sahabat handai kita yang terjerat dengan janji-janji manis dan menjadi mangsa penipuan dalam talian atau scammer?

Kejadian yang menimpa ahli keluarga dan sahabat saya membuatkan saya "benci" kepada scammer. Penuh kecewa dan sedih. Mereka ditipu oleh pihak yang tamak dan tidak bertanggungjawab yang mengakibatkan mereka kehilangan sejumlah wang yang agak besar kerana terpedaya dengan skim pelaburan yang tidak wujud.

Berdasarkan laman sesawang Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, scam merupakan “sindiket penipuan yang berlaku di alam maya di mana pemangsa akan mendapatkan kepercayaan daripada mangsa dengan janji-janji manis, gertakan atau jaminan palsu lalu mengakibatkan pencerobohan data peribadi dan mangsa mengalami kerugian wang tunai”. Antara contoh jenayah scammer seperti scam macau, skim cepat kaya, scam tawaran kerja, scam parcel, scam cinta dan sebagainya.

Jenayah scammer sering menjadi topik yang hangat dibincangkan oleh masyarakat. Menurut laporan Timbalan Pengarah (Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Senior Asisten Komisioner Victor Sanjos, dari Januari hingga Julai 2022, sebanyak 11,367 kes jenayah siber telah direkodkan manakala trend jenayah siber dari 2016 hingga Julai 2022 mencatat peningkatan yang agak tinggi iaitu daripada 39 peratus kepada 61 peratus.

Kini, di zaman teknologi canggih, jenayah scammer bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Kita sering kali mendengar kes penipuan dalam talian yang mengakibatkan mangsa mengalami kerugian yang mencecah ratusan ribu ringgit. Perkara ini sangat membimbangkan kita memandangkan scammer boleh mengambil kesempatan untuk menipu sesiapa sahaja termasuklah golongan warga emas, wanita, dan kanak-kanak.



Namun, paling menghairankan apabila terdapat juga golongan berpendidikan tinggi yang mudah terpedaya dan terjerat dalam aktiviti scam. Contohnya, ada golongan profesional dan berpelajaran tinggi seperti pensyarah, doktor, dan jurutera yang menjadi mangsa penipuan oleh scammer yang menyamar sebagai pegawai polis. Mereka mudah percaya bulat-bulat tanpa usul periksa sehingga kehilangan wang mereka dengan begitu mudah.

Kesimpulannya, semua golongan masyarakat terdedah kepada aktiviti penipuan ini tanpa mengira umur, pangkat, tahap pendapatan dan lain-lain. Oleh itu, kita semua haruslah bijak dan lebih berhati-hati dengan sesiapa sahaja termasuklah orang disekililing kita kerana sesiapa sahaja boleh menjadi scammer pada zaman ini. Janganlah sudah terhantuk baru tengadah. Bukan mudah untuk kita menyimpan wang, jangan biarkan mereka mencuri wang kita dengan mudah.

Kilauan Mutiara Mat Kilau di UiTM

*Nukilan: Zamrina Abdullah
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*

Fenomena luar biasa filem Mat Kilau mencetuskan topik perbualan yang hangat, merencanakan kembali kesedaran tentang perjuangan mempertahankan tanahair Melayu dari jajahan British dan juga membawa mesej kerohanian. Filem Mat Kilau : Kebangkitan Pahlawan telah berjaya merangsangkan penonton ke pawagam dan memecahkan rekod bagi jumlah kutipan tiket di negara ini. Tahniah dan syabas kepada penerbit Studio Kembara dan semua yang terlibat kerana usaha yang serius dan masa yang tepat untuk tatapan dan santapan kepada generasi masa kini. Lipatan sejarah menyaksikan ramai tokoh-tokoh pahlawan yang memperjuangkan tanahair dari ancaman kuasa luar seperti Tok Janggut (Perak), Tok Kenali (Kelantan), Dato' Dol Said (Melaka), Dato' Maharaja Lela (Perak), Haji Abdul Rahman Limbong (Terengganu) dan ramai lagi. Pengorbanan mereka menjadikan tanahair Malaysia kini sebagai sebuah negara yang berdaulat.

“Keris yang menyilau. Aku dipanggil...Mat Kilau” adalah antara dialog popular yang terdapat dalam filem. Banyak dialog yang berbentuk nasihat, peringatan, kesedaran dan motivasi untuk kita jadikan panduan masa kini. Mesej-mesej tersebut merupakan kilauan mutiara yang perlu dikaji dan disebar luas agar penonton tidak hanya menjadikan filem ini sebagai hiburan semata-mata.

Pengorbanan

Dari segi konteks pendidik, perjuangan dalam dunia pendidikan tiada titik noktah. Ini memerlukan pengorbanan usaha dan penambahbaikan yang berterusan untuk meningkatkan kualiti modal insan. Modal insan yang berkualiti akan mencerminkan kejayaan negara pada masa akan datang. Pengorbanan pendidik dari segi masa dan tenaga adalah penting untuk meningkatkan keserjanaan supaya kekal relevan sebagai ahli akademik dan mendidik pelajar secara formal atau tidak formal supaya dapat bersaing dengan cabaran di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dialog Tok Gajah, “Kita hendaklah sentiasa mendepani masa” selaras dengan perancangan strategik UiTM2025 iaitu melonjakkan UiTM sebagai Globally Renowned University. Ini memerlukan pelajar dan pendidik bertindak secara agresif, berfikiran global dan dapat bersaing diperingkat antarabangsa ke arah menjayakan wawasan tersebut. Wawasan ini menuntut pengorbanan yang tidak berbelah bahagi dari semua warga UiTM yang akhirnya akan memberi sebuah kejayaan yang indah.

Sikap dan Kerohanian

Di samping itu, mesej kerohanian perlu diterapkan agar tugas dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Antara sikap yang boleh digarap dari filem ini adalah strategi yang cekap akan membuahkan hasil yang cemerlang, bekerja dengan ikhlas dan fokus dalam satu kumpulan untuk menjayakan misi perjuangan. Semua sikap ini terangkum dalam satu kepercayaan dan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah. Sikap ini sangat penting untuk mencapai kecemerlangan dalam dunia pendidikan. UiTM telah memperkenalkan model A.D.A.B sebagai mekanisme penyampaian pengajaran berdasarkan adab dan amanah. A ialah Analysis, D ialah Design, A untuk Assess dan B untuk Build in Belief. Model ini bertujuan menghasilkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Maka, terhasil pendidikan holistik yang melangkaui keupayaan agama, etnik dan individu.

UiTM telah memperkenalkan berbagai inisiatif, model dan mekanisme dalam pengajaran. Pendidik dan pelajar perlu menjiwai dan memahami aspirasi UiTM disamping sentiasa menerapkan nilai-nilai murni. Semoga kilauan mutiara atau mesej positif dari filem Mat Kilau dapat diterapkan dengan sebaiknya dalam dunia pendidikan di UiTM.

Masa Itu Emas Atau Kehidupan?

*Nukilan: Dr. Hainnuraqma Rahim
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Masa sering dikaitkan dengan emas, atau dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai “Time is Gold”. Orang dahulu kala sering mengaitkan masa dengan emas kerana emas adalah harta yang paling bernilai dan berharga pada ketika itu. Namun, jika diteliti semula, masa yang dianalogikan dengan emas ini dilihat kurang tepat kerana emas yang hilang masih boleh dicari dan ditukar ganti, akan tetapi masa yang telah berlalu tidak akan kembali lagi. Oleh itu, masa adalah sesuatu paling berharga daripada segala apa-apa yang dimiliki manusia.

Dalam Islam, takrifan masa disempitkan maknanya dengan konsep kehidupan. Sinergi antara masa dan kehidupan ini dapat dibuktikan lagi menerusi hadis daripada Ibnu Abbas, Baginda bersabda: “Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Masa sihat sebelum sakit. Masa kaya sebelum datangnya masa sempit (miskin). Masa lapang sebelum datangnya masa sibuk. Masa mudamu sebelum datang tua dan masa hidup sebelum tiba masa mati” (Riwayat Hakim dan Baihaqi).

Menguatkan lagi justifikasi bahawa sinergi antara masa dan kehidupan sangat rapat dapat dikaitkan dengan kata-kata yang pernah diungkapkan oleh Imam Hassan Banna bahawa, “Barangsiapa yang faham nilai sebenar masa akan tahu tentang hidup itu sendiri kerana masa adalah kehidupan”.

Masa adalah Amanah. Bahasa mudahnya untuk mengaitkan masa dengan kehidupan adalah, masa sebenarnya boleh diibaratkan seperti nyawa manusia dan selagi mana kita diberi peluang untuk bernafas maka sebenarnya kita masih mempunyai masa untuk mengamalkan amar makruf nahi mungkar. Betapa pentingnya masa dalam kehidupan turut disebut dalam al-Quran dalam surah al-Asr ayat (103:1-3) yang menyebut:

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian – Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar (103: 1-3).

Ayat (103: 1-3) dapat menjelaskan bahawa manusia akan terus berada dalam kerugian kecuali bagi orang mukmin yang sedar akan kepentingan masa lalu menggunakan masa tersebut untuk melakukan kebajikan dan kebaikan serta memberi peringatan untuk manfaat diri sendiri dan masyarakat sekeliling secara umumnya. Selain itu, turut dijelaskan juga dalam surah al-Lail: 1-2, adh-Dhuha: 1-2, al-Fajr: 1-2 dan asy-Syams: 1-2 mengenai kepentingan masa dengan kehidupan.



Dalam hal ini, Muslim yang holistik dan Ideal sememangnya akan memperuntukkan masanya dengan mengerjakan ibadah kepada Allah SWT, iaitu menunaikan solat lima waktu, berpuasa, menunaikan zakat, mengerjakan haji dan lain-lain tanggungjawab sebagai Muslim sejati. Selain itu, Muslim sejati akan menjalankan pekerjaannya yang tidak bercanggah dengan syariat-syariat Islam. Masa juga boleh diisi dengan menambahkan intelektual melalui pembelajaran formal dan tidak formal dengan menghadiri majlis-majlis ilmu. Muslim sejati juga akan mengisi masa bersama keluarga dengan mencari kebahagiaan bergantung pada kebijaksanaan. Masa yang diisi dengan aktiviti kemasyarakatan pula diluahkan dengan bersosial, bergotong-royong, bersukan, menjalankan kerja-kerja amal dan sebagainya. Setelah lelah bekerja, masa yang ada boleh diluahkan dengan memulihkan tenaga dan fikiran untuk meneruskan kehidupan.

Sekiranya masa tidak diisi dengan perkara yang membawa keredhaan Allah SWT, akan timbul penyesalan buat selamanya, sebagaimana yang Allah SWT berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Barangsiapa yang berbuat demikian, maka mereka akan terdiri termasuk dalam golongan yang rugi” (Surah al-Munafiqun, ayat 9).

Melihat kepada kepentingan masa dalam kehidupan, hidup ini terlalu singkat untuk dibazirkan masa dengan perkara yang tidak bermanfaat. Ini kerana, masa yang telah berlalu tidak akan kembali lagi melainkan amal soleh yang telah dilakukan di muka bumi ini.

Kepentingan dan Bagaimana Untuk Meningkatkan Tahap Kecerdasan Emosi

Nukilan: Zainah binti Jalil & Nor Aizan binti Mohamed

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Kebelakangan ini, terutamanya ketika era pandemic dan andemic Covid 19 kita sering disajikan dengan berita-beritaseperti kejadian membunuh diri, kes penderaan terhadap ahli keluarga terutamanya anak-anak kecil, kes buli di jalanraya dan sekolah dan banyak lagi kes keganasan yang lain. Kesemua kejadian yang tidak diingini ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor yang mengakibatkan mereka gagal mengawal emosi dan akhirnya mengalami tekanan perasaan dan kemurungan. Hasil dari kajian oleh Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019, mendapati hampir setengah juta rakyat di negara ini mengalami simptom tekanan atau depresi akibat dari kegagalan mengawal emosi. Kegagalan mengawal emosi ini adalah salah satu simptom yang menunjukkan seseorang individu mempunyai kecerdasan emosi yang rendah. Jika ianya tidak dikawal dengan kadar segera akan membawa kemudaratan bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada orang-orang di sekeliling. Apakah yang dimaksudkan dengan kecerdasan emosi? Secara ringkasnya, kecerdasan emosi boleh ditakrifkan sebagai kemampuan seseorang untuk memahami,,menggunakan dan mengelola emosi diri sendiri dan orang lain dengan cara yang positif. Di antara tanda-tanda yang seseorang individu mempunya tahap kecerdasan emosi yang rendah adalah:

- 1.Sukar mengawal emosi menyebabkan mereka mudah mengalami stres dan mood sentiasa berubah-ubah tanpa dijangka
- 2.Mudah terasa hati/tersinggung dengan pernyataan dan tindakan orang lain yang boleh menjurus kepada sering berlakunya konflik
- 3.Kurang memahami emosi diri sendiri – sering keliru dengan emosi sebenar yang menyebabkan seringkali kata-kata tidak seiring dengan emosi
- 4.Sering menyalahkan orang lain atas kesalahan yang mereka lakukan
- 5.Memiliki sedikit kawan yang rapat kerana mereka sukar memahami emosi dan kurangnya rasa empati terhadap orang lain
- 6.Sering mendominasi percakapan di mana mereka kerap memotong percakapan orang lain dan menginginkan orang lain mendengar percakapan mereka sahaja.
- 7.Selalu bertengkar dengan orang lain samada, keluarga, rakan kerja, dan orang luar kerana mereka sering menganggap pandangan orang lain sebagai suatu kritikan terhadap mereka.

Tahap kecerdasan emosi ini perlu sentiasa diperbaiki dan dipertingkatkan terutamanya di peringkat awal usia kerana melaluinya seseorang individu dapat menghilangkan stres, boleh berkomunikasi secara efektif, mempunyai empati pada diri sendiri dan dengan orang lain serta mampu mengatasi dan meredakan konflik. Yang paling penting ianya dapat membantu membina hubungan yang lebih baik dan harmoni dengan orang lain di sekeliling

Bagaimanakah caranya untuk meningkatkan kecerdasan emosi? :

1. Kenali emosi

Kenalpasti apa yang dirasakan, bila emosi-emosi seperti itu wujud, cari penyebabnya, dan tindakan yang akan diambil untuk bertindakbalas terhadap emosi tersebut. Misalnya, apabila emosi cemas, detak jantung berdebar kencang atau ketika sedih, merasa tidak ada semangat. Dengan mengenali dan menganalisis emosi kita dapat ketahui apakah tindakan yang boleh dilakukan untuk mengurangkan atau menghilangkan emosi tersebut.

2. Kembangkan kecerdasan emosi

Pelajari cara menyalurkan emosi dengan tepat dan cara untuk memotivasi diri sendiri supaya mood tetap stabil meskipun dalam keadaan yang tidak menyenangkan. Wujudkan juga rasa empati pada diri sendiri dan orang lain dengan mengurangkan prasangka buruk terhadap diri sendiri dan juga orang lain

3. Pelajari konsep baru

Belajar atau mencari pengalaman-pengalaman baru dapat membuat fikiran kita jauh lebih terbuka supaya boleh memandang berbagai hal dalam perspektif yang baru. Berfikiran terbuka untuk mencuba sesuatu yang baru seperti mempelajari bahasa baru, mencuba hobi baru dan bersedia menerima kritikan dan saranan daripada orang lain.

4. Berlatih untuk merawat diri sendiri

Kegiatan fizikal seperti berolahraga, kebersihan diri, tidur yang cukup dan banyak minum air dapat mempengaruhi kualiti mental seseorang. Sering berjalan kaki juga dapat meningkatkan aliran darah ke otak yang dapat menciptakan kesejahteraan mental. Dari perspektif Islam pula kekuatan emosi boleh ditingkatkan melalui perbanyakkan amalan solat, zikir tadarus Quran dan sentiasa bersyukur serta tidak berbangga dengan diri sendiri.

5. Memotivasi diri sendiri

Sentiasa berfikiran positif dan tidak mudah merasa putus asa akan suatu hal, Selain dari itu belajar untuk memaafkan kesalahan orang terhadap kita dan hindarkan diri daripada golongan manusia “toksid” dan berfikiran negatif.

Oleh itu adalah penting setiap individu perlu memahami dan berusaha untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi untuk membolehkan kita mengawal dan menyesuaikan emosi dalam apa jua situasi yang kurang menyenangkan. Selain dari itu dengan mempunyai kecerdasan yang tinggi juga dapat mengelakkan seseorang individu dari mempunyai sikap sombong, tidak sabar dan tidak bersyukur. Malah, ianya juga boleh memperbaiki hubungan sesama manusia, keterampilan diri, serta kesihatan fizikal dan mental seseorang individu.

Travelog: "Aku Datang Memenuhi Panggilan-MU"

Nukilan: Zurah Abu

Fakulti Sains Komputer dan Matematik

لبيك اللهم لبيك

"Aku datang memenuhi panggilan-Mu Ya Allah. Aku datang memenuhi panggilan-Mu".

Syukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, buat pertama kali aku dapat menjejakkan kaki di bumi Makkah al-Mukarramah bagi menyempurnakan ibadah umrah. Aku akur yang 5 tahun lepas, di saat-saat akhir, Engkau menolak kehadiranku ke sini. Malah, Engkau gantikan ia dengan suatu perancangan yang lebih baik kini, sepertimana Engkau telah aturkan kehadiranku yang cukup 'istimewa' ke dunia ini.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

Segala puji-pujian hanya untuk-Mu.

Letih berbelas jam penerbangan bertukar kepada takut, berdebar, suka, teruja, tidak sabar dan pelbagai perasaan apabila lapangan terbang Jeddah telah selamat didarati. Saat kaki melangkah masuk ke MasjidilHaram, air mata terlerai tatkala terpancang Kaabah yang dibanjiri lautan manusia masyarakat Islam dari segenap pelosok dunia. Bagaikan tidak percaya, Engkau menerima kehadiran hamba-Mu yang serba kekurangan ini ke tempat suci ini. Di Makkah, segala kenangan yang terpalit amat indah untuk aku kenang dan ceritakan malah di sini banyak mengajar aku erti kesabaran. Pulang ke Malaysia, aku berharap agar aku istiqomah, dapat merancang waktu dengan baik dan sentiasa bersemangat melaksanakan setiap ibadah sepertimana di sini, aku mampu tidur sekejap, aku mampu solat berjemaah, aku mampu banyak berzikir dan aku mampu solat sunat berulang kali seusai solat fardhu. Bagaimana kami berlari dan berusaha untuk mendapatkan tempat awal di masjid bagi menunaikan solat berjemaah dan bagaimana saat melihat jenazah berbaris untuk disolatkan, tidak akan dapat aku lupakan. Aku turut akan merindui lunaknya suara imam membaca ayat Al-Quran ketika solat dan merdunya laungan azan bilal di sini.

Setelah lima hari di Makkah, tibalah masa untuk bergerak ke Madinah, bumi Rasulullah dan para syuhada. Perasaan bercampur baur menyelubungi. Adakah ini yang pertama dan terakhir aku melihat Kaabah di depan mata? Sayu hati meninggalkan tanah suci Makkah walaupun dalam masa yang sama aku juga teruja untuk menziarahi makam Nabi Muhammad SAW dan para sahabat.

Setibanya di bumi Madinah yang tenang, Masjid Nabawi adalah tempat pertama dikunjungi. Sungguh istimewa tempat tinggal Baginda di sisi Allah SWT. Tiap kali berada di dalam atau di luar masjid, aku akan berasa kagum seakan pertama kali terpana melihat senibina dan rekaan Islam yang luar dari biasa dan unik ini. Lima hari terasa cepat berlalu. Syukur segala urusan dipermudahkan-Nya. Aku dapat masuk ke Raudhah iaitu dikenali sebagai sebuah taman di antara taman-taman syurga serta dapat menyampaikan salam di hadapan makam Rasulullah dengan mudah malah aku dikelilingkan rakan yang baik sepanjang perjalanan ini.

Dari Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, “Ibadah umrah ke ibadah umrah berikutnya adalah penggugur (dosa) di antara keduanya, dan haji yang mabrur tiada balasan (bagi pelakunya) melainkan syurga” (HR al-Bukhari dan Muslim). Sebagai penutup travelog ini, dengan rendah diri, aku memohon kepada-Mu agar Engkau ampunkanlah segala dosaku, Engkau berkatilah perjalanan umrah ini, Engkau terimalah amalanku, Engkau kabulkanlah doaku serta Engkau kurniakanlah aku umrah yang mabrur. Semoga perjalanan umrah ini menjadi titik tolak untuk aku berubah kepada yang lebih baik justeru menjadi antara salah seorang umat Nabi Muhammad SAW yang tergolong di kalangan ahli syurga. Izinkanlah aku menjejak kaki di al-Haramain as-Syarifain, dua kota suci iaitu Makkah dan Madinah ini sekali lagi.

امين يارب العالمين



Kopi Itu Nikmat, Cubalah!

Nukilan: Siti Fatimah Binti Mohd Rum

Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Bau aromanya sahaja ibarat terapi. Serta-merta terbit rasa penuh semangat dan segar mata yang menikmatinya di pagi hari. Bagi penggemar kopi, tidak ceria kehidupan pada hari itu seandainya tidak meneguk secawan dua. Kadang-kadang secawan pun jadilah! Kopi mahal atau murah, kopi kampung, kopi berjenama atau “hipster” tidak menjadi persoalan yang penting dapat menikmatinya setiap hari. Seolah sudah menjadi satu kemestian tidak kira golongan yang muda atau tua nikmat meminum kopi itu adalah satu “kebahagiaan” bagi sesetengah mereka. Kopi juga dapat dijadikan alasan untuk kita keluar berjumpa kenalan sambil bergosip dengan cerita-cerita kehidupan. Tidak kira waktu atau tempat asalkan menunya ada disediakan pelbagai perisa kopi sudah pasti ianya akan menjadi kafe pilihan untuk bersantai bersama keluarga dan juga rakan taulan.

Samada air kopi panas, sejuk atau berais semuanya perlu dicuba. Mahu tambah susu, sirap gula, perisa karamel, krim putar, hirisan kacang, serbuk coklat ataupun “extra shot” adalah antara pilihan yang popular dikalangan penggemar kopi terutamanya penulis. Sudah pasti “caramel macchiato” menjadi pilihan sekiranya singgah di kafe. Seandainya setiap gelas atau cawan kopi yang dinikmati setiap hari dapat diberikan penilaian bintang antara 1 – 5, sudah pasti semua bintang diangkasa mencemburuinya kerana terlalu banyak nak diberikan terutamanya kepada air kopi yang bukan biasa-biasa rasanya. Kadang-kadang penulis selalu berangan untuk menjadi seorang “barista” profesional dan memiliki kafe kopi sendiri. Tapi bila dilihat kursus profesional yang ada boleh buat kita geleng kepala, tak mengapalah saya setia untuk minum kopi sahaja! Malah tidak kurang juga setiap hari ada sahaja perkongsian berkenaan air kopi sedap dari kalangan pengguna media sosial di setiap ceruk kedai dan kafe yang pernah mereka kunjungi. Sekejap sahaja tularnya video, esoknya sudah penuh dengan pengunjung!

Namun ada juga yang berkata kopi mengandungi kafein jadi ianya tidak bagus untuk kesihatan. Jangan risau wahai penggemar kopi, menurut Dr. Hazel Wallace di laman sesawang peribadinya iaitu <https://thefoodmedic.co.uk/2021/07/the-pros-cons-of-coffee/>, meminum air kopi dapat memudahkan perut untuk melawas, membantu kita untuk lebih peka dan fokus, meningkatkan kesihatan mental malah ia juga merupakan salah satu sumber antioksidan. Namun jika tidak dikawal pengambilannya meminum air kopi juga dapat membuat peminumnya menjadi ketagih, meningkatkan tekanan darah dan gula di dalam badan dan juga memberi impak terhadap kuantiti dan kualiti tidur.

Sebab itulah Islam ada menyarankan, kita perlu bersederhana di dalam banyak perkara dan salah satunya dari segi pengambilan makanan dan minuman agar tidak memudaratkan kesihatan. Disinilah kita perlu berpada-pada mengambilnya bukan “tepuk dada, tanya selera”. Kalau ikutkan selera, memang hancurlah diet kita! Penulis pasti, setiap penggemar kopi bijak membuat pilihan dan tidak perlu rasa bersalah untuk meminumnya setiap hari asalkan tahu kuantiti yang sepatutnya diambil. Tapi jangan lupa ya untuk minum air kosong juga!

Dari perspektif penulis sendiri, meminum air kopi juga dapat memanfaatkan ruang untuk refleksi atau muhasabah diri serta memberikan ketenangan di kala hujan turun di siang hari sambil menonton rancangan atau filem kegemaran. Mungkin penulis agak berat sebelah dalam coretan ini tetapi itulah sedikit fakta yang mampu menceriakan hari walaupun ada yang kata rasa kopi itu pahit. Bukanlah kopi kalau tak pahit baik minum air kosong sahaja! Jangan marah wahai pembaca yang budiman. Sama sahaja dengan kehidupan, ada yang pahit ada yang manis semuanya akan kita tempuhi. Jika anda tidak pernah minum air kopi, cabarlah diri untuk mencubanya sekali. Seandainya anda suka selepas itu nikmatilah lagi biarkan ianya membawa anda ke destinasi pengembaraan yang seterusnya pasti tidak akan menyesal. Tapi jika ada rasa jelik dengan air kopi cukuplah sekali. Semoga tiada anggapan pelik terhadap kopi. Malah ramai juga yang bangkit dari kesempitan hidup dengan memulakan perniagaan air kopi secara kecilan. Biar kecil asalkan halal, biarkan tidak mewah asalkan hati cukup bahagia untuk teruskan kehidupan dengan sedikit keselesaan. Kesimpulannya, kopi merupakan salah satu anugerah Tuhan yang patut kita nikmati dan syukuri. Seperti yang tertulis di dalam surah **Ar-Rahman ayat 13**,

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبِينَ

“Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?”

Sentiasalah kita beringat dan mensyukuri segala nikmat dan rahmat dari-Nya setiap hari walaupun ianya hanya secangkir kopi. Alhamdulillah, terima kasih Allah atas rezeki dan ciptaan-Mu yang hebat ini kerana kopi itu punya nikmat yang tersendiri.

Kaduk dan Khasiatnya

*Nukilan: Zaity Akhtar Mukhtar, Asliza Mohd Yusof, Shareenie Shera Abdul Hamid
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan*

Kaduk merupakan sejenis tumbuhan menjalar yang boleh membesar sehingga 10m dan sering disangka sirih kerana bentuk dan warnanya yang begitu mirip sekali, secara saintifiknya ia lebih dikenali sebagai Piper sermentosum. Tumbuhan ini sangat terkenal dikalangan masyarakat Melayu sebagai sumber makanan sihat mau pun dijadikan ulam-ulaman pelengkap hidangan. Kaduk terkenal sebagai ubatan tradisional dikalangan orang Asia Tenggara samada penggunaan daunnya atau akarnya.

Secara tradisi, seringkali kaduk digunakan bagi tujuan penghadaman dan juga merawat demam. Selain itu, jus tumbuhan ini juga sangat bagus dan berfungsi sebagai merawat kahak di mana buahnya digunakan untuk menghalang lendir dan bahan lain dalam saluran pernafasan.

Selain daripada itu, akarnya juga mempunyai pelbagai kegunaan bagi rawatan sakit gigi, batuk, asma dan lain-lain. Dalam kajian yang telah dijalankan oleh (Elvy Suhana Mohd Ramli, 2013) telah mendapati kandungan antioksidan yg terdapat didalam tumbuhan ini telah meningkatkan imun sistem seseorang dalam menghindari penyakit osteoporosis. Tumbuhan tradisional ini telah membantu mengurangkan kos rawatan pesakit osteoporosis bagi pengamalannya jika dibandingkan dengan rawatan konvensional yang jauh lebih tinggi.

Menurut satu kajian lain yg dijalankan oleh (Xialei Sun, 2020) mendapati kandungan antioksidan dalam daun kaduk merupakan sumber farmakologi bagi anti hipertensi justeru ianya mampu mengurangkan tekanan darah kepada pesakit hipertensi selain dari anti-kanser dan anti-diabetes. Ini menunjukkan bahawa tumbuhan ini sangat memberi berfaedah dari segi rawatan kesihatan kerana ianya mampu merawat dan menghindarkan beberapa jenis penyakit yang seringkali dihadapi oleh masyarakat.

Kesimpulannya tumbuhan kaduk yang mempunyai kepelbagaian kegunaan dan tinggi khasiat kesihatan ini perlu diperkenalkan kepada semua peringkat masyarakat terutama golongan muda yang dasarnya tidak menggemari atau mengenali tumbuhan ini secara khusus. Galakan untuk penanaman tumbuhan ini di setiap rumah perlu dianjurkan kerana selain daripada sedap dimakan ianya juga sangat baik untuk kesihatan.

Kurniaan Dari Syurga

Nukilan: Mimi Sofiah Ahmad Mustafa

Jabatan Undang-Undang

Anak-anak... mereka memang istimewa. Semasa mereka kecil, kita sebagai ibubapa tak sabar bangun pagi untuk peluk dan mencium mereka. Ironinya, tak sabar pula kita hendak pastikan mereka tidur awal pada waktu malamnya! Supaya dapat kita pula berehat setelah penat bekerja dan menjadi *tarzan* apabila pulang ke rumah!

Saya dikurniakan empat orang cahayamata, *Alhamdulillah*. Dua orang perempuan dan dua orang lelaki. Tidak terucap dengan kata-kata atas kurniaan maha hebat daripada Sang Pencipta ini. *I wouldn't (or couldn't) change them for the world!* Bak kata *omputih*.

Sedari mereka kecil lagi, saya tanamkan cita-cita untuk membuat kompilasi cerita anak-anak saya dan anak kawan-kawan saya untuk dibukukan sebagai memori terindah untuk dikenang sewaktu lapang atau selepas pencen nanti. Seperti selalunya, cita-cita itu belum lagi direalisasikan. Semua kawan saya sudah sedia maklum saya seorang *procrastinator*. Bukan sebarang tahap *procrastination* saya! *Haha*. Ada juga yang menggelar saya sebagai *magician*! Itu saya akui jika kerja yang dibuat itu peroleh kejayaan yang tidak diduga yang dihantar pada *deadline* yang telah ditetapkan seperti artikel yang berjaya diterbitkan dalam jurnal berindeks atau pingat emas yang dikaut dalam mana-mana pertandingan inovasi dan sebagainya.

Untuk memujuk hati ini, saya merasakan ini peluang terbaik untuk saya kongsi serba sedikit apa yang telah anak-anak saya ucapkan semasa mereka berada bersama-sama saya.

Saya dan suami seboleh mungkin cuba menerapkan nilai-nilai murni serta ajaran Islam kepada anak-anak kami. Jadi mereka telah sedari kecil diajar bagaimana berpakaian mengikut tuntutan agama. Pada suatu pagi berpuluh tahun yang lalu, saya perasan jiran saya iaitu seorang wanita bujang yang bekerja di sebuah bank sedang membasuh kereta merahnya. Apabila saya perasan apa yang beliau pakai untuk aktiviti tersebut melalui tingkap bilik tidur saya, saya pun berkata-kata dalam hati saya, "Ya Allah, janganlah N (anak sulung perempuan saya) nampak jiran saya dalam keadaan tersebut!". Baru saja saya habis berkata-kata demikian, N telah keluar rumah melalui pintu hadapan (yang sebenarnya telah dikunci) terus meluru berhampiran pagar jiran saya dan melaung, "Makcik!!! Tak ingat Allah ke???" Ya Allah, bercampur baur perasaan saya ketika itu! Jiran saya itu pula terpinga-pinga dengan apa yg didengarnya! Si N ketika itu berumur lima tahun, terus menerus bertanya soalan yang sama apabila tidak mendapat jawapan daripada jiran saya yang memakai seluar pendek dan baju tanpa lengan untuk membasuh keretanya itu. Namun, selepas itu kami tidak lagi melihat beliau berpakaian tidak senonoh sewaktu membasuh keretanya lagi. *Alhamdulillah*.

Anak perempuan kedua saya pun tak kurang hebat teguran ala-ala ustazahnya. Kami selalu menjelaskan kepada anak-anak tentang perkara maksiat yang dilarang oleh Allah terutama apabila perkara tersebut berlaku depan mata kami ataupun dalam mana-mana media. Pada suatu petang, kami suami isteri duduk bersebelahan sambil menonton televisyen di ruang tamu. Kami mengunyah kacang kuda yang dibeli di pasar pagi tersebut sambil anak-anak sibuk dengan mainan masing-masing. Tiba-tiba suami meminta saya menyuapkan kacang kuda ke mulutnya dan saya menurutkannya sambil mencubit manja pipi suami. Anak kedua saya S (lima tahun ketika itu) pantas terus memberi pendapatnya, "Macam buat maksiat je ye ibu ayah!" S merakamkan rasa tidak setujunya dengan perbuatan saya bermesra-mesra dengan suami sambil membulatkan matanya dan bercekak pinggang! *Haha*. Sakit perut kami gelakkan dia petang itu.

M pula adalah anak lelaki pertama kami. Sedari kecil M memang banyak bertanya soalan yang mencabar untuk saya dan suami jawab. Pernah sekali sewaktu saya bawa M ke Alor Gajah dan kami lalu di sebuah sekolah, M bertanya, "Ibu, sekolah kebangsaan Dubai di mana ye?" M juga pernah bertanya kepada saya bagaimana kubur seseorang itu boleh menjadi terang dan saya menjelaskan bahawa seseorang itu mesti melakukan apa yang Allah perintah seperti mengaji al-Quran, membantu ibu basuh pinggan dan tidak meninggalkan solat. Dengan selambanya M terus berkata, "Wah, tak sabarnya nak masuk kubur!" Tersedak saya ketika itu sambil memberi respon, "*No...no...not yet not yet please!* Kumpul pahala dulu okay sayang." Saya cuma khuatir M akan bertindak tanpa berfikir panjang kerana M pada masa itu baru berumur 7 tahun. M juga pernah mengambil wuduk sebanyak dua kali semasa berumur 6 tahun untuk menunaikan solat dan saya bertanya mengapa. M menjawab, "Kalau kentut, dah tak payah nak ambil wuduk lagi kan ibu? Sebab dah ada *back up* wuduk satu lagi tu!" *Hehe*. Hidup saya terasa sangat lengkap dan indah. *Alhamdulillah*.

Kembara hidup kami seterusnya dihiasi dengan kehadiran H, anak lelaki bongsu kami. H sangat minat membaca dan oleh itu banyak bertanya. Di usia 16 tahun sekarang ini, Soalan-soalan H untuk saya, suami dan adik beradiknya yang lain juga makin mencabar. Sewaktu umurnya menjangkau 5 tahun, H bertanya sambil di tangannya ada sebuah *Encyclopedia*, "Ibu, lipas kan kalau mengandung, dia pergi ke hospital jugak kan untuk bersalin?" Saya memang terpinga-pinga untuk menjawab dan pada hari tersebut H pun tahu bahawa hak istimewa yang ada pada ibu manusia tidak sama sekali diberi kepada ibu lipas! H pernah juga berlakon menjadi cikgu Bahasa Arab dan bertanya pada saya, "Ibu, wahidun?" Saya pun menjawab, "Satu." "Isnani?" "Dua." "Salakatun?" H pelik bila saya ketawa dengan soalan beliau itu! Pada ketika yang lain, saya menegur H. "Adik, jangan la *clumsy* sangat ye dik." H menegaskan, "Itukan fitrah bu!" *Hmm*, saya perlukan template daripada cendekiawan untuk memberi respons yang sesuai untuk anak-anak nampak gayanya.



Begitulah kisah anak-anak saya untuk nukilan kali ini. Kalau berpeluang lagi, in shaa Allah, boleh dikongsi lagi dengan semua. Semoga apa yang tertulis boleh membawa sedikit keceriaan kepada yang sudi membaca. Anak-anak memang pembawa seri dan cahaya dalam sesebuah rumahtangga. Kita sepatutnya meraikan mereka mana yang termampu. Jangan sesekali menjatuhkan semangat mereka jika mereka ingin berkongsi rasa dengan kita mengenai apa saja. Mereka memerlukan kita walau di tahap mana pun proses pembesaran mereka. Selamat menimba pahala kesabaran dan kemanisan membesar bersama-sama anak-anak buat semua ibu dan ayah di luar sana.

65 tahun Merdeka: Menerapkan Pembangunan Mampan untuk Keluarga Malaysia Teguh Bersama

*Nukilan: Norazlinda Hj Mohammad
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media*

Terdahulunya, negara Malaysia tercinta telah menyambut Hari Kebangsaannya yang ke-65 pada 31 Ogos dengan Tema Kebangsaan yang mendalam 'Keluarga Bahagia, (Keluarga Malaysia) Teguh Bersama'. (berdiri teguh bersama-sama) Tema ini dibangunkan dan ditekankan oleh Perdana Menteri kita Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang melambangkan Malaysia sebagai keluarga besar yang terdiri daripada berbilang kaum, agama, etnik dan latar belakang budaya yang berbeza. Namun begitu, keunikan dan keistimewaan negara kita ialah kita boleh hidup aman dan makmur sekali gus menterjemahkan tiga nilai utama iaitu 'Inklusif', 'Kebersamaan' dan kesyukuran. Negara kita merangkumi rakyat Malaysia dari semenanjung hinggalah kepada orang asli dari Sabah dan Sarawak yang mempunyai matlamat, harapan dan masa depan yang sama untuk pembinaan negara Malaysia yang harmoni dan berdaulat. Lantas, ia membuktikan bahawa gagasan kekeluargaan bukanlah retorik atau slogan semata-mata tetapi harus dihayati oleh seluruh rakyat Malaysia seperti satu keluarga yang muhibah.

Setiap orang memainkan peranan penting dalam pembangunan mampan yang berteraskan matlamat pembangunan kelestarian (SDGs)

Tambah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bukan sahaja rakyat perlu memainkan peranan dalam mengekalkan kedaulatan dan perpaduan, malah ia juga melibatkan semua agensi kerajaan, swasta dan pasukan keselamatan dalam memastikan negara kita kukuh, makmur dan kemerdekaan kita terpelihara dan dilindungi daripada ancaman luar. Sememangnya tahun 2025 merupakan tahun sasaran, begitu banyak kemajuan yang telah dicapai oleh negara kita sehinggakan kita boleh berdiri sama tinggi dengan negara luar. Sememangnya, ia satu perjalanan yang panjang bagi negara Malaysia untuk mencapai aspirasi, pembangunan yang holistik dan mengekalkannya adalah cabaran buat kita semua rakyat Malaysia.

Pada tahun 2015, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) bertindak sebagai seruan sejagat untuk menamatkan kemiskinan, melindungi bumi dan memastikan semua orang menikmati keamanan dan kemakmuran menjelang tahun 2030. Lebih-lebih lagi, untuk menamatkan kemiskinan ia mesti seiring dengan strategi yang berkesan bukan hanya untuk membina pertumbuhan ekonomi tetapi juga menangani pelbagai keperluan sosial termasuk, pendidikan, kesihatan, perlindungan sosial, dan peluang pekerjaan serta menangani masalah perubahan iklim dan perlindungan alam sekitar.

Terdapat 17 SDG yang menjadi agenda negara dan bertindak sebagai ukuran bagi mencapai matlamat pembangunan yang mampan. Malaysia merupakan salah sebuah negara Asia yang tidak ketinggalan dalam mempraktikkan pembangunan kelestarian di mana ia menerapkan kemampanan global yang melibatkan pelbagai organisasi. Bagi mencapai pembangunan yang lestari ia perlu mendapat kerjasama yang utuh daripada semua peringkat industri, kerajaan, sektor organisasi, pelanggan dan masyarakat. Dalam erti kata lain, kemampanan adalah cabaran bagi Malaysia untuk terus memacu, mengatasi permasalahan dan bertahan dalam menangani beberapa isu politik, sosial, keselamatan makanan dan pergolakan ekonomi pada tahun-tahun yang mendatang.

Kerjasama seluruh rakyat Malaysia diperlukan untuk terus teguh bersama-sama membasmi kemiskinan kerana tidak dapat dinafikan bahawa akibat endemik ini, kita sedang menghadapi kegawatan ekonomi seperti inflasi, peningkatan kos sara hidup, krisis makanan, kebuluran, masyarakat gelandangan, kekurangan zat makanan, perubahan iklim, kesesakan lalu lintas, ketidaksamaan infrastruktur, kekurangan pendidikan yang baik untuk semua, hak yang tidak sama rata buat masyarakat kurang upaya, pencemaran alam sekitar, penjagaan perubatan dan kesihatan yang tidak mencukupi dan lain-lain yang membawa jurang dan masalah kepada masyarakat. Rakyat Malaysia seharusnya bersemangat jitu dan berfikir dengan progresif bagi menjayakan wadah pembangunan negara yang seimbang bagi kelestarian generasi baharu.

Pemeriksaan Pelan Tindakan yang betul oleh Kerajaan, Agensi Swasta, NGO untuk menangani masalah sosio-ekonomi negara

Pada asasnya, pelan tindakan yang berkesan untuk perancangan bersepadu harus merangkumi semua peringkat kerajaan, agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan bagi mencapai matlamat pembangunan mampan. (SDGs) Teras utama SDGs adalah untuk menyeimbangkan pendapatan dan memerangi kemiskinan. Adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mempunyai pengagihan ekonomi dan kekayaan yang sama rata di semua peringkat menjelang tahun 2030. Perkara ini termasuk mengurangkan kemiskinan dan mengurangkan jurang sosio-ekonomi dengan melaksanakan lebih banyak pendekatan dari bawah ke atas dengan program yang disasarkan. Bak kata pepatah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan penyelesaian.

Menurut Laporan Pembangunan Mampan 2021, Malaysia berada di kedudukan 65 daripada 165 negara dengan Indeks SDG pada 70.9 peratus. Ketika berada di bawah pentadbiran mantan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berjaya mencapai satu daripada 17 matlamat yang ditetapkan badan dunia itu iaitu SDG1 (untuk menamatkan kemiskinan dalam segala bentuk di mana-mana). Tegas mantan PM berucap, *“Kemiskinan harus dibendung sekali dan untuk semua”*.



Akibat gejala kemiskinan, sebilangan rakyat Malaysia tidak mampu membeli rumah dan akhirnya menjadi gelandangan. Masalah ini harus dipandang serius kerana isu ini harus diselesaikan sebelum ia tidak terkawal sehingga menyumbang kepada masalah sosial yang boleh menjejaskan modal insan dan corak sosio-ekonomi negara. Pepatah mengatakan, Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Oleh yang demikian, masyarakat harus bersikap prihatin dan elakkan bersikap mementingkan diri bagi menjaga hak dan kebajikan bersama. Rakyat Malaysia harus bersatu hati dan berusaha bersama-sama untuk membantu golongan yang memerlukan dan kebajikan mereka harus dijaga sepenuhnya oleh kerajaan, agensi, NGO dan masyarakat Malaysia.

Pengajaran yang boleh diambil daripada bencana serta penyelesaian masalah

Ibrah dari krisis penularan Covid-19 telah membawa cabaran, kesedaran dan impak besar kepada semua warganegara Malaysia. Lazimnya, di sinilah pakej rangsangan Prihatin Malaysia dan Pelan Pemulihan Nasional yang bertidak sebagai rangsangan bantuan kerajaan dalam membantu mengurangkan ketidaksamaan dan meringankan beban rakyat.

Tahun ini sahaja, beberapa kawasan di Malaysia seperti Johor, Melaka, Kedah dan Pantai Timur mengalami banjir kilat dan ia membawa kemusnahan besar kepada keluarga Malaysia yang terjejas akibat bencana alam tersebut. Perhatian dan tindakan pantas perlu diberikan kepada kawasan dan tanah yang terdedah kepada bencana ini. Penyelidikan dan pembangunan perlu dilakukan bagi menjangka akibat, kesan dan meminimumkan kerosakan alam sekitar. Pengajaran yang perlu dipelajari dan susulan daripada penyelidikan atau laporan kajian yang mendalam mengenai membina infrastruktur bagi pembangunan kelestarian dari segi air, tenaga, sanitasi, pengangkutan dan sumber perlu diambil kira secara serius untuk mengurangkan risiko bencana di masa akan datang.

Pembalakan dan penebangan hutan simpan secara haram harus dikurangkan untuk melindungi alam sekitar daripada banjir dan masalah kepupusan haiwan. Ini adalah untuk menyokong matlamat pembangunan mampan untuk memulihara, memelihara ekologi hijau, kehidupan alam flora dan fauna bagi kelestarian perlindungan alam sekitar agar menghidupkan daripada pencemaran. Manusia harus lebih peka dan bertanggungjawab dalam memastikan kelangsungan hidup demi generasi masa hadapan.

Pembangunan Teknologi perlu Seiring dan Dasar Pandang ke Timur diterapkan ke generasi baharu

Selain itu, beberapa aduan telah dibuat daripada golongan kurang upaya. (OKU) Hak sama rata perlu diberikan kepada golongan OKU dan mereka perlu dihargai dengan menyediakan lebih banyak kemudahan awam, kebolehcapaian pendidikan dan peluang pekerjaan yang menyeluruh. Contohnya, dengan memiliki peralatan braille, kerusi elektrik bergerak, atau menggabungkan piawaian reka bentuk sejagat dan sistem seperti akses automatik kepada komunikasi berasaskan audio untuk penggunaan komunikasi orang kurang upaya. Ini akan memanfaatkan peredaran maklumat, meningkatkan celik huruf dan infrastruktur sosial untuk manfaat bukan sahaja untuk orang biasa tetapi juga orang kurang upaya.

Satu lagi masalah utama di negara kita ialah aliran trafik yang sesak di tengah-tengah bandar. Hampir setiap hari, orang ramai yang tinggal di bandar seperti Kuala Lumpur, Selangor terpaksa melalui kesibukan dan tidak dapat lari daripada kesesakan lalu lintas. Malaysia harus mengikut apa yang telah dilaksanakan oleh negara jiran Singapura dalam kemajuan sistem di mana mereka mempunyai laluan alternatif, terowong dan zon larangan yang hanya menetapkan beberapa pemandu dibenarkan masuk ke jalan tersebut. Ini sememangnya berkesan, berjaya menyelesaikan kesesakan lalu lintas, keletihan emosi ketika berada di atas jalan raya.

Dalam laporan ehwal semasa, Malaysia diharap dapat terus mempraktikkan dasar pandang ke timur melalui pembelajaran dari Jepun dan kawasan timur lain. Generasi baharu kita harus terus mempelajari pembangunan sosio dan ekonomi mereka seperti teknologi, pendigitalan, kecerdasan buatan dan inovasi untuk maju serta mengekalkan IR 4.0 dalam membina modal insan yang berkualiti. Justeru itu, ia adalah untuk meningkatkan sokongan, inovasi kreatif dan membina perindustrian yang berjaya. Membudayakan teknologi terkini seperti dron, kecerdasan buatan, peralatan digital dalam pelbagai sektor seperti pertanian, perniagaan, perubatan, media, IT, perkhidmatan ketenteraan dan lain-lain adalah contoh bagaimana teknologi boleh membantu dalam membantu dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan keselamatan negara Malaysia.



Diharapkan melalui penglibatan berterusan, kerjasama, perundingan dan dialog berpandukan semangat Keluarga Malaysia, dan misi pembangunan mampan dapat dijayakan dengan sebaiknya. Kesepaduan dan Keteguhan kita rakyat Malaysia bukan sahaja dapat mengenal pasti jurang, cabaran tetapi juga menyelesaikan isu-isu permasalahan dengan meningkatkan literasi mengenai isu kemampanan, membangunkan analisis penyelidikan yang lebih komprehensif bagi melaksanakan pelan tindakan pergerakan progresif serta menyusun semula keutamaan pembangunan kita ke arah negara yang lebih baik dan kukuh seperti yang dibayangkan menjelang tahun 2030. Semua orang bertanggungjawab untuk menjadikan aspirasi ini berjaya bagi mencapai negara bangsa yang unggul dan pembangunan mampan yang lestari untuk kita rakyat Malaysia tercinta. Bak kata pepatah Melayu; Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Kita tidak perlu terlibat dalam tindakan atau perbuatan yang besar dan berani untuk mengambil bahagian dalam perubahan. Perbuatan kecil apabila didarabkan dengan berjuta-juta orang, boleh mengubah dunia.” – Howard Zinn

Restu

*Nukilan: Noordiana binti Sukur
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan*

Pak Manaf melangkah hati-hati menuruni tangga yang diperbuat dari kayu balau. Struktur ini satu-satunya dari rumah asal yang masih kukuh berdiri. Dia terus melangkah menuju ke pangkin dihadapan rumah. Duduk menghadap tanah gambut yang mula menghiju. Seseekali angin yang rakus membawa asap ke wajah. Rokok daun disedut lama-lama sebelum menghembus. Asap berkepul-kepul, berselerakan dan hilang di udara.

” Minum kopi, bapaknya...” Mak Bibah menatang dulang. Kole seakan-akan termos kecil dan ubi ketok diunjukkan kearahnya. Tidak menjawab namun terangguk-angguk faham.

” Salbiah mana?” suara serak basah Pak Manaf pecah suasana. Kedua tangannya masih sibuk menggentel tembakau kering. Sebelum digulung dengan daun nipah kering.

” Dengan Badrul ke kebun katanya...” Mak Bibah sudah berlabuh selesa di sisi Pak Manaf. ” Baguslah tu. Dari dia duduk tak buat apa-apa kan bagus macam tu...” ubi yang sudah ditumbuk dan digaul bersama gula dan kelapa disua masuk ke dalam mulut. Petang-petang begini, terasa enak menjamah menu zaman dahulu kala.

” Bagus awak kata? Ke hulu ke hilir dengan si Badrul mengalahkan tok penghulu saya tengok. Entah apa kerjanya. Awak nasihatkanlah dia. Kalau saya yang cakap, dikatakan bising, membebel.” omel Mak Bibah tanpa henti. Pak Manaf dah bangkit, turun dari pangkin. Kain pelekat lusuh dikibas-kibas kuat ke udara sebelum diikat ke pinggang.

” Kamu Bibah tak pernah berubah-ubah. Pernah kamu fikir perasaan dia bila bercakap? Hati dia pernah kamu jaga? Ini kamu banding-bandingkan dia dengan Aisyah, dengan abang-abangnya. Kalau saya pun, panas punggung nak duduk rumah. Nak tadah telinga.” tegak Pak Manaf. Kasihan pada si anak gadis, pantang silap dimata pasti menjadi mangsa mulut si isteri.

” Aah, tak silap saya cakap bang. Dia yang tak pernah fikir untuk diri dia. Dihantar sekolah dahulu, ponteng sahaja kerjanya. Merayau ke kebun-kebun. Kononnya nak belajar bertani, menternak. Disuruh ke pekan kerja kerani, banyak pulak alasannya. Jauh, kena naik turun bas. Sudahnya sekarang belajar menjahit pula. Lepas ni jangan dia sibuk-sibuk nak belajar bertukang sudah. ”

Pak Manaf dah melangkah ke tanah tempat dia mencangkul dan menajak rumput hari-hari. Malas mahu mendengarkan rungutan demi rungutan mak Bibah. Entah kenapa, hatinya pedih sekali. Walaupun Salbiah sering bergelak tawa membalas leteran si ibu, dia tahu gadis itu memendam rasa. Pernah dia terlihat Salbiah terhinggut-hinggut menahan tangis di balik dinding dapur. Ingin dia bertanya, namun masih berkira kira bagaimana ingin memulainya.

Salbiah mencari dimanakah silapnya. Mak seakan-akan membenci diri ini. Ah, siapa yang menginginkan kekurangan diri. Benar, dia tidak pandai. Bukan dia tidak berusaha. Tapi otaknya seakan benak, tidak dapat menerima pelajaran demi pelajaran.

Dia bukan macam Along, tak sama Angah. Cerdiknya entahkan ada ke tidak. Akalnya tak sampai mana. Usahkan universiti, ke tingkatan enam pun dia tak layak. Bising abang ngah memujuk dia untuk sambung belajar di mana-mana institut kemahiran. Ambil sijil menjahit ke, sijil berdandan ke, atau apa apa sijil yang sesuai dengan wanita. Cadang Along pula.

” Mak kamu cakap apa?” Badrul pandang Salbiah melepas dengus. Keluh pendek buat si teman pula tersenyum. Seolah faham dan boleh agak reaksi makcik Bibah kali ini.

” Macam biasa. Belum bercerita dah tak setuju.”

” Nak aku tolong?” kata Badrul cepat dia pintas bersama gelengan.

” Tak usahlah. Nanti mak aku cakap macam-macam pulak. Tak pasal-pasal kau pulak disalahkannya.”

Bukan Badrul tak pernah tahu, dia maklum benar. Berpuluh tahun mereka bersahabat. Naik turun tangga. Berkubang mengalahkan kerbau di sungai. Ke hulu kehilir. Kesana kemari. Sampaikan seantero kampung tahu, dimana ada Salbiah disitu ada Badrul. Hilang Badrul, ke kebun Salbiah. Hilang Salbiah ke kolam Badrul.

Kata orang, erat macam isi dan kuku. Pak Manaf terima. Baginya lebih elok Salbiah berkawan-kawan dengan Badrul dari kerja yang tak tentu apa. Tidak pula pada mak Bibah. Kalau dah Salbiah serba tak kena, apatah lagi Badrul. Anak bujang Pak Salam tak pernah elok dimata.

” Benda betul. Lama-lama nanti orang boleh terima. Kau bukan buat salah. Buat benda baik kan?” Benda baik tak semua orang terima Badrul. Kata Salbiah, berbicara dengan hatinya sendiri. Susahnya. Nak menyakinkan emak lagi susah daripada menyakinkan Tok Salleh. Keras-keras Tok Salleh, rela juga buka telinga. Luang masa nak dengar dia bercerita.

” Atuk tak kisah Salbiah. Atuk izinkan. Benda-benda untuk kebaikan ni tak salah kita tolong menolong. Lagipun, kalau dibiarkan je tanah tu penuh semak samun pun tak bawak faedah. Kamu buatlah apa yang patut. Atuk sokong.”

” Selama ni kamu makan hasil kebun abah kamu. Cukup je. Tak pernah pun kita kebulur. Hasil kebun tu jugak mampu tanggung along dan angah sampai universiti. Apa yang kamu nak lagi?”

” Mak...Sal nak usahakan tanah tu bukan sebab kita tak cukup makan. Sal jugak ada cita-cita mak..”

” Cita-cita tu macam along. Macam angah. Belajar rajin-rajin, masuk universiti. Lepas tu cari keje elok-elok. Macam tu baru boleh panggil cita-cita..”

” Mak,..kalau semua orang nak jadi along macam angah. Siapa lagi lah yang nak jadi kuli ” mendatar suaranya. Sedih. Silapkah bila dirinya tidak bijak pandai macam along. Macam angah?. Leter emak. Bising along. Marah angah. Tapi, diam abah tanda setuju. Penuh restu dia bertekad.

Dia memang suka berkebun. Dahulu sewaktu dia kecil, arwah atuk sering membawanya ke kebun bercucuk tanam. Dia juga suka bermain-main dengan si Merah, lembu betina atuk yang punya anak dua ekor. Dia tidak takut mengelus kepala si Bedul anak Merah. Kenapa mak tidak faham. Mak suka marah-marahkan dia. Hal sekecil-kecil zarah diperbesarkan bak gajah.

” Sabarlah Sal. Memang dah perangai mak kau macam tu. Jangan ambil hati sangat.” pujuk Imah cuba mereda rasa sedih si teman.

” Tapi..mak asyik banding-banding aku dengan along dan angah. Kalau mak tak bagi, aku terima. Aku faham. Tapi, janganlah asyik cakap benda yang buat aku rasa, aku ni tak guna..”

” Lah..kesitu pulak perginya. Macam nilah..kalau kau rasa dan kau fikir mak kau selalu pandang kelemahan kau. Apa kata kali ini kau buktikan yang kau pun ada kelebihan. Tak pandai..tak masuk universiti belum tentu tak berjaya, Sal...”

” Betul tu Sal. Buktikan pada mak kamu. Bertani ni pun ada masa depan. Sumber makanan kan banyak dari pertanian. Pertanian hasilkan makanan, dan makanan ni takkan pernah habis permintaannya ” tokok Badrul.

Salbiah dah tersenyum lebar mendengar kata kata Badrul dan Rashidah. ”Terima kasih Rashidah, kerana selalu beri aku kekuatan. Terima kasih Badrul kerana yakinkan aku tentang potensi projek ini” bisik Salbiah dalam hati. Sememangnya dia bertuah dikurniakan sahabat yang sentiasa ada saat susah dan senang.

Peluh dah laju menuruni pipinya. Menitis-nitis membasahi kemeja lusuh yang dipakainya sejak pagi tadi. Kerap jua dia mengesat dengan tuala kecil warna kuning yang senantiasanya dibiarkan tersangkut dilehernya. Panas tengahari kian membahang. Dilepaskan pandangan ke serata tanah lapang di depan mata. Seminggu yang lalu dia masih lihat lalang tinggi menghuni. Dan kini sudah bersih dan semakin kekuningan dek tanah yang sudah dibersihkan dan dipajak lapang.

” Rehatlah dulu. Kalau diri rasa penat dan tak larat sangat. ”

Suara garau Badrul membuatkan dia terangguk-angguk. Lalu dia berjalan menuju teduhan yang hanya diperbuat daripada batang-batang pokok yang tekah ditebang, disusun dan diikat menjadi rangka pondok kecil. Cukuplah buat mereka berteduh dari terik mentari dan hujan renyai.

” Kau bawak bekal apa?” soal Salbiah. Dah maklum benar, rutin harian Badrul. Menyediakan bekal buat dirinya dan Rashidah. Tak malu! Seharusnya yang memasak dan menyediakan makanan adalah pekerjaan wanita, ini terbalik pulak. Badrul yang terlebih ringan tulang.

” Tengok ni....sedap kan? Emak aku tahulah kamu berdua suka ikan cencaru masak sambal ni. Hah, sebab tu emak aku bekalkan lebih hari ini..” ujar Badrul sambil membawa ikan masak sambal ke hidung Salbiah dan Rashidah. Rashidah dah tersenyum kembang sampai ke telinga. Lauk kegemarannya katakan. Perut Salbiah pula dah berdongang sayang.

”Baiknya Makcik Leha...Makcik Leha.... Kenapalah mak Sal tak macam makcik?”

Ada kesal dalam dadanya. Emak orang lain, tak pernah putus mendoakan dan menyokong usahanya. Sedangkan emaknya sendiri...

” Hari-hari kau membuang masa bersihkan semak samun yang takde hasil tu? Aku tengok, tak tumbuh pun 'cita-cita' kamu tu. Kan lebih baik kalau kamu kerja kerani kat pekan tu. Takdelah berhitam legam dek panas matahari. Dah tak rupa perempuan aku tengok ” sindiran emak terngiang lagi di cuping telinganya. Sampai hati mak cakap begitu. Hina sangatkah kerja bertani ni?

” Wei, makanlah. Jangan nak menung panjang. Aku tahu, kau mesti fikir kata-kata emak kau kan? Apa pulak yang tak kena hari ni?” senggol Rashidah. Faham benar apa yang bermain difikirannya tadi.

” Macam biasa....” pendek jawapan Salbiah. Seakan tidak mahu memperkatakan tentangnya.

Badrul jugak tidak mahu bercakap tentang hal yang tidak mengembirakan. Dia tahu, ada satu perkara ini akan buat Salbiah tersenyum dan ketawa. Ya, dia yakin. Salbiah pasti suka.

” Tadi, aku dah pergi ke LPNM. Tentang geran bantuan biji benih dan sulur nanas MD2 tu, dalam proses pertimbangan. Mereka puji tau, *proposal* yang kita buat tu? Kaedah, prospek semua tu mereka suka. Inshaallah, mereka akan bantu kita juga dari segi khidmat nasihat dan kerja-kerja pemasaran. Hah, yang tu....lama lagi kita nak fikir. Yang penting, cepat-cepat siapkan tapak ni. Nanti sulur tu semua nak di tanam kat mana?” terang Badrul panjang. Tak sabar hatinya berkongsi berita baik tersebut.

” Ye ke? ” soal Salbiah seakan tidak percaya.

” Betullah..” balas Badrul meyakinkan temannya itu.

”Alhamdulillah...” ucap Rashidah turut menyampai rasa syukur padaNya. Dia tumpang gembira.

” Aku dah bincang dengan abang Kamal pasal nak sewa bajak dia tu nak buat parit. Inshaallah soal bayaran, abang Kamal boleh bertolak ansur, harga kawan-kawan katanya. Cukuplah sekadar berbelanja petrol. Yang lain-lain simpan dalam buku. Ada hasil nanti, boleh dia tumpang sekaki ” sambung bicara Badrul sambil tergelak-gelak. Lapang rasa dada. Usaha yang nampak sukar di awalnya, seakan dibukakan jalan mudah satu demi satu.

”Alhamdulillah ya Allah... Alhamdulillah.....” tak putus putus di bibir Salbiah melahirkan kesyukuran.

Sesungguhnya, kesyukuran dan kegembiraan itu sukar untuk digambarkan. Serasa ingin menitis air matanya. Dia dihargai, disokong dan dibantu, diberi bimbingan dan kekuatan sehingga detik ini untuk terus berusaha tanpa berputus asa. Walau jauh dilubuk hatinya, dia berdoa dan mengharapkan sedikit pengertian si ibu. Ya, dia masih sabar menanti dan akan terus berdoa. Moga hati tua itu sudi merestuinnya suatu hari nanti.

Jom dengar Lagu-lagu Nasyid dan Radio IKIM

*Nukilan: Juritah Misman
Akademi Pengajian Bahasa*

Sebagai pendidik di kampus yang ramai warga Muslim di UiTM Melaka yang disayangi ini, kita cuba menjadi insan yang baik akhlak dan budi pekerti. Ulama Islam telah menyatakan bahawa guru perlu memainkan fungsi sebagai seorang yang menyampaikan ilmu dan mendidik dengan penuh kasih sayang. Insan yang bernama guru juga sebolehnya memiliki akhlak yang mulia dan membimbing orang lain ke arah manfaat.

Dalam dunia moden kini, dengan adanya telefon bimbit dan komputer riba serta tablet, mudah bagi kita melayari dunia maya contohnya melalui media sosial. Apa sahaja berita, informasi, hiburan, permainan maya, dan juga musik dapat kita layari dan capai menggunakan alat peranti yang sentiasa berada di samping kita sewaktu bekerja atau pun semasa berada di rumah atau di mana-mana sahaja. Tujuan penulisan ini adalah untuk mengajak pembaca untuk sama-sama mendengar lagu nasyid serta lagi religi, dan meneroka pendengaran dan keterbukaan kita pada saluran media yang dikendalikan JAKIM dan Radio IKIM.

Sebagai insan dan guru, kita juga tidak lari dari pelbagai cetusan perasaan. Contohnya gembira, sedih, marah, rasa penat, dan macam-macam lagi. Maka salah satu cara untuk kita menghiburkan diri atau merehatkan minda kita serta emosi dari cacat merbanya perasaan kita adalah mendengar musik. Tambahan pula di abad ke-21 ini, mudah bagi generasi kita mendengar muzik samada melalui radio di kereta atau pun buka saja peranti telefon, tablet dan komputer. Tribhuvan Kumar et al. (2022) menyatakan bahawa lagu menggambarkan keadaan semasa dunia. Melalui lirik lagu, kita dapat mengeksplorasi trend budaya, aspirasi, motivasi, kebimbangan, kegembiraan dan pendapat, serta memahami bahasa dan budaya. Pada asasnya, dalam Islam, muzik boleh digunakan sebagai wahana untuk kita mencapai keharmonian, keamanan dan ketundukan kepada Tuhan. Lagu-lagu Nasyid mejadi wadah hiburan ramai kerana ianya musik yang memberi manfaat dalam menyampaikan nilai-nilai murni yang relevan untuk mewujudkan insan, masyarakat dan persekitaran yang lebih baik pada insan dalam memberi outlet bagi cetusan perasaan yang bermain di hati dan munda kita. Malah, ajaran Islam menggalakkan umat Islam untuk menuntut ilmu dan menimba kreativiti dalam sains dan teknologi untuk memajukan kehidupan seharian mereka, dan seterusnya objektif utama beramal hendaklah disasarkan kepada beribadah kepada Allah.

Bersyukur kita kerana lagu-lagu nasyid secara meluas dianggap sebagai komponen budaya popular yang boleh dicapai dengan mudah. Lagu-lagu nasyid berkumandang di radio, televisyen dan juga di akses di alam maya. Di Malaysia, terdapat banyak lagu nasyid Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris untuk kita eksplorasi dan akses samada di Youtube, Spotify, Apple music, TikTok, SoundCloud, Podcasts, IG dan lain-lain.



Kita hanya perlu Google sahaja dan muat turun lagu2 nasyid untuk kita nikmati dan Alhamdulillah, kita mendapat pahala sekiranya kita menyimpan niat menikmati irama nasyid sebagai satu amal ibadah bagi mengingati Allah. Antara senarai main lagu nasyid yang popular antarabangsa adalah “A is For Allah” Yussuf Islam, “The Veil” Dawud Wharnsby Ali, “Burdah” Mesut Kurtis, “Bismillah” Yussuf Islam, “Ya Nabi Salam Alaika” Maher Zain, “Kunt. Ant” Osama Saeed dan lain-lain. Manakala di rantau Asia Tenggara lagu nasyid dan juga lagu religi popular terkini adalah “Mencintaimu” Rabbani, , “Bidadari” Munif Hijjaz, “Thank You Allah” Datin Alyah, “Damba Kasih” InTeam, “Bismillah Cinta” Ungu feat Lesti, “Rapuh” Opick. Menariknya peminat lagu nasyid dan lagu religi boleh juga melayari Carta Nasyid IKIM di Radio IKIM.

Natijahnya, lagu nasyid atau lagu apa pun yang indah dapat memenuhi hati seseorang selagi tidak melangkai syariat, sebagaimana makanan yang enak diperlukan untuk mengenyangkan perut. Akhir kata, silakan layari jurnal artikel penulis bertajuk, “Classroom Activities Using English Nasheed Songs” di Jurnal ERA IJARBSS Oktober 2022.

Kembara di Bumi Haramain: Kenangan Terindah

Nukilan: Sumayyah (Jemaah Haji Muasasah 1413H/2022)

Jabatan Undang-Undang

Perjalanan empat puluh lima hari ke bumi Madinah dan Mekah amat terkesan dalam diri dan sanubari. Mendapat panggilan Agung untuk mengerjakan rukun islam kelima pada tahun 1443H menjadikan permusafiran kali ini permusafiran terindah dalam lipatan memori. Mana mungkin tidak ada air mata yang gugur kerana kegembiraan dalam kesayuan apabila diri tetap dipilih menjadi tetamuNya meski banyak dosa dan noda terpalit dalam diri ini.

Persiapan jemaah haji muasasah diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji Malaysia (TH). Seperti tahun-tahun terdahulu, layanan teristimewa buat bakal-bakal dhuyufurahman amat menyentuh hati. Sesusai dengan motto TH “*Menyantuni dhuyufurrahman*” membuatkan jemaah lebih berkobar-kobar dan bersemangat untuk mempersiapkan diri sebagai tetamuNya. Tahun ini ternyata lebih istimewa kerana sudah dua tahun TH tidak menghantar jemaah haji Malaysia dek pandemik Covid-19. Ternyata semangat luar biasa itu juga terpalit kepada para petugas TH serta agensi agensi lain yang terlibat dalam persiapan ke bumi haramain kali ini. Segala suntikan yang disarankan seperti *meningokokal*, *pneumokokal*, dan *influenza* diambil sebagai persiapan mendepani jutaan jemaah lain serta perubahan cuaca dan atmosfera di sana. Secara *spiritual* bibir sentiasa basah dengan talbiah, kalimah Allah, isti’azah memohon perlindungan agar dipermudahkan segala urusan dari awal hingga akhir.

Penerbangan mengambil masa hampir lapan jam untuk mendarat di lapangan terbang *Prince Mohamed Bin Abdulaziz* Madinah. Kami dikejutkan dengan sambutan luar biasa daripada pihak *Saudi Air* kepada jemaah haji Malaysia yang baru sampai. Pukulan rebana, tarian tradisi serta muzik Arab menyambut gembira kehadiran kami di bumi Rasulallah itu. Lelah dalam penerbangan terus hilang , bunga ditabur bersama secangkir kopi *kahwah Arab* meniupkan kembali semangat kami untuk melakukan yang terbaik sebagai tetamu Allah. Jujur rasa berbunga bunga dalam hati , senyum ke telinga sehingga kami menaiki bas untuk ke Hotel Movenpick, Madinah.

Berada dekat dengan jasad Rasulallah di bumi Madinah cukup menginsafkan. Tergambar keluhuran peribadi dan kesucian sifat nabi dalam diri insan bernama Muhammad. Insan yang tak pernah leka dan tetap beribadah meskipun telah dijanjikan syurga Allah. Perjuangan membela agama, menegakkan syiar Islam terus menjadi lambang kekuatan buat kami yang bakal menunaikan fardhu haji pada tahun ini. Kami berkesempatan mnyelusuri sirah nabi, mengambil ibrah perjuangan dan kerasulan nabi sepanjang di bumi Madinah.

Madinah sangat sinonim dengan Raudhah. Raudhah ibarat sebuah taman syurga di dalam Masjid Nabawi. Di sini jasad nabi dimakamkan, di dalam sebuah bilik yang pernah mejadi rumah Saidatina Aisyah dan juga merupakan rumah Rasulullah. Mengunjungi makam nabi seolah olah kita mengunjungi nabi sebelum kewafatan nya. Adalah mejadi impian setiap umat Islam untuk mengunjungi makam Rasul agung ini dalam membuktikan kasih dan sayang nya kita pada Baginda nabi. Kita duduk di sisi masjid Nabawi tidak lekang selawat dan salam buat nabi junjungan mengharapkan syafaat daripada Baginda nabi kelak.

Keistimewaan memasuki Raudhah adalah kerana tempat makbulnya doa terletak di suatu sudut antara tiang tiang berbunga. Beruntungnya penduduk di bumi Madinah sentiasa mendapat peluang ke sana. Terbit rasa cemburu serta rasa ingin bermastautin di bumi yang sangat tenang apabila semua masalah dan hal dunia ditinggalkan jauh beratus ratus ribu kilometer. Kota Madinah tidak sibuk, jemaah hanya fokus untuk sentiasa solat berjemaah di Masjid Nabawi di samping mengunjungi tempat tempat sirah baginda nabi. Namun, pada musim haji 1443H suhu di Madinah agak tinggi mencecah 45-48 darjah celsius. Cabaran utama adalah ujian kesihatan dan ketahanan daya badan individu. Jurang suhu sejuk di dalam bilik hotel dengan cuaca terik di luar amat mencabar. Masih jet lag untuk membiasakan diri dengan waktu di Madinah, diuji pula dengan suhu yang agak tinggi. Antara tips di antara jemaah ialah untuk tidak membasahkan kepala atau rambut semasa mandi bagi mengelakkan demam. Berguna juga tips begini ketika kita buntu untuk mengekalkan kesihatan yang baik bagi meneruskan misi beribadah. Selepas enam hari, kami meneruskan perjalanan ke bumi Mekah untuk persediaan musim haji yang bakal tiba.

Sungguh, perkara perkara itu tidak sedikit pun mematahkan semangat kami untuk meneruskan permusafiran ke Mekah. Jemaah haji Malaysia dibawa ke Mekah menaiki bas persiaran dan perjalanan mengambil masa lebih kurang enam jam. Sekali lagi kami dikejutkan dengan sambutan besar besaran oleh petugas-petugas TH dan juga pengurusan hotel. Di Mekah kami ditempatkan di sebuah hotel bernama Hotel Land Premium yang terletak di dalam daerah Misfalah. Jarak hotel dengan Masjidilharam adalah sekitar 1.5 kilometer, suatu jarak yang agak mencabar untuk rakyat Malaysia yang sering menggunakan kenderaan untuk bergerak ke sana ke mari. Kadangkala jarak semakin bertambah apabila jemaah dihalakan untuk ke kawasan tertentu pada waktu waktu kemuncak seperti ke bangunan baru Masjidilharam yang terletak sedikit kebelakang kerana ia merupakan bangunan tambahan bersama-sama projek membina sebuah hospital di dalam kawasan Masjidilharam yang bakal siap 2030 kelak. Petugas petugas TH Bersama-sama pihak pengurusan hotel menyambut dan menyantuni kami seperti kekasih hati. Kami dihulurkan sekuntum mawar segar pelbagai warna sebagai tanda selamat datang para dhuyufurahman Malaysia ke tanah suci Mekah pada malam itu. Makanan, manisan serta kudapan beserta cenderahati memenuhi ruang lobi hanya untuk menyantuni kami.

Sungguh rasa terharu, pilu dan sebak dengan sambutan sebegitu. Sungguh indah momen ini untuk diingati sehingga membuatkan rasa rindu sering datang bertalu apabila mengenangkan perjalanan haji yang cukup bermakna ini.

Haji itu wukuf, begitulah analogi nya ibadah haji. Tanpa wukuf tidak sempurnalah haji itu. Itulah hari yang ditunggu-tunggu oleh jutaan umat Islam seluruh dunia. Antara kenangan terindah di sana adalah pada kala para jemaah sibuk membuat persiapan Masyair untuk menempuhi hari wukuf. Masyair ialah nama yang diberi untuk hari-hari kemuncak ibadah haji iaitu meliputi ibadah wukuf di Arafah, mabit di Muzdalifah dan melontar jamrah di Mina. Seminggu sebelum hari wukuf, kami menunaikan solat taubat, solat hajat dan bacaan yaasin setiap malam di ruang legar aras hotel. Perasaan muhibbah dan ukhuwah terus terbina pada saat itu kerana berbekalkan matlamat yang sama iaitu ingin terus sihat dan mampu menempuhi hari hari Masyair bagi menyempurnakan ibadah haji. Kami sering diingatkan untuk menjaga kesihatan dan keselamatan diri kerana jemaah haji dari seluruh pelusuk dunia semakin ramai dan telah memenuhi bumi Mekah. Debaran bertambah apabila Kerajaan Arab Saudi telah mengumumkan wukuf pada tahun ini jatuh pada hari Jumaat dan ia dipanggil haji Akbar. Haza min fadhli Rabbi, semua ini adalah kurniaan Tuhan.

Arafah sangat istimewa kerana di sinilah kami duduk bermalam menunggu hari wukuf pada keesokan harinya. Malam itu program 'Arafah Bermunajat' diadakan. Kami duduk di Dataran Munajat bertalbiah, berzikir dan berdoa bersama sama. Solat jemaah, makan, berkongsi segala kepayahan dengan kesabaran dan senyuman. Di Arafah, gambaran mahsyar itu sangat jelas. Masing-masing memikirkan diri sendiri, menjaga diri sendiri, bergerak sendiri. Kepanasan atau ketidakselesaan menjadi ujian terbesar di sini. Debu debu Arafah sangat kuat dek kedudukan di padang pasir berbukit dan kering. Namun, mengapa saat itu juga masih dirindui hingga kini. SubhanAllah, Allahuakbar. Tiada kata kenapa masih merindui kepayahan itu. Sungguh insaf kerana kita hanya melihat kain-kain ihram putih, dan telekung putih yang membaluti tubuh para jemaah lelaki dan wanita. Tiada baju, kemeja atau seluar berjenama yang disaksikan di situ. Kain putih itulah yang akan menjadi pakaian akhir kita kelak sebelum meninggalkan duniawi.

Mabit di Muzdalifah juga turut meninggalkan kesan yang mendalam pada diri. Sekujur tubuh akan terbaring atau tidur berbumbungkan langit sementara menunggu waktu tengah malam untuk bergerak ke Mina. Muzdalifah adalah suatu kawasan di antara Mina dan Arafah. Di sini disunnahkan untuk memperbanyakkan talbiah dan berdoa. Dahulu, peluang mabit di sini digunakan oleh para jemaah untuk mengutip batu-batu kecil untuk persiapan melontar di Mina.

Namun kali ini, jemaah haji kita telah di bekalkan dengan batu-batu kecil di dalam satu uncang kecil. Sungguh lengkap dan teratur persiapan yang dibekalkan kepada kami oleh pihak TH untuk menempuhi hari masyair. Pada jam hampir pukul tiga pagi kami telah mula bergerak ke Mina menaiki bas. Di Mina kami ditempatkan di khemah-khemah yang berdekatan antara satu sama lain. Cabaran di Mina tetap sama seperti di Arafah Cuma di sini kami tidak duduk berlantai kan tanah seperti di Arafah. Khemah khemah di Mina lebih kecil menempatkan lebih kurang lima belas ke dua puluh jemaah di dalam satu khemah. Jemaah Malaysia berjalan kaki sejauh 10 km sehari untuk melontar. Usai melontar selama dua hari, kami memanjatkan rasa syukur dan gembira. Sambutan meraikan hari raya aidul adha disambut kecil kecilan oleh kami dengan juadah yang terhad di situ. Mee segera, kopi Bika, biskut-biskut, buah buahan sentiasa dibekalkan selain menu utama pada setiap waktu. Kami tetap tersenyum dan gembira meskipun hati membuak buak ingin kembali ke hotel kerana merindui katil di hotel dan bilik air sendiri.

Kami terus memanjatkan rasa syukur kerana hari-hari masyair telah dapat diharungi dengan jayanya. Lantas sekembali sahaja kami ke hotel, kami terus membersihkan diri dan menguruskan pakaian sepanjang di sana. Semua jemaah ingin cepat menyelesaikan tawaf dan saie haji kerana kumpulan kami mendapat keistimewaan menyelesaikan Nafar Thani iaitu melontar hanya dua hari berbanding jemaah lain semasa di Mina. Kami bergerak dalam kumpulan yang kecil untuk memudahkan pergerakan dan demi menjamin keselamatan antara satu sama lain. Rata rata jemaah dapat meyempurnakan keseluruhan tawaf dan saie dalam tempoh sehari dua itu. Masing masing nampak lega apabila semua yang wajib telah selesai dilaksanakan. Senyuman tak lekang di bibir, mengucapkan tahniah dan syukur sesama kami.

Bukanlah gelaran haji dan hajjah yang dikejar dan dibanggakan tetapi perjuangan menyempurnakan ibadah itu yang kekal terpahat dalam kenangan. Sungguh, gelaran atau title haji dan hajjah yang sering menjadi panggilan kepada kami oleh petugas petugas TH merupakan satu amanah besar yang kami pikul sepanjang berada di sana. Malah sekembalinya ke Malaysia, gelaran itu adalah satu lambang dan menjadi tanggungjawab untuk mengekalkan kemabruran. Gelaran dhuyufurahman telah bertukar menjadi ibadurrahman yang bermaksud seorang yang bersujud dan berdiri untuk Tuhan dan mereka yang hidup dalam ketaatan. TH mengibaratkan para jemaah yang pernah menunaikan fardhu haji sebagai penggerak untuk bersama membangunkan Islam dan memakmurkan masjid masjid iaitu rumah Allah. “Kami hadir sebagai dhuyufurrahman, kami kembali dalam kemabruran”. Kata kata ini meski hanya tersemat di beg galas pemberian TH, namun sungguh mendalam ertinya kepada kami. *Alhamdulillah ala' kulli hal* , segala puji bagi Allah dalam segala keadaan.

Tiga Abdul Satu Aspirasi

*Nukilan: Rafuzan Jaafar
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka*

Tiga Abdul kenapa ia sebagai satu aspirasi, ia berbalik pada sejarah pembikinannya di Studio Jalan Ampas di Singapura pada tahun 1964 dimana pengarahnya terdiri Aryaham Tan Sri P. Ramlee dan penerbit Vee Meng Shaw dan karyanya dalam bentuk filem berwarna hitam putih. Filem ini penuh sendiwaranya dunia mahupun agama, seni, social atau politik. Sebagai kanak-kanak dan remaja yang sedang meningkat dewasa saya tidak terlepas dari menonton cerita-cerita lokanan dan arahan Aryaham Tan Sri P. Ramlee.

Sehingga hari ini saya tidak jemu menonton filem tersebut banyak maksud yang tersirat dan tersurat baru saya faham dimana semasa saya zaman kanak-kanak tidak faham tentang apa itu konspirasi dan juga dialog dari filem tersebut, contoh dialog-dialog seperti “ Hai dinegeri gohead gostern pun Ismet Ulam Raja ada harta” jawapnya bila ditanya dimanakah negeri tersebut “disebelah negeri setan”. Terdapat juga dialog-dialog seperti “tiada hitam dan putih”, “25 percent”, “dictatorship”, “demokrasi terpimpin” , “demokrasi kepala hotak kau” dan berbagai lagi termasuk undang-undang.

Dimana semasa kanak-kanak dan sebagai remaja yang meningkat dewasa saya sering tertanya-tanya maksud dialog tersebut. Akhirnya apabila saya meningkat dewasa baru saya faham apa maksud dialog dan penceritaan filem itu sebenar dan tidak sangka apa mesej yang ingin disampaikan adalah realiti dunia ini dengan masalah keluarganya, masyarakatnya, opportunistnya, materialistiknya, sosialnya, agamanya dan juga politiknya.

Cerita dan dialog yang hebat sahaja tidak berjaya tanpa pelakon-pelakon yang hebat untuk menjayanya seperti : P. Ramlee (Abdul Wahub), Haji Mahdi (Abdul Wahab), S. Kadarisman (Abdul Wahib), Ahmad Nisfu (Sadiq Segaraga), Sarimah (Ghasidah Segaraga), Mariani (Hamidah Segaraga), Dayang Sofea (Rafidah Segaraga), Salleh Kamil (Kassim Pentalon), S. Shamsuddin (Pencerita) dan juga pelakon-pelakon lain yang memegang watak sampingan, Al-Fatihah mereka telah meninggalkan kita.

Saya sebagai anak seni tergerak hati dan terpanggil untuk memperingati filem tersebut dengan menghasilkan aksi-figura mereka semasa pameran P. Ramlee yang diadakan di Dewan Taming Sari beberapa tahun lepas ianya sebagai on-going projek kerana setiap watak perlu penelitian yang teliti untuk menjayakan penghasilannya watak pertama yang saya pilih Abdul Wahab, Abdul Wahub dan Abdul Wahib. Walaupun terdapat 3D software dan 3D printing dan saya berlatar belakang seni-reka grafik saya lebih cenderung rasa puas membuat 3D secara manual.

Hasil dari rekaan artis harus bermula dengan proses lakaran watak sebelum rangka sesuatu watak itu dibuat.




Proses membuat rangka dalaman selepas proses lakaran.



Proses membentuk dan ukiran.



Proses akhir



Pengurusan Tekanan Dalam Kehidupan

Nukilan: Marziana Abd Malib

Jabatan Undang-Undang

APA ITU STRESS?

Ia adalah suatu bentuk ketegangan fisik, psikis, emosi, dan mental, yang dialami oleh seseorang sehingga dapat mempengaruhi kegiatan orang tersebut. Dari sisi psikologis, pengertian stress disebut juga sebagai suatu gangguan mental yang terjadi pada seseorang akibat adanya tekanan, samada tekanan dari luar maupun dari dalam dirinya sendiri

Terdapat 2 jenis stres yang utama iaitu:

- i) Akut – Tekanan yang bersifat jangka masa pendek dan akan pergi secara sendiri dengan segera.
- ii) Kronik – Tekanan yang bersifat jangka masa panjang dan sukar untuk hilang secara sendiri.

Sama ada kita mengalami jenis akut atau kronik, kedua-duanya sudah pasti akan membuat kehidupan seharian kita menjadi kacau-bilau dan tidak teratur. Malah akan menyebabkan kita gagal mengambil keputusan yang bijak dalam apa jua perkara akibat emosi yang tidak stabil.

Walau bagaimanapun tekanan ini ada juga kebaikannya. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan fungsi kognitif:

Menurut kajian yang dijalankan oleh University of Berkeley, tekanan mungkin boleh menyebabkan sel di dalam otak bekerja lebih pantas ekoran sistem kognitif yang terjana dengan lebih hebat. Sebagai contoh: Bayangkan jika tiba-tiba sahaja Penyelia kajian kita atau majikan kita meminta menyiapkan satu tugas dan menetapkan tarikh akhirnya adalah hanya sejam dari waktu itu. Ini sudah pasti akan membuat kita sangat tertekan namun tanpa diduga, tekanan itulah yang akan membantu kita menyiapkan kerja terbabit dalam tempoh yang diberikan walau dengan penuh kesukaran.

2. Menjadikan ketahanan kita lebih kuat @ meningkatkan energi tubuh:

Menurut pakar psikologi, ia mampu membuat otak dan tubuh badan menjadi lebih kuat terutamanya dalam situasi yang memerlukan. Hormon adrenalin dan kortisol yang dikeluarkan tubuh saat stres dapat meningkatkan energi tubuh. Selain itu, peningkatan energi ini juga dibantu oleh organ hati yang mengeluarkan lebih banyak glukosa atau zat gula saat merasa tekanan.

Namun demikian, dari statistik yang didedahkan di dada-dada akhbar, kebanyakan manusia yang berhadapan dengan tekanan akan melakukan perkara-perkara yang lebih buruk dan memberi implikasi yang lebih memudaratkan. Ini kerana kebanyakan manusia gagal mengawal perasaan dan keadaan apabila menghadapi tekanan dan kekecewaan. Sebagai contoh, seseorang yang dimarahi oleh majikan atau penyelia kerana tugas tidak dapat disempurnakan dengan baik, akan bertindak tidak wajar melalui perjalanan seterusnya selepas itu. Antaranya jika ia seorang ibu atau isteri, apabila balik ke rumah selepas kejadian itu, ia akan melepaskan kemarahan dan rasa kecewa kepada anak-anak dan suami secara tidak wajar dan penuh emosi. Semua jadi tidak kena. Adakalanya bukan setakat mengeluarkan kata-kata yang kesat tetapi ada yang sehingga ke tahap memecahkan barang-barang yang berdekatan. Ini sudah tentu sebenarnya menambah burukkan lagi keadaan dan jalan solusi seperti tidak kelihatan. (Sememangnya banyak lagi contoh lain.)

Oleh itu bagaimana untuk kita mengatasi situasi tekanan ini? Beberapa perkongsian kata-kata hikmah dari insan-insan bijak pandai dan agamawan disertakan di sini untuk panduan kita bersama menangani tekanan yang dihadapi. Menurut tokoh perubatan Islam iaitu Ibnu Sina, beliau ada menyatakan:

*Gelisah adalah separuh penyakit;
ketenangan adalah separuh ubat;
kesabaran adalah permulaan kesembuhan....
-Ibnu Sina-*

Kata-kata dari Ibnu Sina ini sangat baik sebagai panduan kepada akal dan emosi kita apabila berhadapan dengan apa jua masalah dan tekanan. Setiap masalah yang dihadapi pasti mencetuskan kegelisahan. Merujuk kata-kata hikmah tokoh perubatan Islam ini, kita perlu sedar bahawa kegelisahan itu boleh menjadi separuh dari penyakit. Sudah tentu kita sebolehnya mahu terus sihat dan menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan Bahagia.

Bagaimana untuk mengelakkannya? Seperti yang dikongsikan oleh Ibnu Sina di atas, pilihlah untuk rasa tenang bila berhadapan dengan apa jua masalah dan cabaran. Ini kerana ketenangan adalah separuh ubat dan penawar. Seterusnya tidak boleh dinafikan, kita perlu belajar bersabar tatkala kita menghadapi tekanan, kerana kesabaran adalah permulaan kesembuhan. Belajar untuk rasa tenang dan sabar. Pilihlah dua kaedah ini bila berhadapan dengan tekanan. Cubalah sedaya upaya menghindari rasa gelisah dalam tempoh yang lama sehingga buntu mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Persoalan yang mungkin menyapa benak fikiran kita adalah bagaimana nak rasa tenang dan sabar? Perkongsian kata-kata di bawah ini sedikit sebanyak boleh membantu.

“Terima dengan hati terbuka apa yang sudah terjadi... ikhlaskan apa yang tidak boleh diubah ... dan betulkan dengan bersungguh-sungguh apa yang masih boleh diperbaiki”

Kata-kata di atas mencadangkan supaya kita belajar menerima peristiwa duka atau kekhilafan yang telah berlaku dengan hati terbuka dan bukannya menafikan dan lari darinya. Manakala apa yang tidak boleh kita ubah lagi, ikhlaskan ia sedemikian rupa dan responlah dengan sebaiknya kerana itu sudah ketentuan dariNYA. Diiringi dengan rasa sangka baik kepada Allah bahawa; “takdir itu adalah yang lebih baik untuk kita dari apa yang kita harapkan”. Namun sebaliknya jika perkara itu kita boleh diubah dan perbaiki, terus usahakan untuk ubah dan perbaiki dengan rasa tenang dan penuh sabar serta sentiasa semat di hati, Allah sentiasa ada di sisi untuk memakbulkan doa kita di setiap usaha-usaha memperbaiki keadaan kepada yang lebih baik. Allah juga berfirman:

*Maka bersabarlah; sesungguhnya kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.
(Hud ;49)*

Manakala menurut Imam Ibnul Jauzi rahimahullah berkata;

‘Barangsiapa yang ingat manisnya kesudahan yang baik, niscaya ia akan melupakan pahitnya kesabaran’.

Kesimpulannya, orang tenang pasti menang. Hati yang tenang menentukan fikiran dan emosi kita dalam apa jua tindakan dan keputusan yang hendak dilaksanakan. Teruslah belajar bersabar dalam apa jua ujian dan masalah yang dihadapi. Sabar itu memang fitrahnya pahit. Namun ia umpama ubat atau penawar dan sesungguhnya Allah sentiasa bersama-sama hambanya yang sentiasa berusaha untuk perbaiki diri dan keadaan, dengan kesabaran. Yakinilah kasih sayang Allah itu sangat luas. Allah ada berjanji. DIA akan sentiasa bersama-sama orang yang sabar dan sesungguhnya selepas kesusahan akan hadir kesenangan di kemudiannya. Bagaimana nak sabar? Mohon padanya sentiasa. *Nantikan tips seterusnya di keluaran akan datang.

Perkara Penting Isteri Perlu Tahu Untuk Dituntut Selepas Kematian Suami

Nukilan: Marziana Abd Malib, Maymunah Ismail, Khalilah Ibrahim, Normala Rabu, Mohamad Shafie Ayub, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Jabatan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berdasarkan kepada laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2020 sahaja (Banci Malaysia 2020) jumlah ibu tunggal di negara direkodkan hampir mencecah 1 juta orang. Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para wanita selepas perceraian adalah ketidakstabilan ekonomi, urusan mahkamah, nafkah anak, hubungan antara bekas suami dan mertua, masalah kesihatan, cabaran membesarkan anak-anak, dan stigma masyarakat. Kesan dari perceraian ini mampu menggugat kesejahteraan hidup wanita, membawa kepada masalah kemurungan dan mental. Bukan semua ibu tunggal mempunyai pendidikan yang tinggi dan berpengetahuan. Malah bukan semua mereka mempunyai keluarga serta kenalan yang mempunyai pengetahuan luas berkaitan isu tuntutan selepas perceraian; seperti isu iddah, tuntutan nafkah, hutang, harta sepencarian, faraid, wasiat, mencari peluang pekerjaan dan sebagainya. Akibatnya banyak hak yang tidak dituntut kerana mungkin mereka tidak jelas hak-hak yang boleh dituntut atau tidak tahu kepada siapa dan organisasi mana mereka perlu rujuk. Malah terdapat kejadian keluarga bekas suami mengambil kesempatan kepada situasi kekeliruan mereka terutamanya pada si isteri yang kematian suami. Akibatnya ada sesetengah ibu tunggal mengalami gangguan emosi dan masalah kesihatan serta tidak dapat menuntut hak mereka sepenuhnya. Kekeliruan ini berlaku kerana hak-hak yang boleh dituntut dan organisasi yang perlu mereka rujuk adalah pelbagai dan ia berkait rapat juga dengan isu perundangan yang tidak mudah difahami dan mereka tidak jelas sejauh mana bidang kuasa organisasi yang perlu dirujuk dengan tepat. Pendedahan dan kesedaran mengenai hak yang boleh dituntut oleh ibu tunggal amat penting bagi mereka untuk meneruskan kehidupan pasca perceraian terutamanya perceraian akibat kematian.

HAK-HAK YANG BOLEH DITUNTUT

Isteri yang kematian suami perlu tahu beberapa perkara penting iaitu:

Agama Islam menuntut umatnya menyegerakan urusan pewarisan. Sesungguhnya selepas kematian, 3 perkara yang perlu disegerakan ialah (1) urusan jenazah si mati (2) selesaikan hutang si mati dan yang (3) uruskan harta pusaka si mati. Ibu tunggal disyorkan untuk segera bertindak ke atas perkara ini. Hak ibu tunggal yang kematian suaminya mempunyai beberapa perkara tambahan dan hak yang perlu diambil tindakan. Perkara tersebut akan dibincangkan lebih lanjut di bawah.

i) Pembahagian faraid

Faraid ialah pembahagian harta pusaka selepas kematian orang Islam yang telah ditetapkan di bawah Hukum Syarak. Pembahagian ini adalah kepada waris yang sah dan layak seperti (Anak, Isteri, Suami, Ibu, Bapa dan Lain-lain). Harta yang dibahagikan kepada ahli waris adalah baki harta yang ditinggalkan setelah ditolak semua pembiayaan pengurusan jenazah, hutang waris sama ada dalam bentuk agama (Zakat, Nazar dll) atau semua hutang kepada manusia dan menunaikan wasiat yang dibenarkan oleh Syariah. Bentuk harta yang boleh dibahagikan Faraid antara lain tanah, bangunan (rumah, kilang, gudang dll); barang kemas (emas, perak dll); insurans, saham, bon, tunai, dll (sama ada dilaburkan atau tidak); tanah, taman, ladang dan lain-lain; ternakan dan sebagainya. Oleh itu isteri perlu mengetahui hak yang boleh dituntut dan kadar pembahagian faraid harta pusaka suami kepada isteri. Isteri merupakan salah seorang daripada 25 golongan yang berhak mendapat agihan faraid, iaitu isteri: $\frac{1}{4}$ jika si mati (suami) tidak mempunyai anak lelaki atau perempuan atau cucu ke bawah, $\frac{1}{8}$ jika si mati (isteri) mempunyai anak lelaki atau perempuan atau cucu dan ke bawah. Faraid ialah bahagian terakhir selepas seseorang meninggal dunia. Waris perlu memastikan sama ada si mati meninggalkan wasiat. Jika ada, urusan akan menjadi lebih mudah.

ii) Wasiat

Wasiat dihadkan kepada $\frac{1}{3}$ daripada jumlah harta tetapi bukan untuk hibah. Walaupun begitu, terdapat beberapa sifat yang sememangnya diwajibkan untuk anda melakukan faraid. Wasiat mempunyai had tersendiri iaitu tidak melebihi $\frac{1}{3}$ daripada jumlah harta. Bagaimana pula dengan $\frac{2}{3}$ harta yang lain? Ia mesti dibahagikan dengan waris melalui faraid. Oleh itu, sekiranya suami telah meninggalkan wasiat, isteri perlu tahu bahawa jumlah wasiat tersebut hendaklah ditolak terlebih dahulu dan $\frac{2}{3}$ daripada harta yang tinggal adalah pembahagian faraid.

iii) Hibah

Hibah ialah pemberian kasih sayang semasa hidup (bukan ketika mati). Di mana kita memberikan harta kita kepada seseorang semasa hidup dan orang itu, yang kita berikan masih hidup. Tanpa sebarang bayaran yang perlu dibuat oleh penerima kerana ia adalah 100% hadiah kasih sayang. Contohnya, jika suami semasa hidup memberi rumah kepada isteri sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kerana dapat bersama di kala susah dan senang dan juga dikurniakan zuriat. Dalam aspek kewangan Islam, hibah adalah sesuatu yang mesti diketahui dan diambil manfaatnya.

Ia adalah salah satu perkara yang boleh anda gunakan untuk mengelakkan kekeliruan dan konflik antara waris, terutamanya apabila seseorang itu sudah tiada di dunia ini. Ia juga termasuk dalam bab pengurusan harta pusaka. Ini kerana hibah ini perlu diasingkan dari menjadi sebahagian harta faraid.

iv) Takaful

Insurans takaful dan insurans konvensional kedua-duanya memainkan peranan penting dalam kehidupan. Ia bertujuan untuk memberikan perlindungan kewangan kepada anda sekiranya berlaku keadaan yang tidak diduga seperti kemalangan, penyakit kritikal, kehilangan harta benda atau kematian. Walaupun begitu, terdapat perbezaan antara takaful dan insurans konvensional terutamanya dari aspek konsep, prinsip dan kaedah pelaksanaan di Malaysia. Salah satu kelebihan takaful ialah sebagai alat 'income replacement'. Jika berlaku apa-apa, isteri dan waris boleh menerima pampasan kematian atau tidak dapat bekerja akibat kemalangan. Oleh itu, para isteri perlu peka dalam menguruskan tuntutan takaful ini sekiranya suami meninggal dunia. Oleh itu, isteri atau waris perlu tahu dan kenal dengan ejen takaful yang menguruskan sijil perlindungan suami bagi memudahkan urusan. Sekiranya suami mempunyai plan takaful hayat dengan jumlah yang besar, waris dan isteri boleh menggunakan wang tersebut untuk membayar hutang sedia ada. Selepas membayar hutang, bakinya boleh digunakan sebagai wang belanja untuk meneruskan kehidupan. Jika isteri tidak dapat menghubungi ejen takaful, boleh terus ke cawangan atau pejabat syarikat insurans/takaful.

v) PERKESO

PERKESO ialah Pertubuhan Keselamatan Sosial (atau PERKESO: Pertubuhan Keselamatan Sosial) yang ditubuhkan mengikut keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk memberi bantuan tertentu seperti perubatan melalui skim tertentu kepada pencarum. Faedah ini juga boleh dinikmati oleh ahli tanggungan di mana sekiranya berlaku kematian pencarum dalam keadaan tertentu. PERKESO bertujuan memberi perlindungan keselamatan dalam bentuk wang tunai dan faedah lain kepada pekerja di sektor swasta sekiranya berlaku kecemasan, kemalangan, penyakit, kecederaan atau kematian semasa bekerja. Bagi pekerja swasta, caruman PERKESO ini adalah wajib. Daripada pekerja atau majikan. Jumlah RM2,000 akan dibayar jika pekerja meninggal dunia akibat kemalangan kerja atau semasa menerima Faedah Hilang Upaya Kekal secara berkala. Bayaran faedah akan dibuat kepada waris yang layak. Jumlah bayaran akan dibayar sama ada jumlah perbelanjaan sebenar atau RM2,000 mengikut mana yang lebih rendah berdasarkan resit yang dikemukakan. Oleh itu isteri perlu tahu adakah suami ada mencarum PERKESO dan perlu tahu proses untuk menuntut selepas kematain suami.

vi) Tabung Haji

Jika suami ada simpanan tabung haji, Tabung Haji akan menyemak sama ada si mati ada penama atau tidak. Jika ada, anda boleh mengisi Borang Permohonan Pengeluaran Pusaka, manakala jika tiada penama dan deposit melebihi RM 1,000. Isteri atau waris mesti mendapatkan salah satu daripada surat kuasa berikut; Surat Pembahagian Pusaka mengikut Hukum Faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah; atau Petisyen - Surat Pembahagian Pusaka yang diuruskan oleh Pejabat Tanah/Daerah; atau Pentadbir Harta Pusaka - Memohon Harta Pusaka ditadbir oleh Amanah Raya Berhad atau Pegawai Pentadbir Harta Pusaka; atau 4. Surat Kuasa daripada Mahkamah Tinggi. Borang permohonan hendaklah diisi oleh waris yang telah ditentukan dalam mana-mana satu Surat Kuasa di atas. Namun sekiranya simpanan kurang daripada RM 1000 dan tiada Penama/Pemegang Amanah, pemohon atau isteri hendaklah mengisi Borang JP005 dan waris yang lain perlu mengisi Borang JP006 (Borang Akuan Waris). Banyak perkara yang perlu dilakukan sekiranya tiada penama seperti perlu ke Unit Pembahagian Pusaka dan proses mengambil masa yang lebih lama kerana menunggu giliran.

vii) KWSP

KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) ialah sebuah agensi kerajaan Malaysia yang menguruskan pelan simpanan wajib dan perancangan persaraan untuk pekerja sektor awam dan swasta yang tidak berpencen. Tuntutan wang KWSP biasanya boleh dibuat oleh penama atau warisnya sekiranya pencazum meninggal dunia tertakluk kepada syarat yang dikenakan. Betapa pentingnya ada penama kerana jika apa-apa berlaku perkara menjadi lebih mudah. KWSP sedang mengusahakan kaedah menguruskan simpanan ahli supaya mudah diuruskan sekiranya ahli meninggal dunia. Sekiranya suami mencarum akaun KWSP semasa hayatnya, isteri atau waris perlu ke pejabat atau cawangan KWSP yang berhampiran.

Terdapat dua (2) situasi berbeza: 1. Jika ada penama; bermakna pencazum yang telah meninggal dunia telah menamakan individu untuk mengeluarkan simpanan KWSPnya. Penama boleh pergi ke cawangan KWSP sendiri untuk memohon pengeluaran wang tersebut. Jika isteri adalah penama, isteri boleh terus berurusan dengan pihak KWSP berdekatan.

2. Jika tiada penama

Terdapat juga beberapa situasi di mana pencazum KWSP tidak menamakan penama, jadi waris terdekat layak memohon. Bagi pencazum yang sudah berkahwin, waris yang layak memohon adalah balu / duda penyumbang, Anak-anak penyumbang Pentadbir kepada harta pusaka pencazum.

viii) Khairat kematian

Secara umumnya, maksud Khairat kematian ialah wang yang dikutip daripada penyumbang yang tinggal di sesuatu kawasan. Khairat kematian biasanya diberikan kepada waris si mati. Tujuan utamanya adalah untuk membantu waris dalam urusan pengebumian. Kerana khairat kematian TIDAK dianggap sebagai harta pusaka, terpulang kepada budi bicara ahli waris. Terpulang kepada waris untuk menggunakannya untuk membayar hutang, kenduri tahlil, sedekah atau lain-lain asalkan untuk tujuan yang baik. Oleh itu isteri boleh menuntut khairat kematian ini dari pihak yang menguruskan sebagai contoh dari qariah masjid. Semua kos pengurusan pengebumian menggunakan wang ini. Jika ada waris yang memberikan wang mereka dahulu, ia boleh diganti.

Waris atau isteri juga perlu ambil tahu khairat kematian ini boleh dituntut dari pelbagai agensi selain dari qariah masjid. Antaranya adalah dari Tabung Haji sebanyak RM 1,500, PERKESO sebanyak RM 2,000, KWSP sebanyak RM 2,500 dan lain-lain dengan syarat suami adalah pencarum kepada semua organisasi tersebut. Seterusnya jika suami pembayar ZAKAT, berhak dapat RM 3,000 [MAIWP] bergantung kepada negeri masing-masing. Manakala jika suami adalah penjawat awam, JPA memberi sejumlah RM3000 untuk menguruskan jenazah begitu juga jika suami telah berpencen, (Kakitangan Awam) juga berhak RM 3,000. Malah bank-bank juga ada menyediakan khairat kematian jika suami ada simpanan di bank tersebut contohnya Bank Rakyat sebanyak RM3000, Maybank sebanyak RM 1,000 (Akaun Individu sahaja) dan Pemegang Kad Kredit Islam sebanyak RM 500 – RM 2,000 bergantung kepada kad iaitu Pelan perlindungan takaful percuma + khairat kematian Seterusnya jika ada ASNB, sebanyak RM 200 – RM 2,000 dengan Syarat bayaran ikut baki pelaburan terakhir si mati. Akhir sekali khairat juga disediakan oleh persatuan berdaftar /NGO /koperasi sebanyak antara RM 500 – RM 5,000 dengan Syarat: si mati adalah ahli berbayar Persatuan/NGO/Koperasi.

Cara-cara untuk menuntut; Bawa sijil kematian, sijil nikah, pengenalan diri, dokumen berkaitan mana-mana agensi seperti polisi takaful dan lain-lain di tempat yang berkenaan. Sebaik-baiknya memohon sebaik sahaja kematian berlaku kerana permohonan khairat kematian mempunyai had masa.

ORGANISASI ATAU JABATAN PENTING YANG BERKAITAN DENGAN TUNTUTAN HAK SELEPAS PERCERAIAN

Isteri yang bercerai, selain perlu tahu hak-hak yang mereka boleh tuntutan, mereka juga perlu mengenal pasti organisasi mana yang perlu mereka rujuk untuk menuntut hak mereka. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Jabatan Agama Islam Negeri

Peneraju Pengurusan Hal Ehwal Islam Ke Arah Kesejahteraan Ummah Berteraskan Maqasid Syariah. Ia melibatkan urusan seperti: memastikan urusan perkahwinan, perceraian dan ruju' dibuat mengikut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat dalam urusan perkahwinan, perceraian dan ruju' di Wilayah Persekutuan, bertanggungjawab menjalankan penyeliaan dan kawalan terhadap pengeluaran dan pendaftaran sijil nikah, cerai dan ruju', memberi khidmat nasihat serta panduan kepada orang ramai berkaitan persoalan hukum dan prosedur perkahwinan. Bagi permohonan pendaftaran cerai, pemohon hendaklah terlebih dahulu memfailkan pengesahan lafaz cerai / permohonan bercerai di Mahkamah Syariah. Pendaftaran cerai di JAWI boleh dibuat setelah menerima perintah daftar dari Mahkamah Syariah.

2. Pesaka kecil, Amanah raya dan Mahkamah

Para isteri yang kematian suami juga perlu tahu, tiga (3) badan ini boleh dirujuk untuk menuntut harta pusaka, faraid dan wasiat di tiga jabatan ini. Setiap jabatan ini mempunyai bidangkuasa yang tersendiri dan berbeza. Tuntutan di pesaka kecil Harta pusaka kecil ialah melibatkan harta yang ditinggalkan oleh simati dan mempunyai ciri - ciri berikut :-

Simati tidak meninggalkan wasiat dan meninggalkan harta Harta itu terdiri daripada sama ada Harta Tak Alih (Tanah/Rumah) sahaja, atau; Harta Tak Alih (Tanah/Rumah) bersama-sama dengan harta alih seperti wang tunai, saham, kenderaan, carumah KWSP/Insuran (tanpa penama), ASN/ASB dan sebagainya. Manakala jumlah nilai keseluruhan harta itu hendaklah tidak melebihi RM2 juta . Ini merujuk kepada pindaan mulai 1 September 2009 pada tarikh permohonan dibuat. Seterusnya jika harta si mati hanya melibatkan harta alih sahaja tanpa harta tak alih, pihak pusaka kecil tidak ada bidang kuasa mendengarnya. Ia biasanya dirujuk ke Amanah raya berhad. Manakala jika harta si mati melibatkan wasiat dan melibatkan harta yang melibatkan jumlah yang lebih dari RM2 juta, mahkamah adalah tempat tuntutan pusaka tersebut.

)

Para isteri perlu mengetahui perkhidmatan yang diberikan bagi tujuan menyelesaikan proses tuntutan hak isteri di mahkamah memerlukan kos dan melibatkan peguam. Peguam akan membantu para isteri dari segi menguruskan tuntutan harta sepencarian, hadhanah, mutaah, nafkah iddah serta nafkah tertunggak. Bagi isteri yang mempunyai sumber kewangan, mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat dari peguam secara terus. Sekiranya para isteri memilih mendapatkan khidmat peguam syarie, yuran guaman yang perlu dibayar biasanya berdasarkan kepada berapa banyak kerja yang telah dibuat bagi pihak anda, masa yang diambil, kesukaran kerja yang terlibat serta kekananan peguam Syarie yang di lantik. Pihak peguam juga akan meminta bayaran cengkeram sebelum memulakan kerja. Perbincangan boleh diadakan antara peguam dan para isteri secara bebas bagi mengelakkan salah faham. Sebut harga atau wa'ad secara bertulis boleh diperolehi daripada Peguam Syarie tersebut. (<https://peguamsyariemalaysia.blogspot.com/p/melantik-peguam.html>)

Bagi isteri yang tidkurang berkemampuan, mereka dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan peguam dari dua institusi di Malaysia, iaitu Pusat Bantuan Guaman yang dikelola oleh Badan Peguam Malaysia dan juga Jabatan Bantuan Guaman dibawah Jabatan Perdana Menteri. Anda perlu melalui proses pengesahan terlebih dahulu untuk menentukan anda layak mendapatkan bantuan guaman. Kos untuk perceraian dipersetujui bersama (dengan petisyen bersama) pula lebih rendah. Ini bermaksud pasangan tersebut telah bersetuju bersama untuk bercerai, oleh itu prosesnya kurang kompleks dan yuran guaman juga lebih rendah. Malah, jika kedua-dua pihak telah bersetuju mengenai nafkah, harta sepencarian, dan penjagaan anak, para isteri mungkin tidak perlu hadir ke mahkamah dan boleh menjimatkan ribuan ringgit. (<https://www.comparehero.my/money-tips/articles/berapa-kos-bercerai>).

Seperti yang dinyatakan di atas, tuntutan yang berhak dituntut dan organisasi-organisasi yang berkaitan adalah pelbagai. Isteri yang diceraikan oleh suami yang masih hidup, perlu mengambil tahu hak-hak mereka dan memastikan dokumen-dokumen berkaitan juga hendaklah disimpan dengan baik untuk kegunaan dalam proses tuntutan. Selain isteri perlu tahu hak-hak yang perlu dituntut selepas kematian suami dan perlu tahu juga di mana buku akaun bank, akaun tabung haji, apa-apa sijil saham, sijil takaful yang ada pada arwah dan dokumen berkaitan untuk selanjutnya. Tindakan ini penting untuk kelangsungan hidup bersama anak-anak. Malah, penting juga untuk para isteri mengetahui sama ada suami mempunyai hutang yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum memulakan sebarang tuntutan lain. Malah adalah penting untuk mengetahui organisasi atau jabatan penting yang perlu dirujuk oleh para isteri dalam menyelesaikan segala tuntutan yang mereka berhak.



Perancangan pusaka tidak semestinya perlu membuat wasiat. Perancangan pusaka juga bukan sekadar melanggan hibah takaful. Ia lebih daripada itu. Adalah baik, semasa hidup, suami isteri perlu berbincang setiap akaun simpanan atau hutang yang dimiliki dan merancang harta sepencarian, merancang perlindungan pendapatan, merancang penama KWSP, merancang geran hartanah, berbincang dan merancang mengenai penama takaful dan penama amanah saham. Semua tindakan ini adalah perlu untuk persediaan di hari kemudian yang kita tidak pasti apa ketentuannya. Moga penulisan ini membantu kalian mengetahui secara umum hak-hak dan organisasi-organisasi yang perlu diketahui dan dirujuk.

Suri Rumah Berduit

*Nukilan: Nur Hazwani Mohamad Roseli
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Suri rumah dahulu tidak sama dengan suri rumah pada masa sekarang. Dahulu, suri rumah dilihat hanya menjalankan tanggungjawab menguruskan hal-hal rumahtangga. Tetapi kini, kita lihat, semakin ramai suri rumah di luar sana yang mempunyai punca kewangan sendiri. Kebanyakan dari mereka telah menceburi bidang perniagaan. Bidang perniagaan seperti mana yang sesuai untuk mereka? Apakah produk yang senang untuk diketengahkan? Bagaimana untuk memasarkan produk mereka?

Kini kita dapat lihat, terdapat pelbagai ruang untuk menjalankan perniagaan. Ada yang memerlukan modal yang besar tetapi ada juga yang berjaya dengan hanya berbekalkan modal yang kecil. Suri rumah pada masa sekarang lebih gemar untuk memilih perniagaan yang tidak perlu menyimpan stok. Mengapa? Ini adalah kerana sekiranya perniagaan itu memerlukan mereka untuk menyimpan stok yang banyak, sekiranya stok tersebut tidak terjual, ia hanya akan merugikan mereka. Bagaimana pula dengan perniagaan yang tidak perlu menyimpan stok?

Kebiasaannya, perniagaan seperti ini memerlukan mereka untuk mendaftar sebagai Agen, “Consultant”, atau “Advisor”. Dengan erti kata lain sebagai jurujual produk syarikat tersebut. Tetapi... Awas!!! Jangan Mudah Ditipu!!! Suri rumah perlulah kenali dahulu syarikat yang mereka ingin berdaftar sebagai jurujual. Cari maklumat syarikat terlebih dahulu. Produk apa yang mereka jual dan apa-apa sahaja maklumat yang berkaitan.

*Eh... kalau tiada ilmu dan pengalaman selok belok perniagaan macam mana?
Bukan senang untuk berniaga.*

Acapkali kita akan terdengar luahan sebegini. Tetapi, kita tidak perlu risau kerana selalunya syarikat sebegini akan memberikan kita latihan mengenai produk jualan seperti maklumat asas produk dan cara penggunaan produk, dan bagaimana untuk menjalankan perniagaan seperti cara pengiklanan dan bagaimana untuk mempromosikan produk. Selain daripada itu, latihan berupa “picture editing” dan “video editing” juga ada diberikan. Mengapa latihan sebegini diperlukan? Ini adalah kerana, selari dengan peredaran zaman, corak pengiklanan dan pemasaran juga berubah. Orang ramai lebih gemar melayari “social media” seperti Instagram, TikTok, dan Facebook. Terdapat fungsi di dalam “social media” tersebut yang membolehkan pengguna memuat naik gambar dan video. Atas faktor tersebut, ramai peniaga merebut peluang dengan memuat naik gambar dan video produk. Oleh yang demikian, kemahiran mengambil dan mengedit gambar serta video produk adalah amat penting. Gambar dan video yang menarik membuatkan pengguna tertarik untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai produk jualan. Apabila, pengguna berasa yakin dengan produk jualan tersebut barulah pengguna akan terasa ingin membelinya.



Setelah pembeli membuat pembayaran, suri rumah hanya perlu memasukkan maklumat pembeli serta butiran produk yang ingin dibeli di dalam sistem syarikat tersebut. Produk akan terus dihantar oleh pihak syarikat kepada pembeli. Suri rumah tidak perlu menyimpan apa-apa stok. Cara perniagaan sebegini adalah sesuai untuk suri rumah yang mempunyai modal kecil tetapi berminat untuk memulakan perniagaan. Terdapat pelbagai lagi cara untuk menjalankan perniagaan di luar sana.

*Pucuk pangkalnya adalah usaha.
Usaha Tangga Kejayaan*

Tinta Seorang Pensyarah

*Nukilan: Nur Syuhada Muhammad & Aemillyawaty Abas
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,*

Tatkala menghadiri konvokesyen pelajar-pelajarku...

Memandang mereka menerima Ijazah Sarjana Muda..
Teringat betapa bukan mudah urusan pensyarah mendidik pelajar...
Teringat betapa banyak cabaran harus dilalui...
Teringat betapa banyak kali beristighfar...
Teringat saat-saat menitis air mata menghadapi cabaran itu...

Teringat betapa penatnya,
Betapa sedihnya.
Luka, perit, pedih...
Dalam perjalanan ini...
Ku memaksa diri untuk menelan.
Iya... Laluan ini berlaku...
Kerana sesungguhnya,
Bukan mudah untuk menjadi pendidik...
Bukan senang untuk menggalas amanah...
Bukan ringan tanggungjawab ini.

Namun,
Juga memandang mereka...
Di dalam dewan konvokesyen yang gah ini...
Terasa penuh bangga melihat kejayaan mereka...
Gembira mendengar puji-pujian terhadap mereka...
Turut sama bahagia melihat senyuman ibu bapa yg hadir...
Teruja saat dipeluk erat pelajar,
sebaik selesai majlis konvokesyen mereka.
Bergenang air mata...
Terharu saat mereka tunduk mencium tangan dan,
Mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga.

"Terima kasih Madam atas segala ilmu yg dicurahkan",
"Terima kasih kerana mendidik kami dengan sabar",
"Terima kasih kerana tidak pernah berputus asa dengan kami",
"Terima kasih Madam",
"Saya sayang madam dunia akhirat."
Merenung ke dalam mata mereka...
Menitis air mata...
Terasa berbaloi segala usaha mendidik...
Haza min fadhli rabbi...
Inilah limpah kurnia daripada Tuhanku..

Aku,
seorang pensyarah...
Akulah...
Pendidik di barisan terakhir,
Sebelum pelajar mula melangkahakan kaki ke alam pekerjaan.

Oleh itu,
Bukan calang-calang beratnya tanggungjawab aku ini,
Untuk membangunkan ummah,
Dengan nilai-nilai murni,
Agar apabila mereka keluar nanti,
Mereka menjadi modal insan yang berkualiti,
Yang professional,
Yang berakhlak mulia,
Yang cemerlang akademik dan sahsiahnya,
Yang bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Bukan sedikit cabaran 'memanusiakan manusia'...
Namun,
Tanggungjawabku ialah untuk mendidik,
Maka itulah yang aku akan laksanakan...
Dengan penuh jujur dan amanah,
Biar hari ini mereka marah,
Tapi satu masa nanti mereka akan berterima kasih.

Moga Allah berikan ku kekuatan untuk mendidik anak bangsa...
Moga setiap langkah ini Allah terima sebagai ibadah...
Moga perjuangan ini..
Di dalam redha Allah...
Moga azam dan semangat ini tidak akan pernah luntur...
Walau apa pun cabarannya...

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْءٌ
وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وِزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya: "Barangsiapa menjadi pelopor suatu amalan kebaikan lalu diamalkan oleh orang sesudahnya, maka akan dicatat baginya ganjaran semisal ganjaran orang yang mengikutinya dan sedikitpun tidak akan mengurangi ganjaran yang mereka peroleh.

Riwayat Muslim (1017)

Cheese Bomb: Dari Graduan DBS ke Usahawan PKS

*Nukilan: Norazamimah binti Bogal
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,*

Cheese bomb adalah sos keju pedas pertama di Malaysia yang telah tular di media sosial sejak tahun 2017. Sos unik ini adalah keluaran Mama G Food Industries Sdn. Bhd. Ia menggunakan jenama MamaG yang bertemakan 'bomb' iaitu sos yang mempunyai tahap kepedasan yang tinggi. Terdapat tiga variasi sos pedas yang dihasilkan iaitu Cheese bomb (sos keju pedas), Black bomb (sos madu pedas) dan Salted egg bomb (sos telur masin pedas).



Rajah 1: Variasi sos pedas

Rajah 2: Usahawan bersama produk

Sumber <https://www.bernama.com/en/features/news.php?id=1905518>

Mama G Food Industries Sdn. Bhd. yang diketuai oleh En. Ridzwan Hafidz bin Rosli, 30 tahun, merupakan alumni UiTM Melaka. Beliau adalah graduan lepasan Diploma dalam Pengajian Perniagaan (DBS) dan seterusnya telah melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama dalam bidang Pemasaran. Mempunyai passion yang tinggi terhadap makanan dan bidang perniagaan, beliau sentiasa mengambil peluang dalam meningkatkan kualiti produk dengan mementingkan penghasilan produk yang bersih, halal dan selamat. Dengan kerjasama daripada pihak MARDI dan FAMA, beliau berjaya mendapatkan sijil Halal dari Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan sijil MESTI dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Tambahan lagi, kawalan ketat sentiasa diterapkan dalam setiap fasa pengeluaran produk daripada fasa input, fasa proses pengeluaran dan fasa output. Bagi memastikan kualiti produk terjaga dalam fasa input, syarikat ini hanya menggunakan bahan mentah terpilih iaitu keju sebenar dan madu asli, pekerja yang terlatih, telah menjalani kursus pemakanan dan juga telah mengambil suntikan typhoid untuk menjamin kebersihan dan keselamatan makanan. Selain itu, semua mesin perlu dibersihkan sebelum memulakan proses pengeluaran.



Rajah 4: Proses pengeluaran dalam penghasilan produk Cheese Bomb.

Kawalan kualiti semasa fasa output dilaksanakan dengan memeriksa setiap produk dengan teliti bagi memastikan semua produk mencapai spesifikasi dan standard yang telah ditetapkan. Selepas itu, botol-botol produk tadi akan dimasukkan dalam kotak bagi urusan pengedaran. Syarikat juga telah menyediakan pelbagai medium saluran maklum balas pelanggan melalui media sosial sebagai kawalan pembetulan (corrective control).

Banyak pencapaian dan anugerah yang telah diperolehi oleh beliau sepanjang dalam pembabitan perniagaan sejak tahun 2012. Di antaranya anugerah Best SME daripada Jabatan Kesihatan Melaka dan Best Food Product bagi program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) anjuran MITI. Terkini, produk beliau telah menembusi pasaran stesen minyak Petronas, Petron dan Shell seluruh Malaysia.

Can you speak Malay?

*Nukilan: Nur Fatim Nabila binti Abd Rahman &, Muhammad Iqbal bin Shaharudin
Akademi Pengajian Bahasa*

Can you speak Malay, Bella?

Masih terngiang lagi kata kata itu sewaktu menghadiri temuduga untuk pencalonan untuk Anugerah Sukarelawan, kategori Pembangunan Belia Terbaik bagi Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015. Berulang kali kedengaran dengan jelas, seolah-olah dimainkan pita rakaman lagaknya.

Pagi itu indah sekali. Semangatku berkobar-kobar hendak menghadiri temuduga bagi Tokoh Siswa kerana ini adalah pertama kalinya menjejakkan kaki untuk temuduga di peringkat tertinggi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Oleh itu, tidak dinafikan ada ketikanya, rasa *'nervous'* merajai hati.

Secara jujur, bukan senang nak sampai tahap ini, dan masa itu tak pernah terfikir nak menang sebab calon-calon lain pun hebat-hebat belaka. *"Depa buat program sampai luaq negara, aku buat kat dalam Malaysia ja"*, getus hati kecilku.

Tapi berbekalkan semangat, dorongan dan doa dari keluarga, sahabat perjuangan, dan pegawai-pegawai HEPA yang tak putus-putus beri semangat dan bimbingan, aku cuba je lah. *"Mana tahu ada rezeki kan? Kalau tak menang, nanti boleh share pengalaman dengan adik2 junior. Mana tahu ada nasib depa pula kan?"*

Setelah beberapa ketika menunggu di ruangan menunggu, akhirnya namaku dipanggil. Aku melangkah laju dan bertekad untuk melakukan yang terbaik.

Sesi temuduga bermula. Aku diminta untuk menjawab beberapa soalan mengenai program-program yang telah aku anjurkan di universiti dahulu. Kebanyakan program yang aku anjurkan adalah berkonsep kesukarelawan dan Pendidikan Bahasa Inggeris bertemakan *'English is Fun'*.

Antara soalan yang ditanya,

"Kenapa buat program berasaskan Bahasa Inggeris, kenapa bukan bahasa lain? "

"Kenapa pilih budak-budak sekolah, kenapa bukan pelajar sekolah menengah ke atau pelajar universiti? "

Dan banyak lagi soalan-soalan lain. Kadang-kadang terasa seperti di'provoke' juga, sebab panel tanya banyak betul soalan, tapi niatku ketika itu adalah untuk cuba yang terbaik.

Setelah selesai, salah seorang panel bertanya soalan ini padaku.

Can you speak Malay, Bella?

Sebab nak jadi Tokoh ni kita kena ada orang boleh berbahasa Melayu, selain daripada fasih berbahasa Inggeris...Just to check, so, can you?"

Aku pada ketika itu tergamam, dan agak terkelu.

Cepat-cepat aku senyum dan menjawab, "Sudah tentu, tuan."

"Baik, kenalkan diri awak dalam Bahasa Melayu."

Selesai 'interview', aku rasa 'down', sebab aku rasa macam memang tak dapat menang, sebab cara panel tanya soalan macam cari salah dari program-program yang aku buat.

Hari Penyampaian Anugerah

Hari keputusan telah tiba. Mulanya aku berat untuk hadir, tapi mengenangkan kemungkinan ada sahabat seperjuangan yang beroleh kemenangan, aku gagahkan diri hadir bagi berkongsi kenangan. Majlis anugerah tu diadakan pada waktu malam, jadi merasa lah 'dinner' sambil tengok orang ambil 'award'. Macam 'Gala Night' gitu. Hehe. Best juga rupanya.

Aku duduk satu meja depan pentas, sebab ada rakan seperjuangan dari universiti yang sama. Aku fikir, duduk dekat2 dengan geng senang sikit, kot nak ambil makan ke, pergi tandas ke semua..

Tahu tak sapa satu meja dengan aku?

Tuuu panel yang 'interview' aku tuuu.. dia duduk satu meja dengan aku, 'seat' dia pula betul-betul depan aku.

Aku 'speechless' kejam, sebab aku ingat dia tak ingat aku, tapi rupa-rupanya dia ingat. Dia siap tegur aku tau!

Sampailah ke pengumuman pemenang kategori aku, ada ditunjukkan video calon-calon yang bertanding semua, seterusnya diumumkan, dan pemenangnya adalah...

Nama aku!..



Aku senyap kat meja sebab perasaan macam tak percaya. Sebabkan panel tu satu meja dengan aku, dia kata *“you menang, pergi ambil ‘award’ cepat”*.

Masa turun, aku jumpa balik panel tu, dan aku tanya dia macam mana aku boleh menang? Sedangkan aku dah tak ingat dah macam mana aku jawab sebab aku rasa panel macam *‘provoke’* aku melalui soalan soalan yang diberikan.

Tahu tak dia cakap apa?

Dia gelak-gelak, dia kata, *“English you bagus and jawapan you clear and straightforward”*. *“Moga-moga it will inspire you for future achievements, dan moga ada lagi ramai yang macam you.”*

Haha masa tu tahan sebak rasa nak nangis, sbb aku ingat dia tak suka aku. Dia yang paling banyak tanya soalan, tapi rupanya dia nak tengok cara kita *‘handle’* situasi tu.

Pengajaran yang aku belajar dari pengalaman ni, jangan sesekali cepat menyerah kalah dan kita kena selalu percayakan diri sendiri. Ingat, *‘you can always do anything, if you set your mind to it’*.

Aku dan Kuliah Pertamaku di Fasa Endemik

*Nukilan: Azrina binti Abu Bakar
Akademi Pengajian Bahasa*

11 Oktober 2022 merupakan hari pertama aku menjalankan kuliah secara fizikal sepenuhnya setelah lebih dua tahun aku menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Masih segar diingantanku, ketika negara berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan peningkatan kes Covid-19, aku menjalankan kelas secara dalam talian melalui aplikasi-aplikasi seperti *Google Meet, Microsoft Teams, Google Classroom, Telegram* dan juga *WhatsApp*.

Pembelajaran secara bersemuka lebih kondusif berbanding berkomunikasi secara elektronik kerana kelas secara talian mempunyai beberapa kekangan seperti akses Internet dan terdapat pelajar yang mudah hilang fokus ketika sesi kuliah dijalankan. Walau bagaimanapun, pada pandanganku, pendidikan hibrid iaitu gabungan kelas secara bersemuka dan secara dalam talian juga merupakan kaedah yang baik dalam pendidikan.

Sebagai seorang pendidik, aku begitu teruja ketika melangkah kaki ke kelasku pada jam 2 petang di Kompleks Pentadbiran dan Pembelajaran (KPP1). Mana tidaknya, ketika pandemik COVID-19 melanda negara, aku tidak berpeluang untuk bersemuka dengan para pelajarku, namun, kini aku boleh mengajar mereka secara bersemuka sepenuhnya. Ya, aku begitu teruja! Alhamdulillah!

Seperti kebiasaannya, pada hari pertama kuliah, aku memperkenalkan diriku dan menerangkan pelan pembelajaran (Lesson Plan) kepada pelajar-pelajar dan menjelaskan mengenai aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang berlangsung selama 14 minggu. Aku juga memberitahu pelajar-pelajarku bahawa aku suka mereka berbincang, aktif bertanya soalan di dalam kelas dan mempunyai sikap yang proaktif.

Selepas itu, aku membuat aktiviti kelas secara berkumpulan dan memberi tugas yang bertajuk "Would you rather" kepada pelajar-pelajarku. Tujuanku memberi aktiviti kelas tersebut adalah untuk mengenali pelajar-pelajarku dengan lebih dekat, membantu mereka meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, mengasah kemahiran berfikir serta memupuk semangat kerjasama sesama mereka.

Sepanjang aktiviti kelas tersebut berlangsung, aku dapat melihat wajah-wajah ceria pelajar-pelajarku saling bertukar pendapat secara berkumpulan. Aktiviti secara berkumpulan memberi peluang kepada mereka untuk memupuk semangat kerjasama bak kata pepatah "*bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat*". Selepas perbincangan dijalankan, mereka berkongsi idea-idea bernas mereka bersama rakan-rakan kelas.

Akhir kata, aku sangat bersyukur kerana Allah mengizinkan aku untuk berkongsi ilmu dengan para pelajar secara bersemuka. Terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana memberi 'lampu hijau' kepada kami untuk menjalankan pengajian dengan kaedah bersemuka sepenuhnya. Kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), selamat kembali ke kampus!



Program Cloth Cares SUZA 2022

*Nukilan: Maymunah Ismail, Noor Azzura Mohamed, Khalilah Ibrahim, Nurul Zamratul Asyikin Ahmad,
Norajila, Che Man, Lina Mazwein Ibrahim
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari*

Program Cloth Cares SUZA 2022 ini telah diadakan pada 17 dan 18 June 2022, bertempat di Dewan Bendahara. Program ini merupakan anjuran bersama di antara Kelab Sukarelawan Zakat UiTM Melaka Kampus Alor Gajah (SUZA KAG), Life Line Clothing Malaysia (LLCM) dan Center for Islamic Philanthropy & Social Finance (CIPSF), UiTM Cawangan Melaka. Program ini disertai oleh warga UiTM Cawangan Melaka iaitu UiTM Kampus Alor Gajah, UiTM Kampus Bandaraya Melaka dan UiTM Kampus Jasin serta orang awam yang terdiri dari komuniti Alor Gajah. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memberi peluang kepada mahasiswa, kakitangan UiTM serta orang awam untuk menyumbangkan pakaian atau barangan fabrik terpakai kepada pihak Life Line Clothing Malaysia. Ia merupakan salah satu usaha memberi “nyawa kedua” kepada pakaian dan barangan terpakai yang dikumpul untuk digunakan semula atau dijual bagi tujuan amal. Seterusnya, kelestarian alam sekitar akan dapat dipelihara dengan usaha yang diadakan ini.

Kerjasama yang terjalin di antara Kelab SUZA, pihak LLCM dan CiPSF dapat memupuk semangat kecintaan terhadap budaya tolong-menolong sesama masyarakat dan berganding bahu dengan badan bukan kerajaan dalam memastikan objektif aktiviti sukarelawan tercapai. Semua barang sumbangan telah dikumpul dan diserahkan kepada pihak Life Line Clothing Malaysia (LLCM). Program yang dijalankan ini mendapat kerjasama sepenuhnya dari pihak pengurusan Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Melaka, Polis Bantuan, Kakitangan, Pelajar, orang awam yang terdiri daripada penduduk Alor Gajah serta Jawatankuasa Penganjur iaitu Sekretariat program SUZA. Sumbangan barangan terpakai yang diberikan sangat mengalakkan dan penyumbang memberi maklumbalas yang sangat positif dan mencadangkan penganjuran program Cloth care secara berkala pada masa hadapan.



Program Mengusap Kepala Anak Yatim Sekolah Kebangsaan Lendu dan Tabung Asnaf SK Lendu 2022

Nukilan: Maymunah Ismail, Noor Azzura Mohamed, Dr. Azhana Othman, Khaizie Sazimah Ahmad,

Jumaelya Jogera¹, Normala Rabu & Zainab Hj. Mohd Zain,

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari, Akademi Pengajian Bahasa

Program ini diadakan pada 26 April 2022 (Sabtu), bertempat di Masjid Saidina Umar Al Khattab, Lendu, Alor Gajah, Melaka. Program ini merupakan anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan Sekolah Kebangsaan Lendu, Alor Gajah, Melaka. Seramai 20 orang wakil dari Sekretariat, Penasihat Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA) UiTM Melaka dan Centre for Islamic Philantrophy & Social Finance serta Ahli Jawatankuasa pensyarah dijemput untuk menghadiri dan meraikan pelajar-pelajar anak yatim dan miskin SK Lendu. Program ini diadakan untuk memberi peluang kepada mahasiswa/siswi menghadiri dan meraikan anak-anak yatim serta menerapkan perasaan kasih sayang dan keprihatinan kepada mereka yang tidak bernasib baik. Melalui program ini, pelajar akan dapat menunaikan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat, di samping merasai jerih payah golongan pelajar miskin dan anak yatim yang hidup dalam keadaan yang serba kekurangan dalam meraikan perayaan hari raya dengan perasaan suasana yang lebih gembira. Program ini juga membuktikan bahawa masih ada golongan yang prihatin terhadap kebajikan mereka. Seramai 22 pelajar yatim dan miskin SK Lendu diraikan dalam program tersebut.






Program yang bermula pukul 9.00 pagi ini, diteruskan dengan ucapan Guru Besar SK Lendu, Cikgu Bahrin Hj. Pakiri, Wakil Kampung Lendu, Wakil dari PIBG SK Lendu, Prof. Madya Dr. Hj. S. Salahudin Suyurno dan diakhiri dengan ucapan Wakil Ketua Menteri Melaka. Selesai sesi ucapan, bacaan selawat berkumandang didalam masjid dan kesemua jemputan dibawa menyantuni dan mengusap kepala pelajar yatim dan miskin serta memberikan sedikit sumbangan sama ada barangan runcit ataupun duit raya kepada pelajar. Terpancar wajah ceria dan gembira pelajar dan waris yang menyertai program setelah menerima sumbangan. Sumbangan duit raya dan barangan runcit ini diharapkan dapat membantu keluarga pelajar yatim dan miskin menyambut Hari Raya dengan gembira. Program berakhir pada pukul 12.00 tengah hari dan maklumbalas positif diberikan oleh pihak SK Lendu atas keterlibatan Sekretariat SUZA dan CIPSF UiTM Cawangan Melaka bersama-sama dengan pihak Sekolah didalam memastikan objektif program tercapai. Program yang dijalankan mendapat kerjasama sepenuhnya dari pihak pengurusan Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Melaka, Jawatankuasa Penganjur yang terdiri dari Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Lendu, Sekretariat SUZA KAG dan KBM, Ahli Jawatankuasa pensyarah serta masyarakat Lendu. Sebagai penutup, diharapkan program ini dapat memberi impak yang positif dan berguna kepada para mahasiswa dan mahasiswi, kakitangan UiTM serta masyarakat Lendu. Program ini dapat memberi peluang kepada pemimpin muda untuk melibatkan diri di dalam program kemasyarakatan, membantu dan meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan agar dapat bersama-sama meraikan Hari Raya dengan penuh kesyukuran.




KATA-KATA BIJAK


**Mengeluh hanya akan
membuat hidup kita
semakin tertekan
Sedangkan bersyukur
akan senantiasa
membawa kita pada
jalan kemudahan.**

Canva





Pantun & Sajak

- Adab Menuntut Ilmu
 - Bersahabat Hingga Ke Syurga
 - Bicara Sepi
 - 48 Hari
 - Mendidik Diriku dan Bangsa
 - Awan dan Takdir
 - Sunnah Madu
 - Percintaan Yang Tawar
 - Malam Terakhir di Pulau Pinang
 - Kaca Mata
- 





Pantun & Sajak

- Wad 4-4 Katil 10
 - Terurai Bahasa Ratu
 - CSP650
 - Pantun Sektor Perladangan Pemangkin Industri Mapan Negara Malaysia
 - 27 Kali Ganda
 - Cekal Si Ibu Tunggal
 - Pantun Sedekah
 - Pantun Tentang Ilmu
 - "Singkir-kan"
 - Integriti
- 



Pantun & Sajak

- Sapaan Yang Menyepi
 - Sementara
 - Hiasan Ilmu
 - Ilham
 - Pantun Menuntut Ilmu
 - Perjuangan
 - Pantun
 - Pantun Nasihat
 - Transformasi UiTM : Demi Survival Anak Bangsa
 - Anak Kecil Pewaris Bangsa
 - Ya Muhammad
- 



Adab Menuntut Ilmu

Nukilan: Amilia Saidin

Fakulti Perakaunan

Alunan ombak sedap didengar,
Melambung tinggi tiada terasa,
Bacalah doa sebelum belajar,
Supaya sentiasa dalam redhaNya.

Hati panas jangan diturut,
Kelak binasa timbul sesalan,
Hormati guru amatlah dituntut,
Dengar khusyuk ilmu yang disampaikan,

Indah elok si anak dara,
Dihiasi dengan akhlak terpuji,
Walau ilmu penuh di dada,
Sifat sombong haruslah dijauhi.

Makanan terhidang terasa sedap,
Makan nasi bersambalkan lada,
Menuntut ilmu haruslah beradab
Agar keberkatan sentiasa bersama.

Kertas dan pena sudah bertemu,
Amalan membaca amalan terpuji,
Tetaplah semangat menuntut ilmu,
Bekalan hidup sampai ke mati.

Bersahabat Hingga Ke Syurga

*Nukilan: Sumayyah
Jabatan Undang-Undang*

Sahabat

Manisnya persahabatan kerana kasih dan sayang yang ditunjukkan
Dalam setiap perbuatan dan ingatan
Teguran tak pernah lekang kerana ruh dan semangat dalam perjuangan
Menjadi sahabat dunia dan akhirat


Kala tawa berubah menjadi duka
kau tetap hadir di sisi menukar suasana
Bibit gembira menyatukan jiwa
Mengembalikan duka menjadi suka

Berjalan jalan menyelusuri kehidupan
Sahabat ke syurga menjadi impian
Ukhuwah terjalin berlandaskan keimanan
Kelak disatukan di syurga idaman

Doa buat sahabat sering terucap
Dalam terang mahupun gelap
Meski kata tidak terungkap
Mengharap diingat kelak di akhirat

Dalam bicara tersalah kata
Gurau senda mengusik jiwa
Sahabat syurga saling terima
Baik dan buruk tiada sengketa

Sekian nukilan buat sahabat
Memohon rahmat dan juga berkat
Ukhuwah fillah menjadi matlamat
Demi kebaikan dunia akhirat



Bicara Sepi

*Nukilan: Raihan Ibrahim
Akademi Pengajian Bahasa*

Aku mencari teman bicara hati
Tiada siapa ingin menjadi
Tapi aku terus mencari-cari
Kerna ku tahu Dia Maha Mengerti

Aku mencari masa dimaafi
Tiada siapa ambil peduli
Tapi aku terus mencari-cari
Kerna ku tahu Dia Maha Mengampuni

Aku mencari Ehsan simpati
Tiada siapa ku tahu sudi
Tapi aku terus mencari-cari
Kerna ku tahu Dia Maha Mengasihani

Aku mencari kasih sejati
Tiada siapa ingin berdiri
Tapi aku terus mencari-cari
Kerna ku tahu Dia Cinta Abadi

48 Hari

*Nukilan: Zareen Zulkifli
Fakulti Perladangan dan Agroteknologi*

Labbaik Allahumma Labbaik
Labbaika Laa Syarikaa Laka Labbaik
Innal Hamda Wannimata Laka Wal
Mulk
Laa Syariika Laka

9 Jun 2022
Tiba Di Kota Madinah Al-Munawwarah
Kota Yang Penuh Cahaya
Dengan Akhlak Mulia Rasulullah Saw

Hati Berdebar Pertama Kali
Menjejakkan Kaki Ke Masjid Nabawi
Selawat Dan Salam Dari Rakan Aku
Sampaikan
Sayu Hati Menganangkan Rasulullah
Betapa Baginda Sayang Pada Umatnya
Walaupun Tidak Pernah Bersua

Hari-Hari Di Madinah Sungguh Tenang
Satu Perasaan Yang Tidak Dapat
Digambarkan Dengan Kata-Kata
Segalanya Indah Walau Diduga
Kerana Allah Maha Berkuasa

14 Jun 2022
Kami Datang Ya Allah
Kami Datang Menyahut Panggilanmu
Segala Puji Bagimu Nikmat Dan
Kerajaan Adalah Kepunyaanmu


Di Kota Makkah Nyata Hati Lagi Tenang
Masjidil Haram Tempat Iktikafku
Tempat Aku Mengenal Diri
Tempat Aku Mengenal Orang Lain

8 Julai 2022
Berkumpul Di Arafah
Berwukuf Dengan Tangisan
Tangisan Hamba-Nya Yang Penuh
Dosa Dan Pengharapan

Mabit Di Muzdalifah
Melontar Di Mina
Kembali Ke Mekah Untuk Tawaf Dan
Saei
Dengan Izin Allah Swt Semuanya
Dipermudahkan

Rutin Di Mekah Akan Ditinggalkan
Doa Agar Dijemput Kembali Tidak
Pernah Putus
Untuk Diri, Keluarga Dan Rakan-Rakan
Semoga Allah Mengizinkan

26 Ogos 2022
Aku Pulang Sebagai Mujahadah
Berjuang Meraih Haji Mabrur
Kerana Itu Bukan Mudah
Syurga Adalah Balasannya



Mendidik Diriku dan Bangsaku

Nukilan: Aisha Ann

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi

Jauh liku jalan
Duri, ombak dan badai
Aku gagahi diri
Aku harungi dengan tenang
Dengan sebuah keazaman
Aku bekalkan dalam jalanan yang panjang

Jatuh, sakit dan luka antara yang singgah dan hadir
Tetapi aku tahu semua untuk aku mengerti erti takdir
Dalam berukhuwwah dengan takdir
Aku perbaiki langkah dalam menggilap kuat
Kuat untuk bangkit, berdiri, berjalan dan melawan
Agar aku tak terkalah oleh takdir yang menyesakkan

Tiada kata mampu digambarkan
Impian untuk membangunkan modal insan tercapai dalam hajatan
Semoga kuat, sabar dan tenang
Menghadapi dugaan dan cabaran mendatang

Kata dan semangat orang tua dalam sematan fikiran
Doa kalian menjadi bekalan lindungan
Berebekal jujur dan amanah dalam perjuangan
Semoga yang Esa selalu mengurniakan berkah dan perlindungan
Izinkan aku menjadi yang terbaik di sisiMuTuhan


Awan dan Takdir

*Nukilan: Zuhri Arafah Zulkifli
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*

Hari ini
Langit cerah
Sang Mentari menebarkan cahaya
Petani memerah keringat
Mencari rezeki untuk keluarga
Anak-anak kecil
Menampakkan senyuman
Bersingsing lengan
Berlari menikmati indahnya dunia

Esok
Awan mendung kelabu
Berat memikul khabar
Adakah hujan ini membawa rahmat?
Atau
Hujan ini membawa ujian?
Ujian yang kadangkala perit untuk ditelan

Hari ini, esok atau masa hadapan
Berdoalah untuk segala kebaikan
Kelak nanti
Apa jua yang mendatang
Takdir ini
Harus perlu dirai
Nikmat ini
Harus terus disyukuri.



Sunnah Madu

*Nukilan: Siti Nazirah Omar
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Kicauan pipit di atas dahan
Memikat burung di tepian lembah
Nektar bunga menjadi pilihan
Pelbagai madu hasilan lebah

Pekat malam melangit syahdu
Israk dan Mikraj peristiwa agung
Jibril datang membawa madu
Minuman nabi yang terulung

Pisang berangan dan kerepek ubi
Buat bekalan ketika berakit
Minuman madu sunnah Nabi
Rawatan syifa' segala penyakit

Kekanda umpama pohon semalu
Adinda laksana cincin intan
Ikutlah petua zaman dahulu
Minum madu untuk kesihatan

Tabur selasih pinggan suasa
Bunga melur tumbuh melata
Pelbagai warna pelbagai rasa
Dari perut lebah madu tercipta

Hibanya hati terkenang Cik Anis
Duduk termenung di atas tunggul
Madu kelulut rasanya manis
Madu tualang khasiatnya unggul

Tilam emas cadar permata
Sungguh indah tempat beradu
Sabda nabi pernah berkata
Rasul suka manis dan madu

Sungguh cantik bunga di taman
Hasil tangan oleh Pak Seman
Pilihlah madu sebagai minuman
Sunnah Nabi sepanjang zaman




Percintaan Yang Tawar

*Nukilan: Bok Check Meng
Akademi Pengajian Bahasa*

Minyak dititis ke dalam air
Akhirnya terapung di atas
Seperti sebuah percintaan Covid bersama manusia
Akhirnya menjadi tawar
Tawar seperti air
Tidak merangkumi minyak, garam, gula dan tepung
Isi kandungan sebuah kehidupan
Yang makin meningkat harga
Tiada turun tiada penentuan

Setiap hari dengan harapan
Covid jauh daripada kehidupan
Yang penuh dengan percintaan
Di kalangan pelbagai bangsa
Walaupun ada halangan di antara pelitup
Percintaan kita sudah berterusan
Selama 65 tahun dan bekekalan
Tidak berpisah dan ini tidak bererti
Kita tidak berjauh dengan covid
Atau mencintai sebuah inflasi
tanpa bersedia jimat cermat

Percintaan kita dengan covid sudah menjadi tawar
Melalui suntikan vaksin yang bertempoh
Sebuah percintaan yang tawar boleh kembali manis
Jika masyarakat kekal penyayang
Minyak menjadi ringan
Senyuman yang manis
Berbunga di lorong sebuah hidup
Yang penuh berharapan



Malam Terakhir di Pulau Pinang

*Nukilan: Lai Yuh Ying
Akademi Pengajian Bahasa*

Bintang berkelip kelip di seberang tanah
Butterworth,
Laut gelap berpancaran bagaikan cermin
menayangkan bulan dari langit,
Cahaya di kapal mewarnai lautan yang hitam,
bagaikan lilin menyinari kegelapan.

Tahun berpintas,
Sepohon demi seponon pokok cucuk di atas tanah
Pulau Pinang,
Kereta demi kereta berlalu di atas jalan raya
bagaikan garis melintang,
tanpa henti,
tanpa meninggalkan sebarang memori.

Cinta selama satu dekad,
Langit pada malam terakhir bernostalgia,
Selamat tinggal kekasihku,
Pulau Pinang.


Kaca Mata

*Nukilan: Anis Ajiqah Sharip
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*

Terlihat dari ruang maya
Sejenak ku rasa
Tuhan kurniakan segalanya buat mereka
Aku pula
Aku tidak punya apa
Masih menanti detik Tuhan kotakan segala doa
Doaku yang berbelas tahun lamanya
Apa kurang ikhlasku dalam doa dan pinta
Sehingga begini lamanya perlu ku minta

Ku tutup segala ruang maya
Melihat kehidupan ku di alam nyata
Ternyata aku telah berprasangka
Tersedar akan segala nikmat yang telah dikurnia
Kesihatan, kegembiraan, kerjaya, dan sedikit harta
Tidak lupa keluarga yang bahagia
Yang Tuhan tangguhkan sedikit cuma

Jika ku kirakan segala rezeki
Tidak cukup ku hitung dengan jari
Tidak mampu kudustakan segala nikmat diberi
Aku kini tersenyum kembali
Memanjatkan rasa syukur pada ilahi



Wad 4-4 Katil 10

*Nukilan: Afidah Bidin
Akademi Pengajian Bahasa*

Di sisinya aku diam
Menatap sekujur tubuh longlai
Memucat lesi tak berdarah
Mencari punca layu tak bermaya
Bilamana mereka mencucuk tubuhmu
Tubuhku keras menahan sakit
Tak terdaya menanggung perit

Tubuh kecil ini jua
Menggagah memapah sasamu
Menyaksikan luncuran memerah
Apakah semua ini
Aku tak punya jawapan
Yang pakar jua tak mampu
Memberi jawab

Duhai Pencipta maya
Ilhamkanlah pada mereka
Jalan keluar solusi cipta
Tak terjangkau akal manusia
Ternyata benar
Hanya Dia yang ada jawabnya
Misteri tanpa penyudah
Doa dan tawakal
Menjadi noktah sebuah bingkisan.

Afee - (20062018)



Terurai Bahasa Ratu

*Nukilan: Bok Check Meng
Akademi Pengajian Bahasa*

Mereka kata awak
Hebat, antara permata di mahkota
Kutleri tuang emas
Kuda kesayangan makan rumput berharga
berbillion dolar perak
Memandu tanpa lesen yang tidak terkira banyaknya
Pergi ke luar negara dan buat impian legenda

Sehingga terurai bahasa
Anda mempunyai langit di atas orang
Memasak rasa satu keluarga, membungkus
Kekuatan dalam kot yang lemah

Anda seolah-olah pelangi
Beralih dari syurga ke bumi
Hujan romantik
Turun dari hari percintaan
Kepada hari yang membosankan




CSP650

*Nukilan: Fadzlin Ahmadon
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*

ku cari pedulimu di gumpalan awan
sosok putih memantul sinar,
memberi bayangan tentang kesudianmu
berusaha keras demi kerja ini.

namun,
engkau lebih senang ditiup angin,
menyerap kelembapan yang memberatkan,
membawa kemendungan dan kegelapan
yang akhirnya runtuh
membasahkan halaman.

aku,
perlu menjadi guruh
dan halilintar
mematahkan deraimu,
memaksakan siapmu
sambil bertanya,
adakah pelangi diujung jalan?



Pantun Sektor Perladangan Pemangkin Industri Mapan Negara Malaysia

*Nukilan: Dr Nur Maizatul Idayu Othman
Fakulti Peladangan dan Agroteknologi*

Covid-19 berlalu pergi,
Tiba pula fokus ekonomi
Sektor peladangan semakin meningkat tinggi,
Tidak lagi dipandang sepi.

Mencari cabang ilmu dan pengetahuan,
Juga pertingkat hasil kepakaran,
Sumber tumbuhan dan juga bahan galian,
Menjadi pemangkin masa hadapan.

Golongan muda bijak bestari,
Beramai-ramai mencuba mencari rezeki,
Cili, sayur, kangkong dan padi,
Sektor perladangan semakin digeruni.

Persiapan awal perlu dilaksanakan,
Memastikan sumber mencukupi terutama makanan,
Janganlah kita sia-siakan,
Peluang yang ada dalam bidang peladangan.

Baja bio juga baja kimia,
Antara jenis baja digunakan,
Kedua-dua merupakan subjek akademia,
Untuk memastikan sumber pengeluaran yang
mapan.

Negara Malaysia negara tercinta,
Sentiasa dijaga sepenuh jiwa,
UiTM pula pemangkin usaha,
Menuju ke arah masyarakat yang berjaya.

27 Kali Ganda

*Nukilan: Suhailah Kassim
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Januari ini seperti yang lainnya
Disebalik pandemik yang melanda
Keluarga masih makan bersama duduk semeja
Gelak ketawa menikmati alam semesta

Ada juga yang terhenti seketika
Pusat hiburan yang meleka manusia
Pusat membeli belah yang rakus menelan belanja
Pusat keagamaan ditutup semuanya
Ramai yang bersedih berdukacita

Januari ini bukan bulan biasa
Bagi mereka yang tahu nilai sujud bersama
Istimewanya Januari pada mereka yang memiliki
jiwa
Taat pada suruhan yang Maha Esa
Bezanya bersendian dan bersama keluarga
Dijarakkan 27 kali ganda

Januari ini anugerah dari yang Esa
Di rumah bersama keluarga
Hadiah terindah setiap kali solat tiba
Rukuk dan sujud dengan imam di depan mata
Nikmat apa yang yang ingin didustakan manusia

SK, 010422

Cekal Si Ibu Tunggal

*Nukilan: Marziana Abd Malib & Maymunah Ismail
Jabatan Undang-Undang, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Ibu tunggal bukan insan yg gagal..

Walau sedih ditinggalkan tp jiwa tetap tabah dan cekal

Tetap bangkit untuk terus harungi cabaran yang datang berpukal..

Ye.. Hak ibu tunggal jangan pernah disangkal..

Hadhanah, nafkah, mutaah, hibah dan semua hak harus dituntut jangan ditinggal..

Semangat waja dan harapan masa depan yg lebih baik harus terus kekal..

Masa depan ibu berdikari ini berhak dibela tanpa terlepas dan tiada sesal..

Pelbagai organisasi perlu dicakna dan mudah dirujuk jangan tertinggal..

Moga ibu tunggal ini terus ada sinar harapan di masa depan dengan keceriaan dan semangat yang cekal..

Pantun Sedekah

*Nukilan: Shahreena Binti Daud
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Pergi ke pasar di Pekan Pagoh,
Kaki tersadung, barang bertabur,
Amalan sedekah jangan ditangguh,
Kelak menyesal di dalam kubur.

Memancing ikan di tengah lautan,
Jala tersangkut si anak penyu,
Sedekah jumaat banyak keberkatan,
Jadikan amalan setiap minggu.

Sorong papan tarik papan,
Selumbar papan terkena jari,
Banyak sedikit bukan ukuran,
Yang penting ikhlas, jiwa dan hati.

Ranting bunga dikerat-kerat,
Buat hiasan jambangan bunga,
Sedekah kerabat jadikan tabiat,
Amat dituntut dalam agama

Menimba air dari perigi,
Buat siraman bunga di taman,
Sedekah bukan sekadar memberi,
Senyum dan zikir jadikan peneman.

Waqaf bangunan mahupun telaga,
Bantu si miskin damba bantuan,
Sedekah makanan menjanjikan pahala
Anak yatim jadikan sasaran

Luqman A-Hakim di tanya sesuatu,
Apakah yang penting dalam
kehidupan,
Agama, harta dan sifat malu,
Akhlak yang baik dan juga dermawan

Pantun disusun satu persatu,
Pembayang dan maksud perlu sekata,
Amalan sedekah amalkan selalu,
Moga hidup bahagia di sana.



Pantun Tentang Ilmu

*Nukilan: Nurul Aida Harun
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Atap genting sudah lama
Cahaya pagi tembus ke dalam
Sangat penting ilmu agama
Kewajipan bagi umat Islam.

Orang bertamu naik kereta
Jalan terus tiada patahnya
Bukan ilmu mencari kita
Kita harus mendekatinya.

Pergi bercuti segala pelosok
Tiada masalah gembira rasanya
Hidup seperti mati esok
Belajar seolah hidup selamanya.

Ikan kelah sungai bertakhta
Puput bersia di laut bertemu
Pendidikan adalah senjata kita
Mengubah dunia dengan ilmu.

Terang bulan pandang tak jemu
Di tepi kolah tumbuh pegaga
Tempuh jalan mencari ilmu
Pasti Allah janjikan syurga.

Jauh menjelajah banyak faedah
Sentiasa bertanya jikalau salah
Tampak di wajah tangan dan lidah
Kerendahan hatinya kepada Allah

Jalan di titi membawa raga
Penuh ikan rasa bahagia
Ilmu sejati sangat berharga
Perlu usahakan diiring doa.

Hati kelam tiada bertemu
Duduk di titi mengunyah cermai
Makin dalam iman dan ilmu
Makin hati terasa damai.

Tidak jemu melihat dinda
Asik terfikir bila bersatu
Menuntut ilmu diwaktu muda
Bagai mengukir nama atas batu

Ulam peria makan tak jemu
Ulam pegaga juga begitu
Ingin dunia perlukan ilmu
Akhirat juga sama begitu.

Menangkap ikan di Pulau Rawa
Buat bekalan isi di raga
Ilmu akan menghidup jiwa
Penyuluh jalan menuju syurga.

Seronok menjahit tiada jemu
Dijahit celana buat basahan
Merasa pahit menuntut ilmu
Asal tidak hina dalam kebodohan.

“Singkir-kan”

Nukilan: Siti Fatimah Binti Mohd Rum

Fakulti Sains Komputer & Matematik


Hanya khusyuk mengagumi
Dunia maya penuh fantasi
Hipokrit atau realiti?
Singkir-kan rasa *“iri hati”*

Terbit di hati ingin menyanjung
Layar-layar kehidupan penuh hipokrasi
Itukah yang dicari? Sedarlah diri
Singkir-kan rasa *“hasad dengki”*

Bersusah-susah untuk memiliki
Di sudut hati tidak mampu menyaingi
Toksik atau realiti?
Singkir-kan rasa *“bangga diri”*

Saban hari hanya provokasi
Tak mungkin dielak lalu makan diri
Modus operandi atau realiti?
Singkir-kan rasa *“batu api”*

Untuk saudaraku yang bijak bestari
Sungguh ajal sangat menghampiri, ini pasti
Persiapkan lah diri, bersihkan lah hati
Singkir-kan rasa *“hanyut diri”*



Integriti

Nukilan: Marziana Abd Malib

Jabatan Undang-Undang

Maruah Dan Martabat Sesebuah Organisasi Adalah Dengan Adanya Integriti.., Integriti Diiringi Dengan Amalan Transparensi Dan Akauntabiliti Yang Sejati..

Setiap Warga Dan Organisasi Perlu Berprinsip, Berakhlak Suci Dan Ada Jati Diri..

Dengan Integriti Yang Tinggi, Organisasi Terus Diyakini Dan Dipercayai Serta Dihormati..

Namun Jika Hilang Integriti, Maka Akan Hilang Kewibawaan Dan Kredibiliti..

Setiap Langkah Dan Aktiviti Serta Operasi Akan Dipandang Sangsi Malah Organisasi Akan Terus Diragui.. Mencetus Kecuaian, Salah Laku Dan Salah Guna Kuasa Yang Tinggi.

Ayuh! Mari Terus Berprinsip, Pelihara Jati Diri, Amanah Dijunjung, Akauntabiliti Terus Diiringi Di Sisi..

Ya! Integriti Bukan Sekadar Ilusi Dan Teori Malah Perlu Direalisasi.. Kerana Integriti Adalah Tiang Seri Sesebuah Organisasi..

Ayuh Bersama! Menuju Transformasi .. Agar Kritikan Dapat Dihindari.. Malah Keyakinan Dan Kepercayaan Kepada Organisasi Akan Terus Lestari.. Khidmat Baik Akan Dipatri Dan Dikenang Dihati..

Sapaan Yang Menyepi

Nukilan: Asma' Wardah Surtahman

Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari

Tibalah detik itu ia kembali
Menanggapi peristiwa semalam
Setelah sapaannya kian menyepi
Sengaja ia biarkan begini
Membuka ruang untuk bersendiri
Menginsafi akan hakikat kehidupan
insani

Sejauhmanakah keupayaannya
Setulus mana kekuatan firasatnya
Selantang mana imannya bersuara
Yang pasti...ia pasrah dan mengerti
Akan ranjau yang perlu dilalui
Di depannya bukan fantasi

Usaha nya itu...tidaklah sia-sia
Apatah lagi usia
Beriringan masa yang semakin tua
Bagi mengunjung Kekasih hati
Di pintu abadi
Setelah diuji dan diharungi

Hati itu terpaut padaNya
Kerana hati adalah milikNya
Akan kembali kepadaNya jua
Ia merintih di kala sepi lagi tanpa
suara
Yang pasti arah tujuannya
Menuju kepada Yang Maha Esa

Ia mengerti
Hidup ini ada pasang surutnya
Melodinya sentiasa mengundah jiwa
Silih berganti sesal dan ria...duka dan
gembira
Sengaja ia keraskan jiwa
Menepis kemewahan dunia
Yang hanya berpura-pura
Sandiwara boneka pelupa

Biarkan diri nya di pangkuan Rabbi
Tulus hatinya untuk terus mendekati
Hanya kekudusan...buat penyucian jiwa
Gegaran kalimah Rabb
Menjadi peneman bicara
Hampan bumi...saksi kelunasan
masa

Sementara

Nukilan: Siti Fatimah Binti Mohd Rum

Fakulti Sains Komputer & Matematik

Dua kosong dua satu
Tahun penuh hiba dan sayu
Dihambat kesedihan
Satu malam yang kacau tak mampu ku melawan
Dikeheningan malam akhirnya ku tersungkur
Tahun penuh trauma seakan drama
Tak dapat ku rasakan kerna waktu terlalu singkat
Masih tak terlena aku hanya mahu bernafas seketika

Tahun penuh depresi, robek hati diserang bertubi-tubi
Ke mana jua ku pergi tekanan mengikuti
Tak jenuh dambakan perhatian dan simpati
Tak terkawal emosi berdepan episod penuh tragedi
Hati ku remuk tanpa disedari
Air mata mengalir deras rasa belas
Ya Rabb, izinkan ku lena di malam hari walaupun sekali
Wahai hati tenanglah dengan ujian Ilahi

Dalam diam ku meratapi jiwa yang sunyi
Biarkan diriku berjalan tanpa kompas kehidupan
Yang dahulunya gembira telah direntapi
Pinjamkan ku hari bahagia walaupun sekali?
Hati ku memberontak tak mahu dihakimi
Penat, tak nak dibenci

Ku teruskan kehidupan demi yang dikasihi
Yang dahulunya ceria kini dibaluti kegelapan
Hancur luluh semalaman
Ku syukuri nikmat kehidupan yang sementara
Tak dinafikan tapi penuh makna
Hidupku indah penuh warna
Walaupun pernah gundah gulana
Terima kasih Allah kerana pinjamkan walaupun sementara
Semua di dunia ini hanya seketika
Setiap yang hidup pasti kebumi
Berjumpa kita disana


Hiasan Ilmu

*Nukilan: Siti Rohana Daud
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Ilmu itu tinggi nilainya
Ia menjadi penerang dunia
Memberi sinar kepada penuntutnya
Dari kelam akan jadi bercahaya
Dari keliru akan jadi jelas dan nyata
Menjadi solusi ketika masalah menimpa
Menjadi panduan untuk bekerja
Menjadi petunjuk untuk terus berusaha
Menjadi pengikat kasih sayang sesama saudara

Namun ilmu itu perlu dihiasi
Hiasilah ia dengan akhlak terpuji
Agar orang berilmu terus menunduk ke bumi
Tidak sombong walau dipuji
Tidak lemah apabila diuji
Tidak putus asa jika dikeji

Akhlak itu akan jadi pemandu arah
Agar orang berilmu tetap istiqamah
Terus belajar tanpa rasa lelah
Terus berusaha walau dalam keadaan payah
Kekal beradab walau dicabar dan digoyah
Sentiasa bersemangat untuk berdakwah
Menegakkan kebenaran dan yang batil terus ditegah
Demi ummah
Hanya kerana Allah



Ilham

Nukilan: Zaleha Mahat

Fakulti Perakaunan

Ilham..


Ke mana kau menghilang
Ku panggil tidak jua datang
Pernah munculmu tidak diundang
Selalu pergimu tidak terhalang...

Ilham itu milik Ilahi..

Kadang pencariannya ke hujung dunia
Sedang duduknya di dalam jiwa
Tanpa izinNya tenggelamlah ia...

Allah, ilhamkan aku..

Petunjuk penyuluh qalbu
Agar tetap di jalan Mu..
Mensyukuri nikmat kurnia
Mencari taqwa dan redha
Membekal amal ke akhirat sana...



Pantun Menuntut Ilmu Amalan Mulia

*Nukilan: Zarinah Abu Yazid
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Ramai taulan datang bertamu
Datang bertamu di pagi raya
Perkasa adab dan juga ilmu
Tamadun bangsa di mercu jaya


Bangun pagi ke kedai Azizah
Untuk membeli sekilo kerang
Belajar demi segulung ijazah
Masa depan pasti gemilang

Anak rusa menari-nari
Diintai ular di celah pandan
Budaya siber akses di jari
Dunia ilmu tanpa sempadan

Masak lemak pucuk meranti
Makan pula di tepi titi
Bukan janji tapi pasti
Dengan ilmu akan dihormati

Covid-19 berakhir sudah
Suasana kampus kembali meriah
Wahai siswa gengamlah ijazah
Agar masa depan menjadi cerah

Bunga mawar bunga dahlia
Cantik berkembang disiram mentari
Menuntut ilmu amalan mulia
Buat bekalan di kemudian hari



Perjuangan

*Nukilan: Nur Fatin Nabila binti Abd Rahman, Muhammad Iqbal bin Shaharudin
Akademi Pengajian Bahasa*

Terkadang hati terasa
Langkahku seperti terkebelakang
Lalu aku berhenti seketika
Untuk belajar melihat dan memandang

Dan aku mulai sedari
Aku mulai mengerti
Tiada yang terlewati
Semua sempurna ditetap Ilahi


Aku sedang belajar menerima
Aku sedang mentarbiah jiwa
Moga Allah ajarkan aku erti redha
Mendalami pasrah sedalamnya makna

Wahai diri
Kikislah duka dari hati
Latihlah diri untuk percaya
Teruskan tersenyum dan tertawa

Banyakkan bersyukur jangan dilupa
Raikan semua yang masih ada
Kejarlah impi, cita dan cinta
Yang indah dengan warna ceritera

Biarkan mereka masih tuli buta
Mengadu domba berhasad dengki
Kan kita terbang ke angkasa
Yakinlah kamu tidak sendiri

Ini baru permulaannya..



Pantun

*Nukilan: Fatimah Hashim, Nurul Emyza Zahidi
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*

Pergi DTS menyusun meja
Meja disusun dengan teliti
Betulkan niat kita bekerja
Demi mencapai redha ilahi


Covid datang tanpa diduga
Menjadikan kita gusar di hati
ODL kini perkara biasa
Kreatif inovatif hikmahnya pasti

Dusun bukan sebarang dusun
Dusun Wakaf bekal hadapan
Hidup ini hendaklah disusun
Agar membantu setelah dikapan

Anak buah atau ketuanya
Perlulah saling menghormati
Buatlah kerja sejujurnya
Ganjaran akhirat pasti menanti

Panel solar banyak manfaat
Elektrik terjana parkir selesa
Ujian hidup bukan sesaat
Hendaklah kita positif sentiasa

Semester baru telah bermula
Pensyarah pelajar berjumpa akhirnya
Riuhan kampus ini semula
Semoga dapat keberkatan dariNya



Pantun Nasihat

*Nukilan: Nurul Najwa Abdul Rahid
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*


Bila bertutur biarlah hemah,
Keputusan dibuat perlulah tepat,
Ilmu dan adab lahirlah hikmah,
Segala dibuat adil bertempat.

Adab melayu bersopan santun,
Gerak dan geri disusun teliti,
Falsafah diselit di dalam pantun,
Moga tersemat di dalam hati.

Riuh rendah suasana desa,
Tolong menolong berkerjasama,
Dalam diam memendam rasa,
Usah dendam dibiarkan lama.

Resmi kiambang akar tak jejak,
Mekar menghijau menawan pandangan,
Walau anda orang yang bijak,
Usah berlagak jagalah hubungan.

Befikir dahulu sebelum menghakimi,
Suatu hari kitakan mati,
Hargai segala yang kita dimiliki,
Usah difikir apa yang kita hajati.




Transformasi UiTM : Demi Survival Anak Bangsa

*Nukilan: Alias Bin Deraman
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*

Wahai warga UiTM
Dunia sentiasa berubah mengikut zaman
Begitu juga UiTM kita
Berubah pada alur masa
Dari institut kepada universiti
Dari Shah Alam menyebar ke serata negara
Dari ceruk desa menjadi gah di kota
Dari sifu segalanya kepada 'student centred learning'
Dari melukut kepada menjana pendapatan
Dari pensyarah biasa-biasa kepada barisan profesor
Dari kursus biasa-biasa kepada profesional
Dari kampus biasa-biasa kepada fasiliti bertaraf dunia
Dari kertas kerja biasa-biasa kepada 'index journal'
Dari kerdil ke 'ranking' dunia
Dari lokal kepada global
Mengubah anak-anak bumiputra kepada pendeta
Transformasi anak-anak hingusan menjadi pakar dunia
Demi survival anak bangsa.

alias796@UiTM 14 Oktober, 2022



Anak Kecil Pewaris Bangsa

*Nukilan: Nur' Amira Hamid
Fakulti Perladangan dan Agroteknologi*

Pak Ripin ke sungai menangkap ikan,
Terserempak pula dengan Mak Siti,
Anak kecil anugerah tuhan,
Didiklah mereka sepenuh hati.

Pak Ripin memburu kancil,
Untuk dijual di kawasan pasar,
Ilmu diterap daripada kecil,
Agar anak tidak tersasar.

Pak Ripin menjual raga,
Sambil bersembang di atas papan,
Ilmu agama tersemat di dada,
Sebagai panduan di masa hadapan.

Pak Ripin ke kedai Mina,
Bertongkat disebabkan lumpuh,
Disiplin dan jati diri di bina,
Agar jiwa tidak mudah rapuh.

Raga dibeli daripada Pak Ripin,
Untuk diisi buah saga,
Anak kecil bakal pemimpin,
Iringan doa dan harapan amat berharga.

Pak Ripin membeli buah naga,
Untuk di makan seisi keluarga,
Anak kecil rapi di jaga,
Kerana mereka pewaris bangsa.

Ya Muhammad


*Nukilan: Norraeffa Md Taib
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Muhammad..
Nama kekasih Allah,
Engkau adalah Rasul pilihan,
Engkau adalah penyelamat umat,
Engkau membawa rahmat dan berkat.


Ya Rasulallah..
Betapa mulianya akhlakmu,
Engkau bagai cahaya kemuliaan Al-Quran,
Engkau umpama purnama penerang
gelapnya jiwa manusia,
Besarnya perjuanganmu menegakkan
agama Islam.


Ya Rasulallah..
Ibadahmu membayangkan kehambaanmu,
Akhlakmu mencerminkan kebersihan
hatimu,
Pemurahmu menggambarkan dunia tiada
di dalam hatimu,
Sabarmu merefleksikan ketahanan jiwamu.

Ya Rasulallah..
Kami beriman kepadanya dengan sepenuh
jiwa dan raga,
Kami tidak pernah bertemu dengannya,
Petunjuknya membawa kita ke syurga,
Ajarannya menjanjikan dunia aman
sejahtera.




**“Setiap hari merupakan
peluang untuk kita
perbaiki diri untuk
menjadi lebih baik ”**





Lain-Lain

- Ayah dan Ibu
 - Inspirasi Orkid
 - Motivasi Pelancongan 'Anime'
 - Dunia
 - Graduan Tanpa Gajet
 - Pembelajaran Berasaskan Gamifikasi di Kalangan Pelajar Universiti
 - Titip Jiwa
 - Puisi Nasihat Bonda
 - Candra dan Jumentara
 - Makmal Impak Terhadap Kurikulum Universiti
 - Lukisan Kehidupan
- 

Ayah dan Ibu

*Nukilan: Mohd Sufian Bin Ab Kadir
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Ibu

Suaramu tidak lagi ku kedengaran lagi
Pantas masa berlalu dimana 14 tahun
ibu meninggalkanku
Sepi, sunyi, hiba pelbagai rasa aku
rasakan
Rindu itu satu penyiksaan
Rindu itu satu yang tiada
penghujungnya....

Ayah

Temanku berbicara, berkongsi dan
tempat aku sandar
Segala keluhan dan rasa hatiku
Kini, ayah telah pergi jua buat selama-
selamanya
Tiada lagi tempat berkasih selepas ibu
tercinta pergi
Luluh ibarat separuh jiwaku pergi

Ayah dan ibu

Kini aku bersendirian
Tiada lagi pesanan, tiada lagi usapan,
tiada lagi tawa dan nangis
Ternyata kehilanganmu amat pedih
Berderai air mata tatkala dihening
malam merinduimu
Moga damai dan tenanglah roh ayah
dan ibu
Disisi Pencipta nan abadi.....

Kini, pusaramu aku kunjungi bagi
mengubati rindu
Rindu yang tiada noktah
Iringan doa untuk buatmu tenang
Ya Allah, ampunilah dosa kedua ibu
bapaku
Aku ingin bersua dengan ibubapaku di
syurga
Rinduimu....
Menyayangimu...
Al Fatihah buat kedua ibubapaku di
sana.... Moga rohnya dicucuri rahmat
aminn...

*Tarikh: 9 Oktober 2022 – Ahad
Masa : 8.20 malam (Maulidur Rasul
1442/2022M).*

Inspirasi Orkid

Nukilan: Yuzaimi Yunus

Fakulti Sains Komputer & Matematik



Sekali imbas gambar ini seperti orkid biasa sahaja. Orkid yang warnanya lembut seperti ini mungkin bukan pilihan ramai. Ramai yang mungkin lebih berminat dengan warna yang terang, lebih menyerlah dan menarik. Bukan bunga orkid secara lahiriah ini yang ingin aku kongsi, tapi cerita disebalik pokok orkid ini.

Asalnya pokok ini dibeli bertahun-tahun yang lepas. Ada beberapa pasu yang lain juga. Tapi akibat kurang penjagaan, malah acap kali lupa disiram, satu demi satu pokok orkid ini mati dan kecut. Akhirnya semua pokok tersebut mati dan kecut kecuali tinggal betul-betul seruas jari kelingking, terbaring lemah didalam pasu dan mula mengering atasnya. Lama terbiar sepi tapi masih bertahan walaupun ia mula mengering perlahan-lahan.

Suatu pagi yang bening, aku ingin membuang semua bunga-bunga yang telah mati dan kering serta rumput-rumput yang mula galak meliar. Terlihat pasu tersebut yang hampir tiada bertanah kerana orkid tersebut ketika dibeli dipenuhi ketulan arang. Inginku buang sahaja tetapi aku lihat ia belumlah kering sepenuhnya. Lalu aku cucukkan sahaja didalam pasu yang lain. Ku tambah tanah dan kusiram. Seperti biasa aku masih culas menyiram. Kadang-kadang ku siram pagi dan petang. Kadang-kadang langsung tak bersiram.



Hinggalah suatu hari, tanpaku sedari pokok orkid tu telah mula membesar dan berdaun. Diam tak diam pokok orkid tersebut mula mengeluarkan kudup-kudup bunga. Sehingga kini telah tiga kali orkid tersebut berbunga secara berterusan. Aku benar-benar terkesima. Sungguh aku kagum dengan 'semangat' orkid tersebut untuk terus hidup. Daripada keadaan yang boleh dikatakan tiada harapan, sehingga membawa keceriaan dengan bunga yang tidak putus-putus.

Dari orkid ini aku belajar, supaya kita berhijrah ke tempat yang lebih baik jika persekitaran sekarang kurang baik. Sekiranya orkid tersebut masih didalam pasu yang lama, mungkin ia telah mati dan kering sekarang. Bertahan walau keadaan getir sekalipun untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Carilah bantuan yang sesuai dan sahabat yang sanggup membantu ketika keadaan kita getir. Jangan sekali putus asa dengan rahmat Allah. Biarpun nampaknya seperti tiada harapan, selagi bernyawa, selagi hidup, harapan untuk berjaya itu masih ada. Balaslah kejahatan dengan kebaikan. Biar aku culas menyiram dan membaja, orkid ini masih menghadihkan kuntuman bunga yang cantik, menyerikan lamanku yang suram. Setiap kali aku merasa tertekan dan murung, aku lantas memandang orkid tersebut. Orkid tersebut tidak mampu bergerak, mengharapkan bantuan untuk dialihkan, mengharapkan hujan atau mengharap orang menyiram tapi masih berjuang untuk terus hidup. Berjuang untuk menghadihkan kuntuman yang mekar. Sedangkan kita manusia, dianugerahkan akal dan boleh bergerak bebas, masih kerap merungut tentang hidup. Terlalu banyak pengajaran yang boleh diambil disekeliling kita. Terima kasih orkid!

Motivasi Pelancongan 'Anime'

*Nukilan: Mashita Abdul Jabar, Zaity Akhtar Mukhtar, Shareenie Shera Abdul Hamid, Nik Rozilaini Wan Mohamed
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan*

Lawatan Anime (atau animasi) merujuk kepada melawat destinasi di mana plot dan/atau watak animasi tertentu berasal, walaupun destinasi itu mungkin dianggap biasa kepada mereka yang bukan peminat tegar anime (Ono et al., 2020). Lawatan sebegini membolehkan pelancong mengimbau kepada pengalaman masa lalu mereka, kerana animasi merupakan sebahagian daripada kenangan zaman kanak-kanak yang penting dan disukai (Heupel, 2020). Sama seperti lawatan ke destinasi keagamaan, lawatan anime juga sangat dihargai dan mempunyai kepentingan peribadi kepada pelancong (Kirillova et al., 2019).

Perbezaan utama antara motivasi untuk melawat destinasi anime dan destinasi pelancongan lain terletak pada ciri unik animasi tersebut berdasarkan kepentingan budaya dan kepentingan peribadinya kepada pelancong (Kirillova et al., 2019). Perbezaan ini menjadikan pelancongan ke destinasi anime sangat bermakna dan penting bagi pengalaman hidup seorang pelancong anime, walaupun pelancong lain menganggap destinasi tersebut hanya untuk tujuan rekreasi (Crompton & McKay, 1997).

Kajian Kirillova et al. (2019) mendedahkan tiga motif utama yang menggalakkan pelancong melawat destinasi anime. Pertama, menggabungkan realiti dan fantasi, kedua, ikatan kemasyarakatan dan ketiga, pembangunan diri. Ketiga-tiga motivasi ini mencerminkan gabungan ciri destinasi dan keperluan intrinsik seseorang, kerana destinasi merupakan elemen inspirasi daripada filem anime, mendorong individu untuk berfantasi dan mengimbau kenangan diri mereka dengan watak dan adegan tertentu (Kirillova et al., 2019). Ono et al. (2020) menjelaskan bahawa pengaruh sosial adalah faktor utama lawatan anime; kerana peminat anime yang menemui lokasi anime boleh menyiarkan penemuan mereka dalam talian untuk mempengaruhi tingkah laku orang lain.



Justeru, dalam industri pelancongan, operator pelancongan telah mula memanfaatkan unsur anime untuk menarik pelancong yang mempunyai minat khusus dalam anime ke destinasi anime. Sebagai contoh, pihak berkuasa pelancongan Jepun telah mencipta peta karikatur mempamerkan pelbagai tarikan anime, acara subkultur dan perayaan (Organisasi Pelancongan Kebangsaan Jepun, 2014). Apa yang lebih menarik ialah kebelakangan ini menyaksikan peningkatan pelancongan anime hasil daripada aktiviti pemasaran yang agresif. Contohnya, Jepun telah menarik lebih 7 juta ketibaan pelancong China pada 2017, dimana majoriti pelancong tersebut menyatakan anime Jepun sebagai produk pelancongan pilihan (Kirillova et al., 2019). Antara anime tersohor adalah seperti Dragon Ball, Sailor Moon, Doraemon, Crayon Shin-Chan, Slum Dunk, Pokemon dan banyak lagi telah berjaya menembusi rancangan televisyen secara global.

Dunia

*Nukilan: Nani Shuhada Binti Sehat
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Dunia,
Bukan tempat untuk kita berjuang bermati-matian untuk kesenangan,
Bukan tempat untuk kita bersuka-suka seperti akan hidup tanpa penghujungnya,
Bukan tempat untuk kita menegakkan kebatilan,
Bukan tempat untuk kita bangga dengan pangkat dan harta kekayaan yang kita kecapai,
Bukan tempat untuk kita bermegah-megah dengan pasangan yang baik rupa paras,
Bukan tempat untuk kita mendabik dada melihat kejayaan anak di bidang akademik dan kerjaya,
Bukan tempat tinggal kita hingga penghujungnya.

Dunia,
Ia adalah wadah untuk hambaNYA belajar erti redha,
Ia adalah wadah untuk hambaNYA menerima kegagalan,
Ia adalah wadah untuk hambaNYA pasrah dengan kehilangan,
Ia adalah wadah untuk hambaNYA menjaga kehormatan,
Ia adalah wadah untuk hambaNYA berusaha untuk mendapatkan syurga ALLAH.

Dunia,
Hanyalah persinggahan sementara,
Hanyalah tempat untuk kita memainkan peranan sebagai hamba-NYA,
Hanyalah medan untuk kita menjadi pemegang watak utama dalam jalan cerita kita,
Jalan cerita yang telah ALLAH tulis untuk kita di Lauhul Mahfuzah,
Jalan cerita mengenai rezeki, ajal, jodoh, maut, amal, kecelakaan, kebahagiaan,
Semuanya telah tertulis oleh Sang Pencipta,
Tugas kita buat pilihan,
Arah jalan mana yang kita ingin lalui,
Jalan yang sempit yang membawa kepada kehidupan,
Atau jalan yang luas yang membawa kepada kehancuran.

Inilah dunia,
Yang pasti ia bukan tempat kita selamanya,
Akhirat jua pasti,
Syurga matlamat kita,
Neraka mohon dijauhkan.

Graduan Tanpa Gajet

*Nukilan: Nurazian Mior Dahlan
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*

Masih wujudkah spesies graduan seperti ini?

1) Menyalin nota kuliah di atas kertas A4?

Dan kertas-kertas ini dijilidkan untuk dijadikan panduan menjelang peperiksaan akhir..
Nota-nota yang sudah dijilidkan ini pula akan dijual kepada adik adik yang akan ambil kelas pada semester hadapan,,,

2) Membuat Tugas pengaturcaraan di dalam makmal komputer sehingga makmal tutup pada 10 malam?

Elaun hanya cukup untuk saraan hidup .. tiada lebih tiada kurang...

Tiada elaun tambahan untuk makan makanan hipster atau beli air kopi kafe viral, apatah lagi untuk membeli komputer peribadi...

Di kala kawan sebilik menyiap tugas komputer di dalam bilik di hadapan komputer peribadinya, kita bersengkang mata, berebut komputer di makmal komputer kampus....

Kalau tugas pengaturcaraan dapat disiapkan awal, alhamdulillah....

Kalau tugas yang perlu dibuat berulang-ulang kali., aduh.. Alamatnya kebaslah duduk di dalam makmal sehingga tutup...

3) Menggunakan kemudahan di perpustakaan kampus yang beroperasi 24 jam?

Terima kasih kepada staf-staf yang masih bertugas sepanjang hari dan malam....

Dengan adanya insan insan inilah..

Anak yatim ini dapat meminjam buku teks sebagai buku rujukan sepanjang semester...

Anak yatim ini dapat menyiapkan tugas-tugas dengan menggunakan komputer di perpustakaan...

Anak yatim ini dapat mencetak tugas dengan kemudahan-kemudahan pencetak ...

Anak yatim ini dapat menamatkan pengajian Sarjana Muda Sains Komputer dengan jayanya ...

Pembelajaran Berasaskan Gamifikasi di Kalangan Pelajar Universiti

*Nukilan: Dr Irfah Najihah Binti Basir Malan
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Bagaimana sistem pengajian tinggi boleh membantu dalam menambah baik hasil pembelajaran di kalangan pelajar Universiti? Seperti mana yang kita sedia maklum, sistem pendidikan di Malaysia perlu melakukan suatu anjakan paradigma dalam meningkatkan kecemerlangan imej dan kualiti pendidikan ke taraf dunia bagi memperolehi status World Class Education. Pembelajaran berasaskan gamifikasi menerapkan budaya inovasi dalam pengajaran yang mampu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih interaktif serta dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara. Gamifikasi dalam istilah yang lebih mudah bermaksud penerapan prinsip permainan dalam konteks bukan berasaskan permainan. Ia sama seperti tempat pelajar bermain Call of Duty untuk menjadi legenda ranking, Dota 2 atau Fortnite untuk memperoleh mata tertinggi untuk memenangi papan pendahulu. Sebagai seorang pensyarah, saya selalu menggabungkan elemen gamifikasi ke dalam pedagogi pengajaran untuk manfaat pengalaman pembelajaran. Terdapat kesan-kesan positif pembelajaran berasaskan gamifikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Generasi pelajar yang kita ajar sekarang sangat berbeza dengan cara kita belajar pada masa yang lepas. Mereka lebih celik ke arah teknologi. Oleh itu, para pensyarah perlu berfikir secara kreatif tentang cara mengekalkan perhatian dan minat pelajar sepanjang tempoh pengajaran. Dengan mempraktikkan kaedah gamifikasi topik, para pensyarah akan dapat menarik pelajar melibatkan diri dalam perbincangan atau aktiviti berbanding dengan hanya menyampaikan ilmu di dalam kelas. Pelajar akan dapat berkongsi pemahaman dan persepsi mereka berbanding dengan hanya mendengar keseluruhan kuliah selama 1 atau 2 jam tanpa banyak berfikir. Gamifikasi menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif. Walaupun pada awalnya mereka akan berasa tidak selesa untuk diletakkan di tempat yang memerlukan mereka menjawab soalan dengan kadar segera, lama-kelamaan mereka akan dapat menikmati elemen persaingan gamifikasi kerana mereka sendiri dapat melihat perkembangan dalam tahap keyakinan mereka dan menyelesaikan masalah yang kompleks secara kreatif. Oleh itu, gamifikasi adalah teknik yang baik untuk diguna pakai bagi menggalakkan semua pelajar untuk mengambil bahagian dalam perbincangan.



Gamifikasi meningkatkan pengalaman pelajar dalam mempelajari sesuatu modul dalam membangkitkan rasa ingin tahu mereka, memupuk persaingan dalam kalangan pelajar dan mewujudkan rasa kawalan. Sesiapa sahaja yang ingin mencuba gamifikasi boleh melakukannya untuk mana-mana modul pembelajaran. Untuk modul saya, saya memperkenalkan konsep 'speed-dating', 'augmented reality learning', 'belajar menggunakan gambar' untuk mendapatkan perhatian dari pelajar dalam pembelajaran modul Kewangan. Pelajar kemudiannya akan dianugerahkan dengan 'mata' dan mata tertinggi akan menerima hadiah. Konsep gamifikasi masih agak baru dalam kalangan ahli akademik yang mengajar modul Kewangan tetapi saya berharap suatu hari nanti pensyarah kewangan lain akan mula menerapkan pendekatan gamifikasi terhadap modul mereka.

Saya percaya apabila mereka didedahkan dengan gamifikasi dengan menghadiri kelas yang dikendalikan oleh pensyarah lain, mereka akan menyedari bahawa tidaklah begitu sukar untuk megamifikasikan pelajaran. Kadang-kadang ia tidak memerlukan penggunaan teknologi. Apa yang diperlukan ialah pensyarah berimajinasi atau menerima pakai apa yang mereka lihat daripada siri TV kegemaran mereka ke dalam kelas mereka. Gamifikasi memerlukan penggunaan prinsip permainan ke dalam konteks bukan berasaskan permainan. Sebagai contoh, apabila modul memerlukan pelajar belajar menggunakan Minecraft, pelajar kemudiannya perlu mereka bentuk permainan atau papan cerita mereka sendiri. Untuk pembelajaran modul kewangan, pensyarah boleh menggunakan pembelajaran berasaskan permainan tetapi ia akan mengambil sedikit masa sebelum mana-mana daripada kita, termasuk saya sendiri untuk membiasakan diri dengan program ini. Sebilangan pelajar secara umumnya bersikap positif terhadap pengenalan gamifikasi dalam pembelajaran mereka manakala ada sebilangan pelajar lebih suka disuap. Ia benar-benar bergantung kepada bagaimana modul itu direka bentuk, jenis gamifikasi yang digunakan, ciri pelajar dan pelbagai faktor lain. Pensyarah akan sentiasa memberikan yang terbaik semasa menyampaikan pengajarannya dan perlu menyusun semula strategi atau mengubahsuai penyampaian modul untuk semester yang akan datang bergantung kepada maklum balas pelajar.



Gamifikasi lebih kepada teknik di mana pensyarah boleh pakai. Alangkah baiknya jika lebih ramai pensyarah cuba menggiatkan pengajaran mereka tetapi sudah tentu terdapat juga pedagogi pengajaran lain yang berkesan seperti gamifikasi. Saya secara peribadi percaya bahawa kita harus membiarkan pendidik berasa bebas untuk membuat keputusan tentang teknik pengajaran yang mereka rasa selesa. Sesetengah mungkin lebih suka pembelajaran berasaskan kes, pembelajaran autentik atau pembelajaran berasaskan masalah, jadi adalah baik untuk mempunyai pelbagai teknik pengajaran supaya pelajar juga akan dapat mengalami jenis inovasi atau pedagogi lain yang diperkenalkan oleh pensyarah lain.

Lebih banyak sesi perkongsian dilakukan untuk mempromosikan gamifikasi, lebih banyak peluang untuk pendidik di Malaysia melaksanakan gamifikasi dalam modul masing-masing. Di Malaysia, terdapat sebuah institusi bernama 'Game Development Council of Malaysia' yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk membangunkan bakat dalam ekosistem Pembangunan Permainan Malaysia. Pengerusi Majlis bersungguh-sungguh dalam mempromosikan pelbagai webinar yang berkaitan dengan 'Pembelajaran Berasaskan Permainan' atau 'Gamifikasi' untuk menyokong konsep permainan kepada pendidik di Malaysia. Kerana permainan tidak terhad kepada 'permainan' semata-mata tetapi ia boleh diterima pakai dalam pendidikan untuk menggalakkan pelajar belajar di luar kotak fikiran mereka. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada kreativiti pensyarah tentang bagaimana mereka boleh mencerikan pengajaran mereka dengan sebaiknya. Terdapat beberapa pensyarah yang jauh lebih maju daripada saya apabila mereka mempunyai 'platform permainan' sendiri untuk mengajar modul mereka. Ia sememangnya memerlukan pelaburan di bahagian institusi pendidikan tetapi selagi pensyarah boleh mewajarkan keperluan platform itu, maka mengapa tidak menggunakannya.

Titip Jiwa

*Nukilan: Nurkhasilah Idris
Kolej Pengajian Seni Kreatif*

Sering kali ia datang
Namun mustahil menyinggah
Lalu dititipkan satu tanda
Tanda lain datang menimpa

Lalu mengolah
Mengalih jalan melangkah
Menghindar tanpa arah
Bisakah lagi untuk tabah
Terus kuat tidak menyerah
Atau biar saja diri mengalah
Pada beban kian parah

Puisi Nasihat Bonda

*Nukilan: Aemillyawaty Binti Abas & Nur Syuhada Binti Muhammad
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan*

Duhai anak junjungan jiwa,
Semat di hati nasihat bonda,
Anakanda jauh bonda hiba,
Di angin lalu ku titip doa.

Sembilan bulan dikau ku kandung,
Bercerai nyawa bonda rela,
Tika lahir dikau ku junjung,
Bagai bulan jatuh ku riba.

Ku dakap ku belai ku susu ku manja,
Ku didik ku asuh penuh cinta,
Agar kau mekar insan sempurna,
Bangga di hati ayah dan bonda.

Perintah Allah jangan kau leka,
Sunnah Rasul ikutan kita,
Pada yang tua berhati mulia,
Pada nan kecil berhati pemurah.

Tika dikau di perantauan,
Bijak memilih teman dan taulan,
Budi bahasa jadi hiasan,
Hidup mulai penuh ihsan.

Tika bonda uzur lah sudah,
Usah diherdik di maki seranah,
Tika kau punya cahayamata,
Asuhlah dia bagai mutiara.

Ingatlah intan permata bonda,
Dunia hanya fatamorgana,
Redha Allah atas redha bonda,
Dunia bahagia akhirat ke syurga.

Candra dan Jumantara

*Nukilan: Nor Intan Shafini Nasaruddin
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*

Seringkali diri ini leka menatap indahnya si candra
Mengagumi gemerlap cahaya sinarannya
Tanpa sedar pekatnya warna hitam jumantara
Setia menemani
Setiap malam
Setiap detik masa
Tanpa lelah


Semoga diri ini akan sentiasa menghargai keduanya
Candra dan Jumantara

Makmal Impak Terhadap Kurikulum Universiti

Nukilan: Dr Irfah Najihah Binti Basir Malan

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Makmal Impak melibatkan kumpulan para akademik, kakitangan profesional dan pelajar di mana ia bertumpu kepada kaedah penyelesaian untuk mencapai kemajuan yang menyokong Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Ia secara tidak langsung dapat menyatukan kepakaran transdisiplin dari seluruh universiti, kerajaan, perniagaan dan organisasi dalam menangani cabaran yang kompleks. Makmal Impak membolehkan penyepaduan penyelidikan, pendidikan dan advokasi untuk menyampaikan penyelesaian praktikal, membentuk dasar baru, atau membangunkan produk yang boleh menyumbang kepada komuniti. Kurikulum Universiti perlu diselaraskan untuk membolehkan pelajar menjalankan Projek Impak bagi menangani cabaran yang sejajar dengan Makmal Impak. Oleh hal yang demikian, tumpuan penyelidikan universiti perlu diselaraskan dengan Makmal Impak. Selain itu, beban pengajaran seseorang akademik tidak akan terjejas oleh Makmal Impak. Bahkan para akademik perlu menyesuaikan diri untuk mengimbangkan Makmal Impak yang berkaitan. Tujuan pembelajaran dengan Makmal Impak tidak akan mengubah penilaian prestasi untuk para akademik. Perkara yang paling penting adalah untuk menggalakkan para akademik memfokuskan semula aktiviti pengajaran, penyelidikan dan advokasi untuk mencapai kesan kepada komuniti dan seterusnya industri.




Lukisan Kehidupan

*Nukilan: Yusarima Muhamad
Fakulti Sains Komputer dan Matematik*

Nikmati kehidupan ini
Walau berliku rintangan yang mendatang
Nikmati syurga duniawi sementara ini
Sebelum menuju ke alam abadi
Syukuri nikmat yang diberi
Sebelum ia pergi dan takkan kembali
Warnai kehidupan ini
Dengan warna-warna pelangi.
Bangunlah dari mimpi indah
Berdirilah bagi yang rebah
Itulah lukisan kehidupan
Ada warna warninya,
Pentas kehidupan ada suka dan dukanya.
Kitalah pelakornya
Yang melakonkan watak yang kita cipta
Pilihan di tangan kita
Baik atau antagonis
Tapi jangan lupa
Yang kita akan mati
Beriman dan taqwa jangan dilupai
Kita yang melukiskannya
Menjadi lukisan terindah
Itula sebuah kehidupan sebenar.

The background features abstract, organic shapes in shades of purple, yellow, and grey. A large, light purple shape is in the top right corner, with a smaller yellow oval nested within it. A grey shape is in the top left. At the bottom, a large purple shape is partially enclosed by a thick yellow line that forms a loop.

Sekian



ILHAM **KAMPUS**

Edisi Kedua 2022

IDEA, KONSEP & TERBITAN:

Unit Buletin,

Jurnal dan Penerbitan Universiti (JPU),

Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI),

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka